

Bil. 8

**Khamis
17 Mac 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 17)
USUL: Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti)</i>	(Halaman 18)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
12. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRs
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

18. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (Kosong)
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P., P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO

25. Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. " Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. " Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. " Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. " Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. " Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
40. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. " Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. " Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. " Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. " Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

57. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
68. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
69. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
70. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
71. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
72. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jejebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]

19. Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]

28. Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAHAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P.
[Bandar Tun Razak]

PARLIMEN MALAYSIA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Mohd Sazali bin Mohd Zin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Siti Nasirah binti Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 17 Mac 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, keberkesanan kadar saman trafik atau penguatkuasaan sistem mata demerit kesalahan jalan raya dan AES bagi mendidik pemandu menjadi lebih berhemah di jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kadar saman yang tinggi hanya berkesan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan. Sebaliknya tidak menjadi sesuatu bebanan kepada mereka yang berkemampuan dan berpendapatan tinggi. Pengguna jalan raya yang berkemampuan dan tidak menghormati peraturan akan cenderung mengulangi kesalahan lalu lintas dan melakukan bayaran kompaun atau denda sekiranya tiada inisiatif penguatkuasaan yang lain untuk menyekat mereka daripada melakukan kesalahan yang sama berulang kali.

Dalam hubungan ini, sistem mata demerit atau KEJARA adalah satu inisiatif penguatkuasaan yang berkesan dalam memastikan semua pengguna jalan raya menghormati dan mematuhi peraturan lalu lintas tanpa mengira latar belakang pendapatan mereka. Ini memandangkan di bawah sistem KEJARA yang baru ini akan dilaksanakan kelak, mata demerit akan dikenakan apabila penalti yang ditetapkan bagi sesuatu notis saman diselesaikan melalui pembayaran sama ada cara bayaran kompaun atau denda yang ditentukan oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna jalan raya yang telah mengumpul suatu mata yang telah ditetapkan, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen memandu akan dikenakan setelah sesuatu amaran diberikan. Dalam erti kata yang lain, sistem KEJARA ini akan dapat memastikan pengguna jalan raya agar tidak mengulangi kesalahan lalu lintas dan berupaya mengubah tingkah laku ke arah pemanduan yang berhemah dan mengutamakan budaya *safety first*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek keberkesanan sistem AES pula, berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh lapan bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kepada 12 kes bagi tempoh lapan bulan selepas pelaksanaan. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh kes kemalangan maut ataupun 36.84 peratus bagi tempoh lapan bulan.

Kajian MIROS juga menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES adalah 63 peratus sebelum pelaksanaan AES dan kadar pematuhan had laju telah meningkat kepada 91 peratus selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja. Mengambil kira perkara-perkara tersebut, kerajaan akan terus melaksanakan dan memperluaskan pemasangan kamera AES dari semasa ke semasa. Sistem AES ini akan dilaksanakan secara bersekali dengan penguatkuasaan sistem KEJARA bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya. Terima kasih.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang panjang. Mengikut statistik ataupun mengikut PDRM mengeluarkan saman lebih kurang 28.4 juta trafik dengan nilai kompaun RM1.6 bilion. Manakala statistik kemalangan seperti yang kita ketahui tahun 2014 melibatkan 476,000 kemalangan melibatkan kematian lebih kurang 6,674 nyawa.

Soalan saya, apakah undang-undang yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kurang berkesan dalam melaksanakan undang-undang atau mendidik rakyat di negara kita berbanding dengan negara jiran. Walaupun ada pengurangan tetapi seolah-olah jalan raya di Malaysia ini merupakan lubang kematian kepada rakyat kita. Jadi mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jawapan tambahan kepada soalan. Terima kasih.

■1010

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai keberkesanan undang-undang yang sedia ada, sebab itu kerajaan akan melancarkan sistem AES dan KEJARA ini dengan satu penjenamaan semula yang dipanggil AWAS ataupun singkatannya *Automated Awareness Safety System*. Seperti yang saya maklumkan tadi, gabungan antara kamera AES dan sistem KEJARA ini akan memberi penguatkuasaan yang lebih efektif dan sebagai contoh sistem AES kali ini, kita akan membuat tangkapan ataupun merakam gambar dari belakang supaya ianya lebih memberi kesan termasuk kepada motosikal kerana plat nombor motosikal ini kalau daripada depan, dia susah hendak kita rakam tetapi dari belakang, kita dapat rakam dengan jelas. Sebagai contoh, di *traffic light* merakam pesalah adalah dari belakang. Jadi rakaman kamera ini hanya kita menumpukan kepada kelajuan dan juga kesalahan pematuhan *traffic light*.

Seterusnya dalam sistem mata *demerit* pula, kita akan bermula dengan 20 mata. Maknanya 20 mata pertama, dia akan diberi amaran dan 20 mata kedua akan digantung dan 20 mata ketiga iaitu 60 mata terus akan dibatalkan. Jadi pihak kerajaan yakin dengan sistem KEJARA ini akan lebih memberi kesan yang lebih baik untuk semua pengguna lalu lintas. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh gagal mematuhi lampu isyarat, untuk kenderaan persendirian akan dikenakan empat mata dan melebihi had laju juga empat mata dan memotong di dua garisan juga empat mata dan memandu di lorong kecemasan juga akan dikenakan empat mata. Jadi kalau 20 mata dalam setahun, terus akan diberi amaran dan 20 mata kedua akan digantung. Dalam sistem penggantungan ini pula, pihak JPJ ada membuat opsyen untuk membuat *rehabilitation*.

Sekiranya pemandu yang telah digantung bersetuju untuk menghadiri *rehabilitation* yang akan dianjurkan oleh pihak JPJ, akan dikurangkan waktu penggantungan itu. Jadi kita harap sistem yang baru ini akan memberi kesan yang baik kepada pengguna jalan raya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang saya nampak terlampau berminat sangat untuk tanya soalan ini, Yang Berhormat Pokok Sena. Ini dia punya *favorite subject*. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri dalam penjelasan awal berkaitan dengan sistem KEJARA ini menjelaskan bahawa sebelum ini maknanya kalau orang yang ada duit, dia boleh bayar kompaun. Tak adil kan, tak adil. Orang yang ada duit, dia boleh bayar kompaun tetapi orang tak ada duit, dia tak boleh bayar. Jadi ini menyebabkan KEJARA itu dikuatkuasakan, walaupun bayar atau tak bayar akan dikenakan KEJARA ini atau sistem *demerit* ini. Maknanya sekarang ini orang miskin pun kena, orang kaya pun kena. Orang miskin pun kena bayar kompaun, orang miskin pun kena pi mahkamah. Orang kaya pun kena pergi mahkamah, jadi dua-dua sekali. Kemudian disekalikan dengan AES. Maknanya di *integrated* antara AES dengan KEJARA.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, kalaulah KEJARA yang dimaklumkan, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa ia sangat berkesan untuk mendidik, saya fikir bahawa tak perlulah kita denda. Tak perlu lagi hendak denda, tak perlu lagi hendak kompaun. Cukup dengan saman mereka kemudian laksanakan KEJARA. Persoalannya ialah KEJARA ini sejak dari tahun 1984 lagi tak dikuatkuasakan secara yang bersungguh-sungguh, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi menyebabkan tak dapat hendak nilai keberkesanan yang sebenarnya tetapi bagi saya bahawa KEJARA inilah yang merupakan satu pelaksanaan yang sepatutnya dilaksanakan tetapi oleh kerana kerajaan fikir kalau laksanakan KEJARA sahaja maknanya gantung lesen dan sebagainya tanpa bayar denda, makna kerajaan tak dapat duit.

Jadi AES sekarang ini, duit pun dapat lesen pun kena gantung. Jadi bagi saya bahawa sepatutnya cukup sekadar sistem KEJARA iaitu tahan lesen dia, gantung lesen dia, beri amaran, gantung lesen dan sebagainya, itu sudah cukup untuk mendidik. Bukannya kita mengambil kaedah untuk mencari untung atas kesalahan yang dilakukan oleh orang kalau betul-betul kita hendak lihat bahawa keberkesanan kepada kita hendak mengawal atau mengelak daripada berlaku kemalangan jalan raya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena salah faham. KEJARA yang dulu, siapa yang bayar saman automatik mata KEJARA hilang tetapi sekarang kita ubah kerana kalau cara dulu, siapa yang banyak duit dia bayar, dia hilang mata KEJARA, jadi itu tidak adil. Seperti yang saya sebutkan kita hendak adil kepada semua dan yang pertama penting ialah untuk mendisiplinkan pengguna jalan raya. Maka sebab itu sistem KEJARA diubah. Kali ini sistem KEJARA walaupun dia bayar saman, mata tetap ada direkod oleh JPJ. Maknanya dia tidak terlepas daripada mata *demerit* yang mana sekiranya dia terus melaksanakan kesalahan jalan raya, dia tidak terlepas daripada penalti.

Jadi sebab itu sampai buat 20 mata, dia akan diberi amaran. *First 20* dan 20 mata yang kedua ialah dia akan terus digantung dan dalam penggantungan itu, kita ada satu opsyen sekiranya dia hendak ubah tingkah laku, dia kena menghadiri satu kursus yang dianjurkan oleh JPJ dalam tempoh seminggu dan penggantungan ini setahun, enam bulan hingga setahun. Jadi kalau dia kena setahun, dia boleh kurangkan jadi enam bulan tetapi dengan syarat dia menghadiri *rehabilitation course* dan ini merupakan satu sistem untuk mendisiplinkan keseluruhan pengguna jalan raya tak kira dia berpendapatan tinggi ataupun berpendapatan rendah dan ianya lebih adil.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau hendak disiplin, tak perlu ambil duit. Cukup buat disiplinlah, itulah pendidikan. Ini apa hendak cari duit?... [*Dewan riuh*]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, pergi merata dunia pun, semua kesalahan lalu lintas akan dikenakan denda. Tidak ada satu negara yang tidak akan kena denda.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi dendalah, tak payahlah buat gantung lesen.

2. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan secara terperinci, statistik graduan yang menganggur sehingga Februari 2016 dan langkah-langkah berkesan yang telah, sedang dan akan dijalankan kementerian bagi memastikan graduan Malaysia memperoleh pekerjaan dan kekal berdaya saing di dalam pasaran kerja tempatan.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Pasir Mas pada 30 Mac 2016 dan Yang Berhormat Setiu pada 5 April 2016 memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan iaitu kebolehpasaran graduan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan sistem kajian pengesanan graduan bagi tahun 2015, seramai 23.9 peratus ataupun 54,867 orang graduan yang dikaji masih belum bekerja dalam tempoh tiga bulan sebelum konvokesyen.

■1020

Kajian ini adalah kajian di peringkat antarabangsa menggunakan tempoh yang lebih panjang iaitu satu tahun sahaja sebagai penanda aras kebolehpasaran. Kita hanya menggunakan tiga bulan. Jumlah yang akan bekerja akan meningkat jika tanda aras satu tahun digunakan.

Bagi menangani isu pengangguran dan membantu mahasiswa meningkatkan keupayaan sara diri mereka selepas bergraduat Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program kebolehpasaran graduan ataupun *graduate employability*. Program kebolehpasaran graduan bertujuan untuk meningkatkan lagi nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional mereka keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

Ini juga dibantu oleh SL1M, Skim Latihan 1Malaysia dan juga TalentCorp. Untuk pelajar-pelajar yang masih belajar beberapa program sedang dilaksanakan antaranya keusahawanan siswa di mana mahasiswa digalakkan untuk berniaga di dalam kampus ada juga yang berniaga di luar kampus. Di mana ruang-ruang niaga disediakan di dalam kampus dan beberapa program dengan kerjasama PUNB, TERAJU, MTDC dan lain-lain.

Program Integrated CGPA juga membantu kerana para pelajar bukan hanya ditaksir akademik mereka tetapi mereka juga ditaksir tentang keusahawanan mereka, kemampuan pengurusan mereka, kemahiran sosial dan juga kemahiran berkomunikasi mereka. Dengan *Integrated CGPA* ini penaksiran ini bukan hanya akan mereka dinilai selepas mereka bergraduat. Mereka dinilai semasa mereka masih lagi belajar iaitu dengan menggunakan kaedah *for learning* dan juga *of learning*. Program CEO *faculty* juga membantu mereka kerana pelajar-pelajar akan didedahkan dengan syarahan-syarahan oleh tokoh-tokoh korporat seperti Tan Sri Azman Mokhtar, Tony Fernandes, Abraham Liu dari *Huawei*, CEO *Samsung*, CEO *Shell*, CEO *CIMB*, *Maybank*, *Motorolla* dan sebagainya. Mereka diberi mendengar syarahan dan juga mampu berinteraksi dan interaksi dengan CEO akan menambah baik kurikulum-kurikulum dan meningkatkan kolaborasi antara akademi dan juga industri.

Program-program 2U2I iaitu program dua tahun universiti, dua tahun industri juga akan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Ini akan dilaksanakan di UMK Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang keusahawanan dan juga UMP iaitu dalam bidang pengurusan ladang pada September ini. Program-program *proficiency* bahasa Inggeris telah menampakkan peningkatannya di mana dalam pencapaian Band 3 ke atas Ujian MUET atau *Malaysia University English Test* di mana kita lihat mereka yang mencapai Band 3 ke atas telah meningkat sebanyak 27 peratus. *Insyah-Allah* program-program ini akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar-pelajar semasa dan selepas mereka bergraduat nanti.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri kerana telah memberikan pencerahan terhadap persoalan ini khususnya yang berkaitan dengan program-program atau inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan khususnya kementerian dalam aspek kebolehpasaran graduan cuma saya fikir penanda aras yang dikemukakan tadi mungkin tidak mencerminkan keadaan sebenar di bawah. Misalnya bagi graduan bidang kedoktoran. Kita baca tahun lalu ada laporan media misalnya yang menyatakan *from a doctor to a waiter* mereka belajar menjadi doktor tetapi tidak berjaya mendapat kerjaya sebagai doktor kerana terlebih doktor dalam negara kita.

Tentunya dimensi yang lain ialah soal graduan ini ada yang dianggap ataupun yang dinyatakan memilih pekerjaan sehingga ke tahap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjadikan sebagai satu asas untuk menjustifikasikan kemasukan 1.5 juta orang warga Bangladesh sebagai pekerja dalam beberapa industri. Sedangkan secara realiti di lapangan bukannya sedikit graduan yang memilih atau menceburkan diri di dalam industri yang tidak ada kaitan dengan bidang mereka di universiti.

Cuma saya ingin tanya kerajaan apakah ada satu koordinasi dalam kalangan semua kementerian berkaitan khususnya dalam mana-mana isu spesifik seperti yang saya sebutkan tadi pengangguran di bidang kedoktoran, *nursing* dan sebagainya. Apakah kerajaan akan meneruskan program *MyBrain 15*, saya dengar tadi tidak ada. Program *MyBrain* ini telah pun dirancang oleh kerajaan terutama dalam menggalakkan lepasan ijazah pertama untuk menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan PhD. Apakah ini akan diteruskan dalam program Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jawab yang kemudian dululah. *MyBrain15* ini akan diteruskan sebab itulah kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta dalam bajet *reconstructive* baru-baru ini untuk memastikan pelajar-pelajar dalam bidang-lulus siswazah-siswazah dalam bidang Master dan juga Ph.D mampu untuk menyambung.

Alhamdulillah, baru-baru ini kita telah memberi biasiswa kepada 10 ribu pelajar-pelajar yang mampu untuk menyambung pendidikan mereka dalam bidang master dan juga Ph.D di universiti-universiti tempatan.

Berhubung dengan doktor-doktor Yang Berhormat Bukit Katil mengatakan doktor-doktor tadi sebenarnya dalam kita membuat kajian, kajian itu *census* dia bukan kajian yang rambang. Angka yang kita beri itu adalah tepat, kita tahu siapa yang bekerja, siapa yang tidak bekerja. Saya katakan mula-mula tadi angka inilah untuk masa tiga bulan. Di peringkat antarabangsa *benchmarking* penanda aras ialah satu tahun. *Insyallah* jika kita memanjangkan lagi masa dalam satu tahun jumlah kebolehpasaran itu akan meningkat.

Berhubung dengan doktor tadi ini ialah isu *housemanship* jumlah-jumlah doktor bukan hanyalah lambakan yang ada dalam negara tapi juga lambakan-lambakan yang datang dari luar negara dan *Medical Council* sedang melihat perkara ini agar lambakan itu tidak akan berlaku lagi.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya terus kepada soalan tambahan saya. Saya cuma hendak bertanya bagi pihak kementerian apakah perancangan pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh siswazah lepasan ijazah sarjana muda pendidikan ataupun ISMP keluaran IPTA yang masih lagi belum mendapat pekerjaan dan masih lagi menganggur? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sebenarnya daripada dahulu lagi ijazah ini mereka telah diberitahu bahawa mereka tidak ada perjanjian dengan kerajaan bahawa mereka ini akan diserapkan dalam sistem persekolahan sebenarnya ini oleh Kementerian Pendidikan. Akan tetapi, anggapan sejak dahulu lagi di mana apabila mereka bergraduasi daripada IMP ini mereka semestinya bukan satu ketetapan yang telah dipersetujui oleh kerajaan sejak dari mula. Ini kita kena rujuk pada Kementerian Pendidikan tentang pengambilan mereka agar kita pastikan yang tidak ada lebih pada masa-masa yang akan datang.

3. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah jumlah usahawan wanita luar bandar yang telah berjaya dicapai oleh kementerian dan apakah usaha untuk membangunkan wanita luar bandar terutamanya.

■1030

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang kita dapati daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, terdapat 1.18 juta usahawan wanita yang berdaftar. Di bawah KKLW pula, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan daripada RISDA, terdapat 6,702 orang usahawan yang telah berdaftar. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan wanita tidak mengira sama ada mereka berada di bandar ataupun di luar bandar. Program-program meningkatkan taraf ekonomi wanita termasuklah wanita yang berada di luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun pendekkannya (I-Kit) yang dimulakan pada tahun 2008 hingga Disember tahun lalu, seramai 2,359 orang ibu tunggal daripada 5,082 orang yang telah dilatih telah berjaya menjadi usahawan setelah enam bulan mengikuti program ini iaitu merupakan 46 peratus daripada jumlah yang mengikuti program dengan purata pendapatan asas sebanyak RM500 bertambah kepada RM750 selepas menyertai program;
- (ii) di bawah program I-KeuNita, iaitu Program Inkubator Keusahawanan Wanita. Program ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 hingga bulan Disember tahun lalu, menunjukkan daripada seramai 7,719 wanita yang menyertai program ini, seramai 1,446 orang iaitu 19 peratus telah berjaya menjadi usahawan selepas menyertai program ini;

- (iii) melalui Program 1AZAM yang mana sehingga bulan Disember 2015, kita ada 190,799 orang peserta. Akan tetapi daripada jumlah yang dilatih ataupun yang dikenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, daripada jumlah 38,838 orang peserta dari tahun 2010 hingga bulan Disember 2015, seramai 32,587 orang iaitu 83.9 peratus adalah wanita telah berjaya meningkatkan pendapatan asal mereka melebihi RM300. Ingin saya tambah untuk 1AZAM ini, kita telah pun membukukan kejayaan-kejayaan mereka dalam buku daripada *From Zero to Hero* dalam dua *volume* sudah. *Volume* yang pertama 100 orang, *volume* yang kedua 211 orang dan dalam kalangan mereka ini, ada yang sudah mencapai pendapatan sehingga RM10,000, hampir-hampir sama dengan elaun Yang Berhormat MP;
- (iv) kita juga ada program *MamaCare* iaitu satu program penjagaan selepas bersalin. Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh 91 orang yang memberi perkhidmatan *MamaCare* ini sepanjang bulan Januari 2013 hingga bulan Disember 2014 adalah 1.2 juta dengan pendapatan tertinggi mencapai 6,800 sebulan dan minimum RM1,000 sebulan. Jumlah pelatih yang kita telah latih hingga bulan Februari 2015 adalah seramai 431 orang daripada golongan wanita yang berpendapatan rendah dan ini masih lagi kita teruskan; dan,
- (v) kita juga ada program Bazar Wanita 1Malaysia yang merupakan satu program yang diperkenalkan di bawah inisiatif *1Malaysia Women's Initiative Self-Empowerment* (1MWISE). Ini merupakan satu lagi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang mana kita mewujudkan Bazar Wanita 1Malaysia di kawasan-kawasan, di negeri-negeri yang tertentu, di pusat-pusat transformasi luar bandar (RTC), di pasar-pasar tani di UTC di seluruh Malaysia. Setakat ini, kita ada enam sudah yang kita wujudkan dan kita dapat membantu 188 orang usahawan wanita dan ini kita akan teruskan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi kumpulan sasar, penerima bantuan kementerian pula, kita telah memperkenalkan program *Productive Welfare* pada bulan April 2014. Sehingga kini, seramai 703 orang peserta wanita telah mendapat manfaat dengan purata peningkatan pendapatan mereka melebihi per kapita RM210.

Kita juga ada program pemerikasaan ekonomi di peringkat negeri dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri-negeri seperti contohnya di negeri Johor, kita telah memperkenalkan *Social Market* Saya dan ini membantu wanita-wanita usahawan kita untuk mempromosikan perniagaan mereka. Sejumlah 66 orang peserta telah pun terlibat di negeri Johor. Manakala di Perak pula, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perak telah memperkenalkan *V Signature*. Ia adalah program Beyond 1AZAM dan I-Kit dan I-KeuNita yang mana inisiatif ini adalah untuk membantu mengadakan direktori usahawan wanita secara atas talian menggunakan *fan page Facebook*.

Di negeri Selangor pula, diperkenalkan program *Smart Shopper* yang mana ini juga menggunakan aplikasi *smart shopper* untuk semua usahawan negeri Selangor dengan bantuan PERWANIS kita. Di Pahang pula ialah program Wanita Mall, yang mana ini merupakan kolaborasi di antara Pejabat Pembangunan Wanita negeri dan juga Universiti Malaysia Pahang yang mana merupakan satu usaha wanita niaga atas talian juga yang akan dilancarkan tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Samarahan.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar sekali. Soalan tambahan saya, kita memang mengakui statistik jumlah usahawan-usahawan yang telah dilahirkan di peringkat bandar dan luar bandar semakin hari semakin meningkat. Namun begitu, pada realitinya, memang ada yang berjaya tetapi ramai yang tenggelam timbul, susah hendak bernafas.

Soalan saya, apakah pihak kementerian pernah membuat kajian dan apakah kekangan cabaran yang ditempuhi oleh usahawan-usahawan wanita? Adakah strategi-strategi untuk membangunkan usahawan-usahawan yang telah jadi usahawan tetapi belum mampu meningkatkan diri masing-masing? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Samarahan atas soalan tambahan itu. Memanglah dalam apa juga program yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak pun termasuklah oleh kerajaan tentu tidak mungkin 100 peratus itu akan berjaya. Tentu ada kes yang berjaya, ada kes yang gagal. Kalau kita dapat mencapai dalam bilangan 10 peratus pun kita sudah cukup bersyukur. Akan tetapi *alhamdulillah* apa yang kita lihat tadi, apa yang saya maklumkan ini, ada program-program kita yang pencapaiannya hingga 46 peratus dan ada pencapaiannya dalam 20 peratus.

Jadi, saya rasa ini adalah bukan merupakan satu kegagalan. Akan tetapi dalam usaha kita berterusan ini, tentulah kita ada kerjasama dengan pelbagai pihak. Itulah sebabnya untuk memastikan usahawan yang kita didik dan yang kita bantu ini mencapai kejayaan maka kita tidak berjalan sendiri. Kerjasama, kita adakan secara pintar dengan pelbagai agensi. Bukan sahaja bantuan daripada segi barangan, bantuan daripada segi geran ataupun pinjaman tetapi juga ada bantuan daripada segi didikan, latihan dan kepada mereka ini bagaimana mereka boleh berhadapan dengan permasalahan-permasalahan sebagai usahawan, sebagai peniaga.

Mereka perlu ada latihan, pendidikan berkenaan dengan kewangan, bagaimana untuk menjaga kewangan mereka, bagaimana dapat meningkatkan lagi perniagaan mereka. Itu sebab kita perkenalkan lagi, pendekatan melalui perniagaan *online* kerana ini juga ialah satu masalah yang perlu kita tangani kerana wanita-wanita ini kebanyakannya mereka berniaga dari rumah mereka. Mereka mempunyai anak-anak yang perlu dijaga. Ini adalah di antara kekangannya. Jadi, dengan adanya pendekatan *online* ini, mereka tidak perlu keluar untuk berniaga. Mereka dari rumah pun boleh berniaga.

■1040

Kekangan-kekangan yang lain tentunya mungkin tempat-tempat berniaga, maka itulah kita memperkenalkan juga Bazar Wanita 1Malaysia itu dan kita akan tambah lagi. Kalau setakat ini baru enam buah sahaja tetapi kita akan menambahkannya lagi supaya memudahkan mereka memasarkan produk mereka. Itu adalah di antara kekangannya Tuan Yang di-Pertua, yang kita dapat maklum tetapi penyelidikan secara holistiknya belum lagi kita adakan, *insya-Allah* ini adalah *the way forward* kita, *insya-Allah*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hal wanita, maka biarlah wanita-wanita yang berbicara. Silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana begitu prihatin terhadap kepentingan kaum wanita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya soalan tambahan iaitu sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap usahawan-usahawan luar bandar yang gagal? Oleh sebab selain daripada latihan kemahiran, pelbagai modul yang disediakan oleh pihak kementerian, pelbagai kemudahan yang telah disediakan termasuk modal 1AZAM, apakah dibuat *follow-up* terhadap program-program yang telah dibuat, yang diberikan kepada mereka untuk memastikan mereka terus berjaya.

Begitu juga kemudahan pengangkutan antara keperluan untuk memastikan keberkesanan program perniagaan yang mereka laksanakan. Jadi, setakat ini sejauh manakah *follow-up* yang telah dibuat terhadap semua program, pemberian yang telah diberikan oleh pihak kementerian untuk memastikan semua usahawan wanita berjaya di luar bandar. Soalan kedua saya, sejauh manakah penglibatan belia, wanita, remaja terhadap program-program usahawan wanita yang telah disediakan oleh pihak kementerian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Rantau Panjang. Ingin saya mengiktiraf di sini bahawa wanita Kelantan lah yang paling aktif dalam bidang perniagaan ini... [*Tepuk*] Tentunya kita juga ingin belajar daripada wanita Kelantan bagaimanakah mereka mencapai kejayaan berbanding dengan kaum lelaki di Kelantan. Daripada segi pemantauan, Yang Berhormat dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita memang sentiasa mengadakan pemantauan.

Biasanya pemantauan ini untuk setiap program ialah antara tiga hingga enam bulan. Kita melakukan pemantauan supaya kita dapat mengetahui sejauh manakah kejayaan ataupun kegagalan program yang kita laksanakan itu. Begitu juga program 1AZAM kita, sekarang ini kita sudah menyampaikan barang-barangan dan bantuan kepada penerima-penerima kita di seluruh Malaysia dan kita akan mengadakan pemantauan. Pemantauan ini adalah dengan kerjasama dengan pejabat-pejabat kita di peringkat negeri dan juga daerah. Supaya kita dapat tahu adakah bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini, wang yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat kita yang berada di seluruh Malaysia, khususnya yang berada di luar bandar mencapai objektifnya untuk memastikan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Kita masih sedang melaksanakannya dan tidak bererti sebelum kita mendapat, apakah hasil pemantauan kita itu bahawa kita akan berhenti. Itu sudah menjadi satu dasar kerajaan di bawah GTP03, Program 1AZAM dan semua program lain yang kita lihat baik, ada kejayaannya walaupun ada juga kegagalan akan diteruskan bagi memastikan wanita yang ingin berniaga, mendapat contoh yang baik dari negeri Kelantan akan diteruskan di seluruh negara, *insya-Allah*.

Di samping itu, soalan kedua mengenai penglibatan belia wanita. Program kita ini tidak mengira umur, asalkan mereka ini berminat dan sudah melebihi umur 18 tahun, maka kita akan membuka kepada semua tanpa mengira umur. Malahan jika mereka warga emas tetapi masih berminat dan boleh berusaha berniaga, kita juga akan melibatkan mereka Yang Berhormat, terima kasih.

4. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) tindakan susulan kerajaan dalam membantu lebih 20 ribu usahawan yang menurut rekod kementerian telah terlibat dalam aktiviti penjanaan ekonomi di RTC iaitu *Rural Transformation Centre* di bawah 8 inisiatif N-BOS4; dan
- (b) berapakah jumlah bantuan kewangan yang diberikan kepada lebih 20 ribu usahawan terlibat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui RTC, kementerian ini bersama-sama kementerian dan rakan strategik RTC yang lain komited untuk mewujudkan peluang-peluang ekonomi kepada para usahawan dan petani supaya mereka berpeluang meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi yang lebih baik.

Bagi jumlah 20,000 orang usahawan petani yang direkodkan tahun 2015, kementerian peneraju RTC sentiasa melakukan pemantauan berterusan kepada para usahawan atau petani dengan menyediakan khidmat nasihat, penyaluran kepakaran teknikal dan bimbingan lapangan kepada para usahawan dan petani. RTC juga menyediakan pelbagai kursus berkaitan secara percuma supaya mereka didedahkan dengan informasi dan teknik-teknik terkini dalam memajukan perniagaan masing-masing.

Kursus-kursus seperti Program Pemasaran Hasil Pertanian, Kursus Lepas Tuai, Kursus Pembungkusan dan Pelabelan serta Kursus Asas Perniagaan merupakan kursus popular yang telah dilaksanakan tahun 2015. Jumlah bantuan kewangan kepada lebih 20,000 orang usahawan yang direkodkan adalah sebanyak RM3 juta merangkumi peserta-peserta Taman Kekal Pengeluaran Malaysia, ladang kontrak, pembangunan dan promosi produk, Agrobazaar, kedai rakyat, motosikal tiga roda, gerai buah-buahan segar dan pasar tani. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan maklumat tadi. Oleh kerana setakat ini memang sangat kurang maklumat mengenai dengan kemajuan *National-Blue Ocean Strategy*.

Ini kerana ia sebagai satu-satu inisiatif yang berprofil tinggi, *high impact* dan melibatkan berpuluh-puluh agensi dan kementerian, khususnya melibatkan juga institusi kewangan, institusi pengajian tinggi. Semestinya ada pengawalan, *monitoring*, rekod atau pun pencapaian dan juga maklumat-maklumat kejayaan untuk pengetahuan umum.

Jadi, apakah kaedah ataupun inovatif yang digunakan untuk menentukan kejayaan ini yang boleh menjadi panduan kepada atau menjadi pengetahuan awam. Khususnya, kaum wanita dan pemuda atau generasi Y yang berminat untuk mengambil bahagian dalam inisiatif ini. Adakah terdapat statistik yang boleh digunakan kerana ini digunakan oleh MyNDS juga untuk memandukan pelan Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi, ini satu usaha, inisiatif yang paling tinggi, *high impact*. Mesti ada maklumat dan kaedah mengenai dengan kejayaan, pencapaian kerana ini ialah satu-satunya usaha dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Pada peringkat awalnya banyak saranan dan cadangan yang baik daripada Yang Berhormat. Oleh kerana telah ditekankan oleh Yang Berhormat, betul juga kerana program ini adalah yang sangat kita harapkan sebagai satu *high impact* kepada kita untuk membangunkan mereka yang perlu kita bantu, golongan sasaran kita.

Untuk menjawab soalan tadi, bagaimanakah kita memantau? Kita memang ada satu mekanisme untuk memantau dan untuk mengumpul informasi atau statistik sejak RTC ini bermula dahulu.

■1050

Jadi buat masa sekarang, kita memanglah akui banyak peluang untuk kita dapat menambahbaikkan program ini. Kita tidak mengatakan sehingga kini kita sudah begitu berjaya sekali. Memang ada ruang dan peluang untuk dapat ditambahbaikkan.

Dengan itu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Menteri yang bertanggungjawab kepada program ini bersama-sama dengan rakan-rakan strategik, kementerian-kementerian yang di mana terlibat juga dalam lapan inisiatif yang kita tumpukan yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya. Memang ada selalu di antara kementerian ini atau agensi-agensi terlibat di mana pemantauan kita buat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada pada saya banyak sekalilah maklumat-maklumat tentang prestasi yang sudah, jualan pengunjung dan kos pembinaan RTC dalam tahun 2015 dan sebagainya. Kita ada lapan buah RTC yang sekarang sudah beroperasi dan kita ada 213 mini RTC seperti mana ada 12 mini RTC di Negeri Sembilan walaupun tidak ada RTC yang besar itu di Negeri Sembilan. Ini supaya tidak ada kawasan yang boleh mengatakan terlalu jauh daripada khidmat-khidmat yang kita tawarkan daripada RTC ini. Kalau tidak ada RTC, sebab kita ada lapan buah sahaja di seluruh negara, kita ada mini RTC juga.

Untuk memberi gambaran kepada Yang Berhormat, kalau kita tengok kepada nilai jualan, bagaimana kita mengukur kejayaan. Dalam tahun 2015 sahaja, penjualan di tujuh buah RTC, yang sudah beroperasi ini, RM453,759,046 jualan dalam satu tahun sahaja dan RTC yang terbaru ini yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah RTC yang kita buka di Melaka, yang terbaru ini. Jadi kalau Yang Berhormat hendak maklumat yang lebih lanjut, biarlah kita panjangkan jawapan secara bertulis sebab terlampau banyak maklumat yang ada pada saya pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan kerajaan dalam mewujudkan RTC dan kalau boleh dapatlah di Kuala Selangor satu RTC kerana ianya memberikan impak yang sangat bermakna kepada penduduk sekitarnya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya dari segi latihan keusahawanan kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, walaupun RTC dijadikan sebagai tempat hab untuk memberikan peluang untuk rakyat berniaga dan juga menjadi usahawan tetapi *the follow through* sebab latihan-latihan mereka supaya ianya boleh dijadikan satu tempat yang dianggap sebagai tempat berdaya saing, untuk meningkatkan lagi jumlah usahawan dan juga menjadi tempat tumpuan ekonomi setempat daripada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya soalnya tadi bagaimanakah pemantauan ya. Jadi, seperti mana telah saya sebut pada jawapan awal tadi, kita memang ada mekanisme untuk kita memantau dan kita melihat dari semasa ke semasa dan kita membimbing juga usahawan-usahawan kita di RTC. Jadi memang betul ada yang berjaya dan ada juga yang gagal dan tercicir. Jadi kita tidak mahu melihat kepada secara negatif, kita hendak kaedah ataupun memandang secara positif berapa ramai kita boleh tawarkan peluang-peluang mereka untuk mengikut latihan-latihan dan kursus itu dan kepada yang mungkin dikatakan gagal ataupun tidak dapat meneruskannya, kita bagi juga bimbangan kepada mereka.

Jadi kita berharaplah seperti mana yang telah diakui oleh Yang Berhormat tadi, RTC ini adalah amat bermaknalah dan bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ini adalah satu kaedah yang boleh betul-betul kita mendekati golongan sasaran kita. Kita senantiasa mencari jalan atau menerima dari mana-mana pihak bagaimana idea-idea baru kita boleh gunakan untuk kita buat penambahbaikan program ini.

Jadi untuk Yang Berhormat Kuala Selangor, saya cadangkan Yang Berhormat Kuala Selangor kemukakan lah permohonan agar dia boleh dipertimbangkan di peringkat di kementerian untuk diadakan satu RTC atau mini RTC yang agak besar juga di Kuala Selangor, kawasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan guru dan pelajar seramai 78 orang dari Sekolah Dato' Bentara Dalam Sekijang.

5. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, perancangan pihak kementerian dalam mempelbagaikan lagi kajian dalam meningkatkan penggunaan teknologi biomas yang dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar di samping dapat menjana pendapatan rakyat yang ingin menceburi bidang teknologi biomas tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Nampaknya pantun tidak jawablah. Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada watak ataupun sifat Yang Berhormat Langkawi ini kerana soalan dia ada dua bahagian, pertama penyelidikan biomas, kedua alam sekitar.

Jadi kalau melihat watak atau minat Yang Berhormat Langkawi, dia lebih menjurus kepada kajian terhadap biomas. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada MOSTI, selain daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga terlibat dalam usaha mempelbagaikan kajian dalam meningkatkan teknologi biomas.

Dalam hal ini NRE menugaskan atau memberikan arahan, mengamanahkan kepada FRIM ataupun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk melaksanakan kajian tersebut dan hasilnya setakat ini FRIM telah berjaya menghasilkan produk daripada sisa kayu, sisa perangkap minyak dan jerami padi. Seperti bio diesel, *pallet*, *bracket* dan juga *nanocellulosen* dan banyak lagi.

Sehingga ini kajian masih lagi dijalankan untuk mengkomersialkan produk-produk hasil R&D tersebut dalam meningkatkan penggunaan teknologi biomas yang dapat mengurangkan keperluan pelupusan sisa sekali gus mengurangkan pencemaran alam sekitar. Ini kerana seperti mana yang kita sedia maklum, menggunakan semula sisa daripada bahan-bahan bio akan dapat mengurangkan pencemaran termasuklah dapat mengurangkan pembakaran fosil kerana seperti mana kita sedia maklum pembakaran fosil akan menyebabkan pencemaran khususnya dari segi pelepasan *carbon*. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan masa ini untuk memajukan industri biomas ini di dalam negara kita. Contohnya salah satu yang saya dengar daripada industri mengatakan bahawa di negara kita ini, kita amat sukar untuk mendapat *wood pallet* bagi menjana biomas kerana kebanyakan *wood pallet* itu dijual di negara China dan Korea dan mendapat tempahan dengan harga yang lebih mahal. Jadi soalan saya ialah apakah kekangan yang wujud dalam industri ini. Di samping itu apakah tindakan yang dapat diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini sekarang dan masa depan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya sudah agak soalan ini memang soalan Yang Berhormat Langkawi minat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut pada peringkat terakhir tadi iaitu kajian yang berkaitan dengan pengkomersialan masih dijalankan kerana ia melibatkan dari sudut skala ekonomi, kos efektif dan sebagainya.

■1100

Jadi, inilah di antara kekangan sebenarnya di Malaysia ini setakat ini. Sekiranya hasil kajian ini hendak dikomersialkan melibatkan kos yang tinggi. Di antara sebabnya ialah kita masih lagi kekurangan bahan mentah dengan kuantiti yang banyak. Selain daripada kualiti yang tinggi maka kos pengeluaran tinggi dan tidak mampu untuk dibeli semula oleh para industri di Malaysia, maka sebab itulah lebih banyak dieksport ke negara luar khususnya ke negara Korea.

Maknanya kekangan lebih kepada soal kos, soal kos pengeluaran dan kita tidak mampu untuk jual dalam negara. *Alhamdulillah*, ada pengimport daripada negara Korea khususnya. Ini merupakan kekangan. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi kajian turut dijalankan supaya lebih banyak bahan-bahan sisa ini boleh diproses dengan kos yang lebih rendah, dengan kos bahan mentah yang lebih rendah dan kita dapat mengeluarkan produk yang bukan sahaja lebih berkualiti tinggi tetapi dengan jumlah yang banyak dan dapat dijual dengan harga lebih murah. Sekian, terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang di-Pertua. Memandangkan oleh kerana bahan mentah atau pun *raw material* untuk industri *biomass* ini begitu terhad. Cuma kita lihat mungkin dari segi *solid waste management* daripada *municipal waste* boleh digunakan sebagai bahan untuk *biomass*. Mengapakah pihak kerajaan masih melihat kepada penyelidikan, kepada industri *biomass* ini. Adakah pihak kementerian melihat kepada industri-industri lain seperti tenaga yang dijana oleh hidro ataupun ombak, angin dan sebagainya untuk dibuat kajian yang lebih bermakna. Kerana kita tahu bahawa *biomass* ini amat terhad dan tidak perlulah kita memberi penekanan kepada industri *biomass* ini. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menjawab soalan tersebut kerana mungkin di luar daripada kementerian saya. Saya lebih menjurus kepada mengguna semula bahan *biomass* sebagai bahan-bahan lain selain daripada bahan bakar. Jadi, minta maaf Yang Berhormat Kuala Kangsar.

6. Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan lokasi perkhidmatan pos bergerak yang telah dijalankan, akan dijalankan dan tidak mendapat sambutan mengikut tahun dari 2011 hingga 2016.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bakri yang meminta saya menjawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Lumut yang bertarikh pada 21 Mac 2016 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan perkhidmatan pos. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang untuk memaklumkan kerana ini merupakan soalan pertama yang berkaitan dengan pos.

Untuk makluman Dewan yang mulia, industri pos negara telah berevolusi bagi kekal relevan seiring dengan kepesatan kemajuan teknologi masa kini. Kerangka kawal selia perkhidmatan pos telah pun diberi nafas segar dengan penggubalan Akta Perkhidmatan Pos 2012 menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991. Oleh yang demikian, pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan terus memperkasakan industri pos negara bagi memastikan kemajuannya dari segi ekonomi berkembang positif demi menjamin kepentingan rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan pos yang bertaraf dunia.

Manakala, bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Bakri. Inisiatif perkhidmatan pos bergerak ataupun, dengan izin, *Post-on-Wheels* ataupun POW telah pun diwujudkan pada tahun 2010 untuk memastikan masyarakat terutamanya di luar bandar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan asas pos yang lengkap seperti mana yang terdapat di kaunter pejabat pos.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini ianya diwujudkan di bawah Program Transformasi Pos Sabah dan Sarawak di mana pihak kerajaan melalui SKMM telah menyumbangkan sejumlah 9 unit POW di Sabah dan 9 unit POW di Sarawak yang menelan belanja hampir RM4.5 juta.

Manakala di Semenanjung keseluruhannya dibiayai oleh pihak Pos Malaysia dengan peruntukan sejumlah RM2.5 juta. Jadi, sehingga kini sebanyak 28 buah POW atau *Post-on-Wheels* telah beroperasi di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 215 buah lokasi dari tahun 2011 sehingga tahun 2016. Di sini saya ingin menafikanlah kenyataan oleh Yang Berhormat Bakri bahawa POW ini tidak mendapat sambutan kerana terdapat sebuah POW yang telah ditempatkan di Ayer Itam yang jaraknya lebih kurang 15 km dari Bakri, seminggu sekali. Walaupun kita tahu di Bakri telah wujud dua buah pejabat pos iaitu di *Post Office* Bakri dan *Post Office* Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail. Jadi, di sini kita lihat bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak membezakan fahaman politik kerana apa yang penting rakyat yang diutamakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, bagi tahun 2015 transaksi yang terlibat di dalam Program POW ini ialah sejumlah RM15.14 juta. Manakala bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lumut, di sini juga Tuan Yang di-Pertua saya pun hairan juga kerana Yang Berhormat Lumut begitu prihatin menanyakan persoalan bagi pihak Damansara Jaya sedangkan ianya di bawah MP Petaling Jaya Utara. Mungkin MP terlampau sibuk dengan isu-isu 1MDB dan sebagainya, dia lupa di kawasan dia pun ada masalah.

Jadi, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lumut yang begitu prihatin. Sebenarnya bagi pertengahan bulan Disember 2015 negara Australia telah dilanda bencana alam ribut taufan ataupun tornado dan ini telah menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan awam dan infrastruktur termasuk perkhidmatan pos. Walau bagaimanapun, pihak *Australian Post* telah memaklumkan berhubung gangguan perkhidmatan pemprosesan dan serahan *mail* susulan jika semua cawangan pejabat pertukaran antarabangsa sejak 7 Disember 2015 dan ia berlarutan sehingga pertengahan Disember 2015. Keadaan ini telah memaksa pihak *Australian Post* untuk menghentikan operasi di kawasan-kawasan yang terlibat dan ini telah mengganggu aktiviti *post inbound* serta *outbound* dengan izin, di Australia. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan Menteri yang kacak... [*Dewan riuh*] Di sini saya ingin bertanya satu soalan tambahan. Adakah kementerian berhasrat untuk menambah bilangan kaunter perkhidmatan pos bergerak di setiap daerah, kawasan Parlimen untuk memudahkan perkhidmatan ini disediakan kepada orang ramai? Sila nyatakan rancangan kerajaan untuk membina pejabat pos baharu di Johor. Senaraikan lokasi-lokasi yang sudah dikenal pasti dan syarat-syarat yang perlu ditetapkan untuk mengadakan satu pejabat pos baru di kawasan tertentu. Contoh, kawasan Parlimen Bakri di Bukit Naning, kawasan Parlimen Pagoh di Jalan Kim Kee Kawasan Parlimen Muar di Parit Bakar memandangkan penduduk bertambah. Sila minta jawapan.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bakri ini memang dia bijaksana sebab soalan-soalan dia diangkat naik banyak kali.

Dato' Jailani bin Johari: Ya, hebat Yang Berhormat Bakri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Jailani bin Johari: Semalam dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dia kata jelita. Hari ini dia kata saya kacak, terima kasih lah [*Ketawa*] Apa-apa pun saya cuba menjawab, Tuan Yang di-Pertua. Untuk persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bakri berkaitan dengan pejabat pos dan juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di seluruh negara setakat ini kita telah ada lebih kurang 702 buah pejabat pos di seluruh negara. Untuk pos mini sahaja kita ada 239 dan posmen komiti ini hanya dilaksanakan di Sabah dan Sarawak oleh kerana kawasan yang luas, kita ada sejumlah lebih kurang 450. Melalui program kaunter kita ada 17.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Bakri, sebenarnya apabila kita melaksanakan program POW atau pun *Post-on-Wheels*, antara kriteria yang kita lihat ialah jarak antara pos yang sedia ada dengan kawasan yang hendak dimasuki. Untuk *Post-on-Wheels* biasanya 5 km daripada kawasan radius pos terutamanya di Bakri yang sudah ada dua iaitu di Pos Bakri dan juga *Post Office* Kenangan Tun Dr. Ismail.

■1110

Biasanya ia lebih menjurus kepada kawasan yang mendapat tumpuan masyarakat. Di Bakri, misalnya di kawasan sekolah memandu, di mana kita dapati kawasan berkependudukan. Mungkin Yang Berhormat pun sudah sampai ke kawasan tersebut. *Insyallah*, untuk di kawasan-kawasan lain- kerana secara terperinci persoalan Yang Berhormat itu, saya akan cuba majukanlah daripada segi lokasi.

Daripada segi pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan melalui Pos Malaysia, kita sekarang telah melaksanakan satu pelan transformasi dan *insyallah*, perkara-perkara sama ada dari segi penambahan pos dan juga lokasi-lokasi ini sedang diambil pertimbangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang *handsome* pagi ini [*Ketawa*] Habis, Yang Berhormat Bakri sahaja puji, saya pun hendak puji Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tunggu Yang Berhormat Seputeh puji saya [*Ketawa*]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Kerajaan Malaysia melalui Pos Malaysia banyak kawasan yang terpinggir disediakan perkhidmatan melalui pejabat pos mini ini.

Namun demikian, saya ingin meminta sedikit pencerahan, apakah perancangan pihak Pos Malaysia berdasarkan kepada kuantiti pertambahan servis daripada pos swasta yang kian meningkat dengan harga mereka yang dikenakan jauh lebih murah daripada Pos Malaysia sendiri supaya memastikan Pos Malaysia ini terus dapat berdaya saing? Ini kerana kita tidak mahu Pos Malaysia satu hari nanti akan menjadi seperti beberapa buah syarikat kerajaan lain yang terpaksa dibantu terus apabila terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat swasta ini.

Saya juga ingin memohon tambahan untuk kawasan saya, Pos Malaysia di kawasan saya yang berada di bandar Masai yang masih lagi menggunakan rumah lama yang memang sangat lama dan sangat sempit sebagai pusat mereka. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Untuk maklumat Yang Berhormat Pasir Gudang, sebenarnya seperti yang saya maklumkan tadi, kita dalam proses transformasi pos, dan untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, Pos Malaysia sebenarnya adalah satu pos yang di bawah syarikat swasta. Ia bukan di bawah kerajaan. Ia satu-satunya yang telah diswastakan semenjak dua tahun yang lalu.

Dalam hal ini, daripada segi tarif dan sebagainya, ia dalam proses rundingan bersama dengan pihak kerajaan kerana kita tahu tarif yang dahulunya telah diluluskan ialah semenjak tahun 2010 dan pihak kerajaan sedang membuat kajian sama ada dari segi keperluan untuk menaikkan kadar tarif yang telah dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pos Malaysia juga sedang dalam proses untuk menaik taraf beberapa buah pejabat pos yang kita lihat uzur terutamanya di kawasan Masai di Johor Bahru. Bukan sahaja di situ tapi juga ada di beberapa buah tempat. Dalam proses menaik taraf beberapa buah pejabat Pos Malaysia, ini yang kita telah melaksanakan program sampingan iaitu *Post-on-Wheels* seperti yang saya maklumkan tadi.

Ini kerana dalam proses itu, ia program yang dilakukan antara waktu pukul 9 pagi sehingga 5 petang yang membolehkan masyarakat, sementara untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang memang agak jauh, boleh menggunakan perkhidmatan *Post-on-Wheels* dan juga perkhidmatan-perkhidmatan seperti pos mini, pos komuniti dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah langkah kerajaan melaksanakan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digantikan dengan KSSR (semakan) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sebagai penambahbaikan kurikulum sedia ada dapat memastikan murid terus memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan abad ke-21 seterusnya mampu menghadapi cabaran global pada masa akan datang serta menyumbang kepada negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam, mantan guru yang sekarang menjadi seorang Ahli Parlimen, Wakil Rakyat yang begitu hebat melaksanakan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan seseorang murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan seimbang, mewujudkan seorang pelajar yang holistik daripada segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memantapkan hala tuju kurikulum persekolahan rendah dan menengah supaya sentiasa relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perubahan kurikulum mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan juga nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menyediakan murid menghadapi kehidupan semasa dan cabaran abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia melakukan penandaarasan dengan kurikulum persekolahan negara maju bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan yang dibangunkan setanding dengan pendidikan global. Pembangunan kurikulum persekolahan yang baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sememangnya mengambil kira serta memberi tumpuan kepada pembelajaran dan keberhasilan murid seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hitam manis.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perubahan kurikulum, saya perhatikan selama saya menjadi guru, saya lihat bahawa perubahan kurikulum ini sangat lambat sampai kepada *grassroots* ataupun di peringkat guru dan juga di peringkat anak-anak didik kita. Jadi saya mengharap kepada pihak kementerian- kerana kita lihat apabila perubahan kurikulum, ia berada di pihak kementerian satu tahun, di pihak jabatan satu tahun, PPD satu tahun dan masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah masalah di peringkat bawahan. Apabila di peringkat bawahan, ia lambat mendapat maklumat.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah penglibatan pakar industri dalam pembangunan kurikulum supaya kurikulum ini menepati keperluan industri selain mempunyai nilai global dan KBAT dan juga yang berakhlak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan dua perkara. Satu, sejauh mana guru-guru bersedia menerima maklumat-maklumat atau perubahan-perubahan daripada segi kurikulum dan sebagainya. Kedua, bagaimana kita melibatkan pakar industri dalam pembangunan kurikulum.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kurikulum pendidikan guru telah dimantapkan dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang merangkumkan pengalaman berasaskan sekolah, pendidikan *inclusive*, Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan perkembangan terkini dalam pendidikan guru. Kemahiran penyelidikan juga diberi kepada bakal guru supaya mereka dapat membuat penyelidikan dalam bidang tugas mereka dan memanfaatkan hasil kajian mereka bagi tujuan penambahbaikan serta dapat berkongsi dengan rakan pendidik.

Bagi guru-guru yang berada dalam perkhidmatan, sebarang perubahan kurikulum akan dimaklumkan kepada mereka sebelum sesuatu kurikulum itu dilaksanakan. Modus operandi di Kementerian Pendidikan Malaysia ialah menyebarkan perubahan kurikulum kepada pihak pentadbir di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dan setelah itu maklumat tersebut akan disebarluaskan kepada guru-guru yang dilantik sebagai Jurulatih Utama Kebangsaan atau JUK dan JUK akan menyebarkan kepada jurulatih negeri dan setiap negeri dan seterusnya maklumat perubahan kurikulum akan disebarkan kepada guru di peringkat daerah bagi setiap pelajaran.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya masih ada guru-guru yang kurang memahami perubahan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa terbuka dan rela memberi penerangan terperinci.

■1120

Aspek kedua ialah tentang penglibatan pakar industri dalam pembangunan kurikulum. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pelan walau apa dasar dan juga perubahan kita lakukan, ia menuju kepada pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Segala perancangan. Perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan itu telah mendapat input ataupun maklum balas hampir 50,000 rakyat Malaysia kerana hala tuju pendidikan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah bekerjasama dengan pelbagai pakar industri. Contoh, badan profesional seperti *Pearson* BTEC dalam mata pelajaran asas kelestarian, sains sukan, perniagaan, pertanian. Majlis Reka Bentuk Malaysia memberi pengiktirafan dalam mata pelajaran reka cipta. LCCI/ACCA dalam prinsip perakaunan dan juga Lembaga Arkitek Malaysia dalam program grafik komunikasi teknikal. Maka, di Kementerian Pendidikan Malaysia, kita sentiasa mengalu-alukan dan bekerjasama dengan pakar-pakar industri supaya asas ataupun *foundation* dengan izin anak-anak kita kukuh apabila mereka pergi melanjutkan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya suka dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan soal kita menggunakan pakar-pakar yang terlibat di dalam penggubalan kurikulum sekolah.

Persoalan saya ialah berkenaan dengan projek ataupun program DLP yang mula diperkenalkan pada tahun ini yang melibatkan 300 buah sekolah sedangkan ini merupakan satu perkara yang pada pandangan kami dan juga pandangan dari mereka yang memberikan kritikan terhadap program DLP ini dianggap sebagai program yang secara tergesa-gesa yang lebih teruk lagi daripada persiapan yang dilakukan waktu PPSMI. PPSMI sekurang-kurangnya ada latihan terhadap guru-guru sedangkan program DLP ini diadakan walaupun mendapat penentangan yang hebat terutama daripada kalangan kumpulan yang dipimpin oleh Dato' Rauf Husin, bekas Timbalan Pengarah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Bukit Gantang, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program DLP ini merupakan di antara kaedah-kaedah bagaimana kita dapat memperkasakan bahasa Inggeris. Akan tetapi dasarnya, dasar program MBI ini memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkasakan bahasa Inggeris merupakan satu dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang begitu kukuh. Walaupun program DLP diperkenalkan untuk 300 sekolah.

Kita ada 10,150 sekolah dan apabila 300 sekolah ini diperkenalkan dengan program DLP ini, kita tidak memaksa siapa-siapa sekolah untuk mengambil bahagian, malah sekolah-sekolah harus memohon untuk mengambil bahagian dalam program DLP. Hasratnya sama, hasratnya untuk memastikan anak-anak kita mahir dalam dua bahasa, sekurang-kurangnya dan ini juga hala tuju Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia, kemahiran dwibahasa, bahasa kebangsaan, bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Oleh yang demikian, kita memang memastikan bahawa pelajar-pelajar sekolah-sekolah yang berminat dan juga dengan permohonan sokongan daripada persatuan ibu bapa dan guru. Kita mengambil pandangan semua orang yang terlibat untuk memastikan program DLP ini dapat dilaksanakan dan program ini tidak dilakukan secara tergesa-gesa kerana ini keperluan rakyat, rakyat meminta. Apabila rakyat meminta, kita melaksanakan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia juga merupakan maklum balas daripada 50,000 lebih rakyat Malaysia memberi pandangan mereka.

Maka segala dasar dan cadangan dan juga program-program transformasi dan juga yang dilakukan di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah berasaskan kepada keperluan rakyat dan diterjemahkan supaya ia dapat diterima baik oleh semua cikgu-cikgu, anak-anak kita di luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan? *Ya, good mood this morning please.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sim Chew Keong, Bukit Mertajam. *[Ketawa]*

8. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan statistik pemberhentian kerja atau *retrenchment*, setiap tahun dari 2005-2015, ikut pecahan industri, kurungan umur, gender, kaum, negeri, kurungan gaji, tahap pengajian. Apakah strategi kerajaan untuk membantu para penganggur.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini bersamaan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam pada 17 Mac 2016, pertanyaan Yang Berhormat Parit pada 23 Mac 2016, Yang Berhormat Kuala Langat pada 5 April 2016 kerana berkaitan dengan pemerhatian kerja kesan dari kegawatan ekonomi. Juga sedikit tambahan kepada Yang Berhormat Cheras yang sepatutnya mengemukakan soalan pada semalam.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pemberhentian pekerja boleh dikategorikan kepada dua keadaan, pemberhentian biasa dan pemberhentian secara sukarela (VSS). Pemberhentian biasa adalah tindakan penamatan kontrak oleh majikan kerana secara syarikat mengalami masalah kewangan ataupun perubahan struktur perniagaan yang disusun semula mengakibatkan berlaku lebihan tenaga kerja.

Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan sekurang-kurangnya mengikut Akta Kerja 1955 atau Perjanjian Bersama ataupun dengan izin *collective agreement* manakala pemberhentian secara VSS ataupun sukarela adalah tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa di mana pekerja sendiri menawarkan diri dan bersetuju untuk ditamatkan pekerjaan oleh majikan dengan syarat majikan membayar faedah penamatan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian pekerja ini berlaku dalam hampir semua sektor ekonomi. Namun begitu, pemberhentian dalam sektor pembuatan mendahului lain-lain sektor bagi tempoh tiga tahun kebelakangan.

Berikut adalah statistik pemberhentian kerja mengikut sektor bagi tahun 2013-2015.

Yang Berhormat Bukit Mertajam meminta statistik dari tahun 2005 hingga tahun 2015 ini, sebenarnya panjang Yang Berhormat termasuklah dalam sudut-sudut yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya saya ambil contoh, tahun 2013, pemberhentian kerja ialah seramai 33,086 orang, tahun 2014 - 25,917, tahun 2015 - 38,499. Antara sektor yang saya sebutkan tadi ialah sektor pembuatan, sektor kewangan, sektor perdagangan borong dan runcit dan beberapa sektor lain yang kategorinya adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod kementerian jumlah pemberhentian kerja pada tahun 2015 adalah tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pada tahun 2015 adalah lebih rendah berbanding pada tahun 2009, 2008, 2007.

Berikut adalah sedikit maklumat tambahan. Umpamanya, tahun 2015 kita ada 38,499. Sehingga Mac Tuan Yang di-Pertua, tahun ini pemberhentian ialah berjumlah 6,534.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maklumat-maklumat berkaitan dengan umur, gender, pengajian dan sebagainya ini, Yang Berhormat Bukit Mertajam agak panjang untuk saya ini mungkin kita akan jawab secara bertulis. Manakala, bagi mengatasi masalah ini, namun kita bersyukur kerana Malaysia menghadapi masalah pengangguran yang rendah berbanding dengan negara-negara lain Tuan Yang di-Pertua. Kita, pengangguran kita ialah pada tahap 3.2 peratus. Umpama saya buat sedikit perbandingan. Indonesia 6.1 peratus, Portugal 15.3 peratus, Arab Saudi 12.1 peratus, Spain 25.6 peratus, Greece 27.5 peratus, Mali 30 peratus kadar pengangguran, kita 3.2 peratus.

Saya buat perbandingan. Sebab itulah dalam usaha kita mengatasi masalah pemberhentian pekerja ini, kementerian amat fokus untuk membantu peningkatan semula pekerja-pekerja yang diberhentikan. Pihak kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa menjalankan perundingan dengan majikan bagi menawarkan kekosongan jawatan bersesuaian. Sebelum pekerja diberhentikan, majikan mestilah memaklumkan kepada jabatan kementerian berapa jumlah pekerja akan diberhentikan.

Oleh sebab itulah kita tidak hendak mereka memberhentikan pekerja begitu sahaja tetapi mestilah memberi notis kepada kita dalam tempoh sebulan, berapa orang pekerja akan diberhentikan. Pekerja-pekerja digalakkan untuk mendaftar sebagai pencari kerja melalui Portal *JobsMalaysia* dan mereka turut juga akan diberi keutamaan semasa program penempatan pekerjaan.

■1130

Peringkat kementerian juga berusaha untuk menawarkan latihan-latihan kemahiran baru jika diperlukan oleh pekerja-pekerja ini melalui jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga agensi-agensi yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN GAS (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminta Akta Bekalan Gas 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas”. **[16 Mac 2016]**

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit di bawah Peraturan 14 untuk meminta supaya satu keputusan diberikan berkenaan dengan satu isu yang dibangkitkan semalam oleh sahabat Yang Berhormat dari Pengerang yang ada di sini juga pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam ada satu laporan di dalam media di mana Yang Berhormat dari Pengerang selaku Menteri membuat kenyataan seperti berikut, izinkan saya baca sekiranya boleh Tuan Yang di-Pertua. Ia dalam bahasa Inggeris, saya pohon kebenaran, “*The Federal Government will not respond to any Parliamentary questions on the RM2.6 billion deposited in the Prime Minister’s accounts as the matter is now the subject of a judicial review application by the Malaysian Bar*”. Kemudiannya *Minister at the Prime Minister Department* iaitu Yang Berhormat dari Pengerang Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said said, “*While Putrajaya was willing*”, ini penting. “*While Putrajaya is willing to answer questions on the topic as well as those related to SRC International, it was no longer able to do so given the pending legal action*”. Yang Berhormat Pengerang merujuk kepada peraturan mesyuarat, khususnya 23(1)(g) Tuan Yang di-Pertua, ada menyatakan *she explained that Parliament Standing Order 23(1)(g) bars questions that have a tendency to touch on existing litigation and other related matters under judiciary’s consideration.*”

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon satu penjelasan berkenaan dengan kenyataan ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah pun maklumkan kepada Yang Berhormat Pengerang supaya hadir sekiranya Tuan Yang di-Pertua perlukan penjelasan daripada beliau. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada 23(1)(g). Ini dibaca seperti berikut, “*Every question shall conform to the following rules, a question shall not be so drafted as to be likely to prejudice a case on the trial or be asked to any matter which is sub judice*”. So 23(1)(g) Tuan Yang di-Pertua, *refers to questions drafted and questions that can be asked. It does not relate to answers.* Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kami ada dalam Peraturan Mesyuarat 36(2) yang juga merujuk kepada keadaan *sub judice* di mana menyatakan saya baca dengan izin, “*Reference shall not be made to any matter which is sub judice in such a way as might in the opinion of the Chair*”. Ini penting. “*In the opinion of the Chair prejudice the interests of parties*”. Ada dua perkara, satu *it has to be in the opinion of the Chair* dan kemudiannya ada dinyatakan *it is only matters which prejudice the interest of the parties thereto that will be ruled out by sub judice.*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun buat rujukan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *what was the problem? I understand the peraturan mesyuarat, what's the problem?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *The questions I have are these. Pertama Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak bahawa sama ada ataupun tidak satu soalan itu akan dielak daripada jawapan atas alasan ia sub judice? Bukankah itu satu keputusan yang perlu dibuat oleh the Chair, memandangkan apa yang disebut secara terus terang, jelas di bawah Peraturan 36(2). Itu isu yang pertama.*

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, bukankah aturan tersebut dengan cukup jelas menunjukkan bahawa itu adalah isu yang perlu dibangkitkan apabila soalan itu ditanyakan dan bukan secara *blanket provision* di mana satu kenyataan akhbar dikeluarkan *that Putrajaya will refuse to answer any questions kerana the Chair has to decide whether or not the question of the answer prejudices the parties that*. Jadi untuk kita, dengan izin, *to cross that bridge, we have to know the question, we will have to know the nature of the litigation and whether or not the answer prejudices or affects the right of the parties thereto*. Itu pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya- *I stand corrected Tuan Yang di-Pertua, but I checked di Bar Council and I also read in the press but I went on to check with them, I called the President*. Beliau menyatakan bahawa apa yang berlaku apabila mereka fail permohonan untuk semakan kehakiman. *Which means Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum lagi diberi kebenaran untuk tindakan itu diteruskan di mahkamah. Which means at this point of time Tuan Yang di-Pertua, I am of the view that there is nothing pending in court in so far as a trial on the issues on the merits are concerned.*

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kebanyakan daripada kami Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, *most of my questions that I have raised related to the conduct of the AG, related to RM2.6 billion, half an hour speech given in Parliament most of us here. Now Tuan Yang di-Pertua, for the Minister to come back and just to say to us in one blanket approach that we are not going to answer any questions. I think it is a very serious matter.*

Bukan sahaja ini adalah satu perkara yang cukup penting kepada kami sebagai Ahli Parlimen, ini adalah perkara cukup penting kepada rakyat di seluruh negara. *I think it is also important Tuan Yang di-Pertua, because it relates to a question surrounding the Speaker's powers under standing order. That is why I want penjelasan*. Kepada saya, Menteri tidak ada kuasa untuk membuat keputusan itu. Keputusan itu adalah di dalam tangan Tuan Yang di-Pertua seperti mana jelas dalam aturan mesyuarat. Saya pohon agar Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan supaya apa yang disebut oleh Menteri, Yang Berhormat daripada Pengerang itu ditarik balik dan kami dibenarkan untuk menimbulkan soalan-soalan tersebut dan Putrajaya jawab kepada soalan-soalan itu di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya jawab atau Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Begini. Duduk dahulu Menteri. Duduk dahulu Menteri. Pendirian *Chair* daripada dahulu dimaklumi bahawa apa berita pun yang keluar di surat khabar sama ada ia surat khabar konvensional ataupun portal, kita tidak memberi kesahihan kepada itu *unless verified*. Sering kali kita katakan bahawa kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang *quoting*, umpamanya dia *quote a certain thing that has been seen in the newspapers*, sering kali saya ingatkan bahawa *you must be responsible for what you quoted because later on if you find out that is not the truth, then you akan dipertanggungjawabkan*. Itu jelas.

Dalam soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong itu, saya tidak sedar pun bahawa ada kenyataan-kenyataan sebegini. *I'm sorry to be so slow on this because sekarang kadang-kadang saya tidak baca lagi apa yang tersiar, terutama sekali dalam soal-soal di siber, di sana. Anything can happen in there because there are so many viruses and whatnot*. Jadi, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong itu belum pun timbul dalam pemikiran saya.

Akan tetapi yang jelas juga bahawa saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Peraturan Mesyuarat 43, mengenai dengan tafsiran Peraturan Mesyuarat 99, kalau tidak lupa saya iaitu yang mentafsirkan peraturan mesyuarat itu ialah yang Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua.

Jadi soalan yang dibangkitkan itu belum pun datang di perhatian saya, maka apa pun polemik di luar sana di antara Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Puchong, itu adalah di antara Ahli Yang Berhormat. Jadi kalau misal kata perkara itu kamu perpanjangkan lagi selepas ini, buat sana di tempat ruang legar, *then you debate that* isu secara *legal whatever because both of you are lawyers. As far as I'm concerned, it has not come to my attention. Then I would not make decision unless I come to the bridge and I cross that bridge.* Terima kasih

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Itu sahaja Yang Berhormat Puchong. *I think I understand...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya faham Tuan Yang di-Pertua, apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut. Akan tetapi masalah dia Tuan Yang di-Pertua, *and I hope* Tuan Yang di-Pertua *understand why I'm pushing.* Ramai daripada Ahli Yang Berhormat akan menggunakan masa yang diberikan kepada mereka untuk bangkitkan isu-isu ini kerana mereka harap bahawa ia akan dijawab.

■1140

Kalau tidak akan dijawab atau tidak dibenarkan jawab, saya rasa *we have to make a ruling now because then perhaps all the* Ahli Yang Berhormat *they will not go into that because it becomes a wasted effort.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu yang menjadi perkara yang saya bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat juga harus faham.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta ...

Tuan Yang di-Pertua: Harus faham bahawa dalam perbahasan apabila berbahas, sesiapa saja yang duduk di atas ini sama ada saya atau timbalan-timbalan saya, mereka memerhatikan apa yang dihujahkan itu melanggar peraturan mesyuarat atau tidak. Sudah juga menjadi kelaziman kita bahawa apa perkara yang ditimbulkan itu, yang duduk di atas sini tidak boleh memaksa menteri untuk menjawab dan tidak tetapi kalau alasan itu bahawa tidak dijawab oleh kerana mengikut peraturan mesyuarat sama ada *sub judice*, sama ada deklarasi yang berkaitan atau tidak, itu juga akan ditetapkan oleh siapa sahaja yang duduk di sini sama ada saya atau timbalan-timbalan saya. Pada ketika ini saya ingatkan kembali saya tidak boleh membuat *ruling* kepada perkara-perkara polemik yang dibuat di luar sana.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila, terus.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, *it's enough. I have- ruling, it's enough,* sudah cukup. Duduk! Cukup!

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, sudah ada satu soalan yang dijawab di mana Menteri telah pun menyatakan bahawa jawapan tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Menteri-Menteri belum lagi menjawab kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan sebelum ini.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin di dalam soalan lisan, satu jawapan yang diberi oleh Menteri sendiri telah pun dinyatakan. Satu soalan kepada Yang Berhormat Bayan Baru pada 16 Mac yang bertanya tentang RM2.6 bilion. Jawapan yang diberi oleh Menteri adalah, "untuk makluman soalan ini tidak boleh dijawab pada masa ini selaras dengan Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) kerana perkara ini dalam pertimbangan mahkamah".

Maksudnya ini bukan polemik lagi ataupun dalam *only in the newspapers* Tuan Yang di-Pertua. *They have already usurped Tuan Yang di-Pertua's powers in making a decision on the standing orders...* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini bila? Yang jawapan kepada ini bila?

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Pada 16 Mac.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Semalam Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kepada saya Tuan Yang di-Pertua, 16 Mac. Ini sudah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Sila dua Yang Berhormat yang berkenaan tulis surat kepada saya.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *for now ...*

Tuan Yang di-Pertua: *It's enough, it's enough*, sudah cukup.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *for now we take it that we can proceed with our questions and that as far as...*

Tuan Yang di-Pertua: *I want that thing first to be given to me what is the answer because I haven't seen it yet. Because today it's only 17th.* Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, isu lain berkenaan dengan masa. Hari ini ialah hari perbahasan yang terakhir dan semalam kita bersedia untuk berbahas sampai 11.30 malam tetapi pihak kerajaan hanya menangguhkan sehingga 7.30 malam. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua sebab ada ramai rakan lagi yang belum berbahas dan berikan masa yang sepenuhnya kepada mereka untuk berbahas. Boleh tangguhkan sehingga larut malam pun tidak apa malam ini, bagi semua peluang untuk berbahas... [Tepuk] Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh minta satu usul dikemukakan. Kalau saya boleh, saya kemukakan Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah juga saya minta bahawa kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap itu jangan terlampau membebel sangat, yang diulang-ulang dan diulang, bolehkah?

Beberapa Ahli: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh? Kerana dalam peraturan mesyuarat kita tidak boleh *repetitive*. Yang saya dapati sekarang ini apabila seorang Yang Berhormat berucap pada waktu pagi, yang dihujah itu, itu juga yang dihujah oleh seorang Yang Berhormat pada tengah hari. Satu.

Kedua, daripada dulu saya telah menyarankan bahawa elok kalau pembangkang setidak-tidaknya mempunyai *shadow Cabinet* ataupun juru bahas kepada hal-hal tertentu kerana tidak ada Parlimen dalam dunia bahawa semua Ahli Yang Berhormat dapat berhujah, tidak ada.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua. Saya pun tidak berbahas tetapi ramai rakan belum berbahas. Kita pun ada juru bahas yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi yang sudah bahas ini Yang Berhormat sudah...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Mereka memperkukuhkan...

Tuan Yang di-Pertua: Setakat ini sudah 83 orang yang sudah berbahas, sudah cukup untuk Parlimen membuat keputusan selepas ini.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Jadi keputusannya Tuan Yang di-Pertua. Boleh bagi semua peluang?

Tuan Yang di-Pertua: Terpujang kepada kerajaan pada Peraturan Mesyuarat 15. Bukan saya yang menentukan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Harap Tuan Yang di-Pertua bagi nasihat.

Tuan Yang di-Pertua: Usul bukan saya yang bentang, bermakna apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu telah pun didengar oleh kerajaan sebelah kanan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Harap Tuan Yang di-Pertua bagi peluang supaya semua dapat berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban, kenapa selama ini tidakkah saya ataupun timbalan-timbalan saya memberi peluang tetapi kebanyakan dalam hal soal begini, peluang yang diberi itu tidak diambil dengan...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua nasihatkan kepada kerajaan untuk tanggihkan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau pihak kerajaan tidak memerlukan masa, kita boleh beritahu yang Ahli Yang Berhormat di sebelah sana tidak perlu berucap, kita saja. Kalau dia sudah tidak ada apa-apa lagi mahu cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, sudah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Fasal sudah tidak ada *point* lain, biar kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Umpamanya macam sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mengganggu masa maknanya Yang Berhormat Tanjong Karang tidak dapat berbahas dalam sepuluh minit kerana sepuluh minit itu sudah diambil oleh seseorang. Macam soal beginilah ini. Sama soal tadi peraturan mesyuarat yang sudah saya buat ketetapan, masih lagi juga berdegil, tidak mahu berhenti. Saya faham.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sebab perlu dilanjutkan lagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masa berjalan, dah 11.45 minit, 15 minit buang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya tidak tahu Yang Berhormat Tanjong Karang berapa banyak lagi masa yang diberi itu?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya ada lagi 25 minit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Masa 2 minit Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Masa 25 minit saya ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan setiausaha.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Lagipun sebelah sana hanya bersyukur, bersyukur, bersyukur saja Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang lain. Kita bersyukur, kita bersyukur, kita bersyukur... *[Dewan riuh]* Mereka *repetitive*, tidak ada *point*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Macam berzikir... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey Ahli-ahli Yang Berhormat, senyap. Yang Berhormat Tanjong Karang ada 15 minit. Jadi jangan lebih, kurang boleh. Selepas Yang Berhormat Tanjong Karang, penghujah seterusnya 10 minit.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang daripada kelmarin, telah tertulis di sini bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang berdiri dan baru berhujah kelmarin. Jadi dia dari kelmarin. Jadi penghujah untuk hari ini dalam *list* baru, 10 minit. Janganlah bantah kerana kawan lain mahu bercakap. Kalau bererti kepada kawan lain, 5 minit pun boleh cakap, pernah saya bercakap dalam *Speaker's Conference* dunia 4 minit. *I can deliver what I want to say.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Persidangan UMNO Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, 15 minit.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey Tuan Yang di-Pertua, masa saya dah 5 minit rugi Tuan Yang di-Pertua.

11.47 pg.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya nak sambung ucapan saya semalam mengenai Titah Diraja menyentuh reformasi Parlimen. Jadi sebelum kita buat reformasi Parlimen, kita Ahli-ahli Parlimen kenalah ubah diri kita sendiri seperti saya berucap hari ini, peraturan mesyuarat. Saya hanya boleh bangun, sebelah sana boleh bercakap kalau saya bagi jalan ataupun atas peraturan mesyuarat. Ini saya hendak beritahu. Yang saya sentuh semalam daripada Yang Berhormat Gelang Patah yang menyentuh mempertikaikan Titah Diraja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Daripada konvensyen kita Raja Perlembagaan, kita boleh bahas, kita boleh komen titahnya tetapi tidak boleh kita pertikaikan siapa yang buat ucapan. Ini satu penghinaan kepada institusi Raja-Raja. Jadi sebab itulah 124 NGO's telah membuat laporan polis, saya minta supaya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap laporan yang telah pun dibuat oleh 124 NGO.

Kedua, mengenai menghormati undang-undang. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu kerana dalam ucapan Yang Berhormat Batu, dia minta supaya kes beliau yang telah dibebaskan oleh mahkamah di atas tuduhan fitnah yang menuduh Yang Berhormat Batu mengatakan bahawa peristiwa Lahad Datu itu sebagai sandiwara. Juga Yang Berhormat Batu kata kalau boleh jangan lagi diungkit-ungkit dalam Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Batu kerana kita sedia maklum di dalam negara kita mahkamah yang paling tinggi ialah Mahkamah Persekutuan.

Jadi kerana itu kita kena menghormati keputusan mahkamah. Akan tetapi malangnya pihak pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kena batang hidung mereka, mereka suruh kita patuh kepada keputusan mahkamah. Akan tetapi apabila pihak mereka didapati bersalah, mereka tidak mahu menghormati keputusan mahkamah. Malah mereka merasa supaya menerima pengisytiharan arbitrari Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNWGAD yang semalam saya dengar Yang Berhormat Tumpat pun cakap, Yang Berhormat Kuala Langat pun cakap malah di negeri Selangor ini Tuan Yang di-Pertua lagi teruk.

Dia bawa, mengheret rakyat dalam kes membebaskan Anwar Ibrahim, enam tahun lebih kes ini dibicarakan sampai ke Mahkamah Persekutuan. Mengapa di negeri Selangor papan-papan tanda membebaskan Anwar Ibrahim begitu banyak sekali dan papan tanda membebaskan Anwar Ibrahim ini Tuan Yang di-Pertua, hendak dibandingkan dengan papan-papan tanda memerangi denggi, lebih banyak papan tanda bebaskan Anwar daripada papan tanda untuk memerangi denggi.

■1150

Sedangkan di negeri Selangor ini, sedangkan negeri Selangor ini... *[Disampuk]* Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, di negeri Selangor ini...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Selangor jawab Selangor.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Masalah denggi ini cukup penting.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini, ini, ini. Hendak jawab dulu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Jawab. Hendak jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya nak habis. Saya bagi, saya bagi, saya bagi.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Minta penjelasan. Papan tanda, papan tanda.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi. Tidak macam saya dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi, baru saya bangun. Betul atau tidak? Jadi hormatlah dengan saya. Kalau saya boleh mematuhi peraturan mesyuarat... *[Disampuk]* Duduk. Yang Berhormat Kapar tidak payahlah. Dia tidak ikut peraturan. Nanti, nanti, nanti saya bagi. Ada masa saya bagi. Ada masa saya bagi. *Do not worry. Do not worry*, saya bagi.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Papan tanda. Boleh ya? Okey, okey.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Do not worry*. Saya bagi. Saya sudah 21 tahun jadi Ahli Parlimen, tidak pernah lari daripada pembangkang. Yang Berhormat baru satu penggal. Saya tidak lari. Tunggu saya habiskan dulu.

Baik, saya hendak beritahu macam mana Kerajaan Negeri Selangor ini lebih mementingkan politik daripada kepentingan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, di negeri Selangor, pada tahun 2014, sebanyak 54,289 kes denggi. Pada tahun 2015, meningkat sebanyak 63,198 kes. Tahun ini sehingga bulan Mei sebanyak 11,201 kes denggi. Kemudian yang melibatkan kematian, meningkat. Pada tahun 2014, sebanyak 77 kematian akibat denggi. Pada tahun 2015, sebanyak 177 kematian dan tahun ini sehingga bulan Mei, sebanyak 17 kematian. Mengapa kerajaan negeri tidak pentingkan kebajikan rakyat?

Daripada segi peruntukan, Kerajaan Federal memberikan peruntukan sejak tahun 2013 sehingga awal bulan Mei 2016 sebanyak lebih RM12 juta. RM12 juta Kerajaan Persekutuan bagi kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memerangi denggi. Kerajaan Negeri Selangor bagi berapa juta? RM2 juta sahaja dia bagi, RM2 juta. Akan tetapi di dalam Parlimen ini, Ahli Parlimen Gombak yang merupakan Menteri Besar Selangor, kita dengar ucapan beliau. Saya baca ucapan beliau. Ini malam tadi saya baca ucapannya. Wah! Bukan main lagi. Ucapan beliau apa?

Saya hendak petik antaranya. Dia kata apa? Dia kata, “...*Mestilah adil dari segi persetujuan. Saya sebut supaya ada pengagihan yang adil dan saksama. Adil daripada segi persetujuan, kebersamaan, perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Di manakah bidang-bidang yang perlu diberikan perhatian?*”. Ini ucapan beliau sebagai seorang Menteri Besar yang mencari salah Kerajaan Persekutuan. Saya hendak beritahu, denggi kita tolong tetapi kerajaan negeri lebihkan politik. Bebaskan Anwar. Apa jasa Anwar Ibrahim kepada negeri Selangor? Saya anak jati negeri Selangor, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga hendak menyatakan bahawa tidak cukup dengan bantuan denggi, kita juga bagi peruntukan yang cukup banyak kepada Kerajaan Negeri Selangor yang mana di dalam RMKe-11, sebanyak 289 projek telah pun diluluskan untuk negeri Selangor yang mana anggaran kosnya bernilai hampir RM19 bilion, RM18.37 bilion. RM18.37 bilion ini akan diberi untuk pembangunan negeri Selangor. Nilai ini juga lebih daripada dividen Petronas yang kerajaan dapat tahun ini hanya RM16 bilion. Bagaimana yang mengatakan kita tidak memberikan keadilan kepada Kerajaan Negeri Selangor? Tidak cukup dengan projek-projek pembangunan. Kita juga tahun ini memberikan peruntukan khusus kepada Kerajaan Negeri Selangor. Pun meningkat. Ini yang kita bagi untuk pra peruntukan terus kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ada dalam sembilan tajuk. Tahun 2015, Kerajaan Persekutuan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi. Tunggu dulu. Dalam tahun 2015, Kerajaan Persekutuan bagi kepada kerajaan negeri secara terus sebanyak RM758 juta. Tahun 2016, sebanyak RM795 juta. Meningkatkan RM37 juta kita bagi peningkatan. Bagaimana kerajaan Menteri Besar yang merupakan Ahli Parlimen mempersoalkan keadilan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bagaimana kita membela guru-guru, imam-imam di negeri Selangor. Elaun imam pun kita naikkan. Saya hendak beritahu, elaun imam – terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Pekan. Zaman beliaulah maka elaun imam dinaikkan. Dinaikkan daripada RM450 sebulan, hari ini dinaikkan kepada RM750 sebulan kepada semua imam... *[Tepuk]* Berapa kerajaan negeri bagi elaun imam? Hanya RM150 sebulan sahaja.

Kita beri kepada guru-guru takmir. Berapa banyak kita beri kepada guru-guru takmir? Kita beri sebanyak RM800 sebulan... *[Disampuk]* Berapa banyak kerajaan negeri bagi kepada guru-guru takmir? Kosong. Satu sen pun dia tidak bagi kepada guru-guru takmir... *[Dewan riuh]* Kita bayar. Kita bagi kepada guru-guru KAFA. Kita beri kepada guru-guru KAFA elaun sebulan sebanyak RM800. Berapa banyak kerajaan negeri bagi? RM500. Baru-baru ini umum naik lagi RM200. Itu pun hanya diberikan kepada guru KAFA yang berkhidmat lebih sepuluh tahun. Mana komitmen?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak cukup daripada itu lagi kalau bab agama ini. Bab agama ini tidak cukup daripada kita membantu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Meninggikan syiar Islam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bagilah. Sekejap sahaja. Sekejap.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu, nanti. Saya bagi, saya bagi. *Do not worry*, saya bagi, saya bagi. Saya bagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Seminit dua sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bila saya sebut Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam bangun. Saya akan sentuh Shah Alam. *Do not worry*. Yang Berhormat Shah Alam tunggu. Saya akan sentuh ucapan Yang Berhormat Shah Alam. Tunggu dulu... *[Disampuk]* Yang Berhormat Sepang pun tunggu. Saya sentuh ucapan Yang Berhormat Sepang. Tunggu, tunggu. Tunggu, tunggu, tunggu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Baik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beginilah Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau hendak banding kerajaan negeri dengan kerajaan negeri. Dulu, kerajaan negeri dari Barisan Nasional, berapa yang dia beri? Janganlah banding kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini apa, apa ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini orang yang tidak betul yang buat perbandingan macam itu. Beritahu berapa yang Kerajaan UMNO dari Barisan Nasional bagi... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi cakap, saya bagi peluang. Saya bagi peluang. Duduklah... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Jangan cakaplah hendak banding Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Ini tidak betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, inilah, inilah perangai Ahli Parlimen pembangkang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah hujah tidak boleh pakai. Dahulu bila UMNO pegang kerajaan negeri, 'Yilek! Yilek! Yilek!'. Tahu 'Yilek?'

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Patutlah keluar depan-depan. Ini perangai apa? Apa ini? Tuan Yang di-Pertua, tolong suruh dia duduk. Tolong suruh dia duduk. Ini peraturan apa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, orang ini betul atau tidak betul otak dia?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak mahu ikut peraturan ini... *[Menunjukkan buku Peraturan Majlis Mesyuarat]* Yang Berhormat Shah Alam kalau tidak mahu ikut peraturan, saya baling peraturan ini kepada muka Yang Berhormat nanti.

Yang Berhormat, kalau tidak mahu ikut peraturan, saya baling buku ini kepada muka Yang Berhormat nanti!... *[Dewan riuh]* Ini ada buku. Saya baling buku ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baling! Baling! Baling! Baling! Baling!

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jangan cabar!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baling! Baling!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ingat hutankah hendak baling, baling.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini “otak udang” betullah. “Otak udang” ini. “Otak udang” betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [Dewan riuh] Saya hendak beritahu bagaimana kita menolong kerajaan negeri. Masalahnya, negeri-negeri lain tahu berterima kasih. Negeri-negeri lain tahu berterima kasih. Bukan macam Menteri Besar Selangor. Tahu mengkritik dan menuntut kita tidak adil. Bila kita cakap, telinga dia panas. Sama juga Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan. Apa sumbangan dia sehinggakan lima unit *apartment* di *Marwa Tower* di Mekah yang dulu kita beli, hari ini hendak dijual. Harga rizab RM7.5 juta... [Dewan riuh] Saya percaya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam Tabung Haji jual *apartment* dan kondominium di London kah? Yang Tabung Haji jual kondominium di London tidak timbul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini? Apa ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang MARA tidak jual.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini perangai Ahli Parlimen yang tidak ada adab... [Dewan riuh] Ahli Parlimen yang tidak ada adab. Eloklah keluar daripada PAS. Eloklah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu. Saya hendak beritahu. Nanti Yang Berhormat berucaplah. Yang Berhormat hendak kacau saya kenapa? Nanti saya hendak beritahu. Hendak tanya ini. Sebab apa dijual?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Banyak merapu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini satu kita sudah beli zaman kita. Beli lima unit *apartment* tiba-tiba jual. Saya percaya bukan Kerajaan Negeri Selangor tidak ada duit tetapi saya percaya ini DAP yang suruh jual sebab DAP tidak ada peluang hendak duduk di *apartment* tersebut di Makkah. Jadi dia pun minta kesamarataan. Jual. Maka Kerajaan Negeri Selangor ikut telunjuk DAP, jual *apartment* tersebut. Tuan Yang di-Pertua, itu soal satu.

Kedua, kerjasama. Kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Saya hendak bagi contoh ini. Mengapa Kerajaan Negeri Selangor hanya melebihi keuntungan daripada kebajikan rakyat. Saya ambil satu contoh. Satu Balai Bomba Setia Alam. Pemaju sudah sediakan tapak untuk buat balai bomba. Kerajaan Federal 2015 hendak buat balai bomba. Nilainya RM3 juta sahaja. Tiba-tiba kerajaan negeri tulis kepada Kerajaan Persekutuan, suruh bayar premium sebanyak RM4 juta. Lebih mahal premium tanah daripada harga hendak buat balai bomba. Itu satu.

■1200

Yang kedua ini, dalam Parlimen Sepang. Yang ini. Penempatan semula penduduk Taman Permata, Dengkil. Ini yang saya nak minta KPKT mengesahkan ucapan saya, betul ataupun tidak... [Disampuk] Apa? Siapa tanya? Saya kata ini di Sepang. Sepang, berlaku dalam Parlimen Sepang, di Taman Permata. Apa yang berlaku...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kerajaan negeri bawa dalam DUN lah. Tak ada kah wakil rakyat UMNO kat DUN tu? Bawa lah ke DUN. Ini bukan tempat dia... [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya kata...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Umur 21 tahun dia keliru lah Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk sekejap. Saya minta duduk sekejap. Kalau Yang Berhormat lain mengganggu Yang Berhormat yang sedang berucap, saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Kita sudah- Yang Berhormat Tan Sri sudah bagi tahu telah dihadkan masa 15 minit. Kalau 15 minit ini diganggu, diganggu, diganggu dan akan mengambil masa kawan kita yang lain untuk diberi peluang untuk berucap dan berbahas. Jadi, saya harap Yang Berhormat sekalian ikut peraturan mesyuarat ya. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih banyak. Saya tanya kepada KPKT. Yang Yang Berhormat Shah Alam melompat fasal apa? Ini ialah- ini dia tak faham. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, jadi kelam kabut kita di dalam Dewan ini kerana Ahli Parlimen, terutama Yang Berhormat Shah Alam, dia ini macam burung kakak tua. Dia tak tahu apa dia cakap, saya bertanya kepada KPKT. Betul ataupun tidak apabila nak menyelesaikan masalah penduduk Taman Permata di Dengkil yang kita baca surat khabar suatu masa ketika dahulu, duduk dalam khemah. Bila perkara ini berlaku, kita pun turun padang bincang dengan kerajaan negeri.

Dalam perbincangan tersebut, telah pun dibuat persetujuan. Kerajaan negeri menyediakan tanah, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT bersetuju untuk membuat bangunan. Nilai bangunan kalau tidak silap saya lebih kurang RM48 juta. Duit dah habis dah. Bila ianya berlaku, maka kerajaan negeri betul, terlampau memainkan peranannya mengambil alih tanah lebih kurang 30 ekar daripada Sime Darby dengan membayar kepada Sime Darby lebih kurang RM12 juta, okey.

Akan tetapi apabila kita nak buat rumah, kerajaan negeri hantar surat kepada Kerajaan Persekutuan, suruh bayar premium RM12 juta. Dia beli tanah RM12 juta, suruh kita bayar RM12 juta, mana sumbangan kerajaan negeri? Bagaimana dalam Parlimen ini Menteri Besar boleh berkata- mengatakan bahawa kita perlu ada kerjasama dengan kerajaan negeri? Kita nak tolong rakyat. Akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor hari ini nak lebihkan kepada hanya politik semata-mata. Kalau kes ini tak selesai, dia nak salahkan siapa? Dia kata Kerajaan Persekutuan lah yang tak janji. Kita nak buat. Jadi, yang ini Tuan Yang di-Pertua, ini Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang boleh gulung.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat tanya, saya bagi laluan. Saya *gentleman*, sebab ini adalah Parlimen Sepang. Sepang baru bangkit dalam Dewan ini. Hari ini kita lihat apa yang berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang boleh gulung ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, *last point*. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Datang ke Dewan bantai Kerajaan Persekutuan kerana tidak adil. Menteri Besar Selangor ini Ahli Parlimen Gombak. Tahun lepas, di projek *River of Life*, masuk dalam Parlimen Gombak dia pun tak tahu. Menunjukkan dia Menteri Besar yang buta hati dan buta tidak nampak. Saya kalau macam ini lah perangai dia, saya yakin PRU Ke-14, Pakatan Harapan tak akan ada harapan di negeri Selangor dalam pilihan raya akan datang... [*Dewan riuh*] Baik, kemudian- nak gulung. Saya hormati- *last last point*. Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Shah Alam, oh dia cakap ini kerajaan haram. Kerajaan haram kita ini. Inilah orang kata...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak pernah sebut ini kerajaan haram.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi saya sebut ini kerajaan sokongan minoriti 48 peratus.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya kata Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang kata ini kerajaan haram.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang saya kata dan saya ulang lagi, memang kerajaan haram.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, Terima kasih. Terima kasih, Terima kasih, dia ulang. Okey, dia kata- ini menunjukkan bahawa pembangkang tunjuk satu, tiga jari dekat diri. Saya dengar ceramah PAS, bukan saya cakap, ceramah PAS. Dia kata mana-mana Ahli Parlimen PAS, bertanding tiket PAS, keluar PAS masuk PAN, dia dapat elaun haram. Bukan sahaja elaun haram... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]* Sejak bila Yang Berhormat Tanjong Karang percaya ucapan dan ceramah PAS ini Tuan Yang di-Pertua? Sejak bila yang Yang Berhormat Tanjong Karang ini percaya pada cakap orang PAS ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Eh, burung kakak tua, duduk lah. Hei, burung kakak tua duduk, duduk burung kakak tua. *Last, last* saya nak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Saya nak respons Yang Berhormat Shah Alam, sejak PAS berbaik dengan UMNO... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi, ertinya ini PAS cakap, bukan saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua jadi batu api, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jangan cakap macam itu, tak baik.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia cakap dalam ceramah, dapat elaun haram. Kemudian pula kata jatuh talak tiga. Bersekedudukan haram. Kalau dah jatuh talak tiga dah kena ambil cina buta. Sebab itu la PAN dia baik dengan DAP, mudah dia cari cina buta daripada DAP... *[Dewan riuh]* Yang akhir, yang akhir, yang akhir.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak ada standard langsung.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengar ini, saya baca ucapan daripada Yang Berhormat Pandan. Ucapan daripada Yang Berhormat Pandan, 'raja fitnah' yang terkenal di dalam negara kita. 'Raja fitnah' dari Pandan. Dulu dia kata, cincin isteri Perdana Menteri jadi isu. Lepas itu gurauan sahaja. Lepas itu pula dia kata, harga barang naik sebab harga minyak naik. Hari ini harga minyak turun, harga barang tak turun. Nasib baik ada GST.

Ada lah peluang Yang Berhormat Pandan kempen seluruh negara, tipu rakyat sebab GST pula harga barang naik. Ada lah modal dia. Dan yang akhir ini, dalam ucapan akhir apa yang disebut ini iaitu Pandan, lagi lama kita elakkan, lebih banyak kerosakan dan lebih banyak kerosakan, lebih cepat UMNO-Barisan Nasional kalah di dalam pilihan raya umum akan datang. Kalau inilah hasrat Yang Berhormat Pandan, saya pun tak tahulah apa politik yang dia pakai. Kalau betul sebab Perdana Menteri ini lemah, Barisan Nasional kalah dalam Pilihanraya Umum Ke-14, sepatutnya pembangkang lebih tepuk tangan. Bertepuk tangan, sokong. Esok Pilihanraya Umum Ke-14 tak payah kempen dah. Rakyat tolak Perdana Menteri.

Akan tetapi mengapa mendesak Perdana Menteri letak jawatan? Ini menunjukkan pembangkang takut dengan kekuatan yang ada pada Perdana Menteri... *[Dewan riuh]* Sebab itulah. Lepas itu pula, saya- Dulu bantai Tun Mahathir, hari ini ikut Tun Mahathir. Lepas itu pula kata, eh tidak, Tun Mahathir pula ikut cakap tak ikut cakap Parti Keadilan Rakyat. Mana satu betul? Mana maruah perjuangan? Jadi oleh itu, inilah contoh yang saya lihat bahawa apa pembangkang cakap, dia hanya mementingkan politik semata-mata, sebaliknya dia tidak memikirkan kesannya kepada rakyat. Oleh sebab itulah saya percaya Pilihanraya Ke-14, rakyat akan tolak pembangkang yang hanya cakap kosong... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, 10 minit ya. Stampin tidak ada dalam senarai ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Senarai terbaru. Sila rujuk kepada Ketua Whip. Sila, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam perbahasan pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa ada kesuntukan masa, saya akan memfokuskan hanya kepada dua perkara yang ingin saya bangkitkan pagi ini.

Seperti yang dinyatakan tadi oleh Tan Sri Speaker, belum ada apa-apa *ruling* dibuat berkenaan dengan isu sama ada soalan-soalan dan jawapan-jawapan berkenaan RM2.6 billion dan 1MDB itu adalah *sub judice* atau tidak.

Jadi, saya- *I take that to mean*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa kami dibenarkan untuk bertanya soalan-soalan tersebut yang pada pendapat saya seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi, bukannya *sub judice* memandangkan ianya belum diberi kebenaran untuk dibawa ke mahkamah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan isu yang ada kaitan dengan kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu iaitu berkenaan dengan salah seorang pembunuh iaitu Sirul Azhar Umar yang telah pun sekarang melarikan diri.

■1210

I use the word melarikan diri, dengan izin, ke Australia dengan- sekarang saya percaya dengan bantuan pihak-pihak yang tertentu dan telah pun sekarang berada di Sydney dan membuat beberapa aduan ataupun dakwaan daripada Sydney tersebut seperti yang kita tahu daripada beberapa klip video yang telah pun disiarkan secara meluas baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya berkenaan dengan proses ekstradisi Sirul tersebut ke Malaysia seperti yang saya telah tanya di Dewan ini beberapa kali yang lalu. Sejak Mac 2015 tahun lepas, saya telah tanya sama ada kerajaan berniat ataupun serius untuk membawa pulang Sirul ke Malaysia untuk menjalankan hukuman terhadapnya walaupun kami terima bahawa pihak Kerajaan Australia itu adalah mempunyai polisi bahawa secara amnya mereka tidak akan menghantar balik orang-orang yang akan menjalani hukuman gantung.

Akan tetapi syor yang telah pun diberi kepada saya dalam bulan Mac 2015 oleh *the Home Minister*, dengan izin, dalam tahun 2015 dalam bulan Mac adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua dan saya *quote* apa yang dikatakan... [*Membaca petikan*] "*Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati.*"

Jadi, adalah jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa sudah setahun yang lepas kerajaan telah pun memberi *assurance*, dengan izin, bahawa rundingan untuk memulakan proses ekstradisi Sirul tersebut akan dimulakan. Sekarang masih tidak ada apa-apa berita berkenaan dengan proses ekstradisi tersebut.

Memandangkan keadaan tersebut, saya telah pun menulis kepada Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali untuk diberi status berkenaan proses ekstradisi tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya baru diberi jawapan daripada Peguam Negara tersebut dan saya *quote* melalui surat Peguam Negara bertarikh 25 Februari 2016, baru-baru ini.

Beliau menyatakan, saya *quote* dalam bahasa Inggeris oleh kerana itu adalah bahasa yang digunakan dalam surat tersebut... [*Membaca petikan*] "*Pursuant to your query in the letter, please be informed that the Government of Malaysia is still in the process of initiating the negotiation with the Government of Australia to extradite Sirul Azhar Umar to Malaysia to serve the sentence imposed by the Federal Court. This process is time consuming as it does not only involve diplomatic relations but it also involves complicated legal issues that must be handled in a discreet and respective manner.*"

Itu antara yang dinyatakan dalam surat tersebut. Juga dinyatakan bahawa memang- saya *quote*... [*Membaca petikan*] "*In the event of the Government of Malaysia submits an official extradition request to the Government of Australia, they will ensure that the decision will not be in breach of the international obligation in particular the obligation under the second option protocol to the governance on civil and political rights, ICCPR, aiming at the abolishment of the death penalty*"

Jadi memang Peguam Negara telah pun menyatakan baru-baru ini bahawa kerajaan memang akan mengambil tindakan untuk mengekstradisi Sirul tetapi jawapan itu sama seperti apa yang dinyatakan oleh *Home Minister* tahun lalu. Adakah kerajaan begitu *incompetent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sudah setahun berlalu? *Are they that incompetent that they cannot commence extradition proceedings for Sirul Azhar Umar to be brought back*, dengan izin, ke Malaysia? Adakah ini satu soal *incompetence*?

Ataupun adakah ini satu *attempt*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak membawa Sirul balik ke Malaysia oleh kerana ada kepercayaan beliau akan membongkarkan rahsia-rahsia yang tertentu? *Is there an attempt*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *not to extradite Sirul back to Malaysia* oleh kerana kita sudah tahu ada banyak video klip baru-baru ini?

Sekarang dia cakap Yang Amat Berhormat Pekan tidak terlibat dalam pembunuhan Altantuya. *Nobody asked the question, yet he can volunteer such an answer*. Beliau juga mengatakan Altantuya tidak mengandungi pada masa beliau dibunuh. *How does he know this?* Macam mana dia tahu? Macam mana dia boleh dapat begitu banyak informasi ataupun maklumat berkenaan kes Altantuya memandangkan dalam kes ataupun dalam pembelaannya di prosiding jenayah, beliau menyatakan beliau merupakan seorang kambing hitam, dijadikan seorang *scapegoat* untuk melakukan pembunuhan Altantuya? Tidak boleh dinafikan beliau merupakan seorang pembunuh, *he is a cold-blooded murderer*, dengan izin, seperti yang didapati oleh Mahkamah Persekutuan. *So why is the government not extraditing Sirul Azhar Umar? Is it because he has answers as to who instructed the murder of Altantuya? Is that the reason they do not want him to come back to Malaysia?*

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Or is it because the Malaysian AG is so incompetent that it has taken him one year to commence extradition proceedings? Not even commence extradition proceedings against Sirul.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, sikit.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ingatkan masa ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya setengah minit sahaja.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya dua minit Tuan Yang di-Pertua? *Just* satu lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya senang, dua sahaja Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pertamanya, apabila pendakwa membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan, kenapakah pendakwa raya tidak membuat permohonan untuk reman Sirul, *pending the hearing of appeal in the Federal Court?* Itu pertama.

Keduanya, setuju dengan saya bahawa walaupun mungkin kerajaan buat permohonan ekstradisi ini, ia juga jadi satu yang akademik sahaja kerana polisi ataupun pendirian Kerajaan Australia adalah ia tidak akan terima hukuman mati. Jadi saya rasa itu adalah sia-sia sahaja kalau nak buat ekstradisi pun. Komen daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memang sepatutnya keputusan Mahkamah Persekutuan tidak diberi dalam ketidakhadiran Sirul tetapi itu telah pun berlaku. Ini adalah satu perkara yang *unusual*.

Akan tetapi memandangkan masa saya singkat, saya hanya hendak timbulkan lagi satu isu Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan isu dua orang jurnalis dari Australia. Satu baru ditangkap baru-baru ini, dua hari lalu, kerana cuba hendak tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa soalan semasa beliau di Kuching. Apa yang saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, adalah sama ada adakah jurnalis-jurnalis tersebut melakukan apa-apa kesalahan? Ini kerana kami dapat beberapa *report* yang bertentangan di mana satu daripada, dengan izin, *Deputy Home Minister* yang menyatakan bahawa mereka telah pun *dideport* balik ke Australia dan ada satu lagi *report* yang saya dengar bahawa mereka merupakan satu *threat* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ada banyak *threat* kepada Perdana Menteri. Kita dengar ada *terrorist* juga hendak *kidnap* sama Perdana Menteri. Saya tidak tahu kalau itu merupakan satu manfaat kepada *kidnappers* memandangkan Perdana Menteri itu memang satu liabiliti. Kita semua tahu. *How is he going to be an asset to the kidnappers?* Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu kenapa mereka dihantar balik ke Australia?

■1220

Adakah mereka melakukan apa-apa jenayah. Ini adalah penting oleh sebab ini akan mempunyai efek kepada pemberita-pemberita di luar Dewan ini yang sekarang ingin ataupun mempunyai kepentingan untuk tahu kenapa atau mengapa kejadian itu berlaku. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak isu lain tetapi saya tidak akan memulakan memandangkan keadaan masanya suntuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor 10 minit.

12.20 tgh.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan dan dalam kesempatan ini saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan Titah Baginda yang begitu bermakna kepada kita seluruh rakyat Malaysia. Begitu juga ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri saya mewakili rakyat dalam kawasan saya di Parlimen Tasek Gelugor khususnya ingin merakamkan taat setia dan juga sokongan tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Perdana Menteri dan juga seluruh anggota kepimpinan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa memayungi hamba rakyat dengan nasihat dan pedoman agar sentiasa hidup dalam sejahtera dan harmoni serta berkemakmuran. Tuan Yang di-Pertua, penekanan isu kesejahteraan rakyat seperti perumahan rakyat termiskin sentiasa menjadi isu utama yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak dari dulu lagi dengan pelbagai jenis bantuan dan skim perumahan. Sehingga kini sama ada kita mahu mengaku ataupun tidak, jutaan rakyat telah menikmati skim perumahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Namun begitu saya, ingin menyatakan satu perasaan yang amat kecewa sekali apabila baru-baru ini mendapat maklumat yang dibawa kepada saya oleh beberapa NGO khususnya di negeri Pulau Pinang yang menggambarkan keadaan yang sebaliknya. Kekecewaan saya timbul apabila sumber-sumber ini menyebutkan bahawa Yang Berhormat Bagan selaku Ketua Menteri Pulau Pinang telah secara langsung atau tidak langsung telah terlibat dalam penjualan tanah yang asalnya telah diperuntukkan untuk pembinaan rumah kos rendah untuk disewa dengan kadar RM100 kepada rakyat termiskin. Tanah-tanah tersebut telah dijual secara tender untuk projek pembinaan hospital swasta dan juga hotel *suites*.

Jadi ini sudah tentu menampakkan kepada kita satu percanggahan Dasar Perumahan Negara yang mana kita menggunakan tanah-tanah yang diperolehi oleh pihak kerajaan sepatutnya untuk membina rumah-rumah bagi tujuan bekalan rumah kepada rakyat termiskin. Malah lebih menyedihkan lagi apabila ia turut membabitkan isu pemilikan hartanah oleh Yang Berhormat Bagan pada Oktober 2015 yang juga boleh dikaitkan dengan isu penjualan tanah ini...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seremban.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya baru mula minta maaf.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya minta Yang Berhormat Tasek Gelugor tarik balik kenyataan tersebut.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Oleh sebab isu ini membabitkan...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Apa sumber yang digunakan? Apa yang sumber digunakan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tadi dia kata sumber tak langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Pasir Putih sila duduk.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Oleh sebab isu ini membabitkan isu integriti dan juga isu perumahan rakyat termiskin di bawah kendalian Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Sebab Yang Berhormat Tasek Gelugor bercakap tentang Yang Berhormat Bagan tanpa berasas. Pada masa Yang Berhormat Bagan tak ada, kenyataan itu tidak berasas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini perbahasan Yang Berhormat. Duduk, duduk. Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi saya dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor pun bermacam-macam saya biarkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiada juga di dalam Dewan jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ya sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Oleh sebab isu ini membabitkan isu integriti dan juga isu perumahan rakyat termiskin di bawah kendalian Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari segi dasarnya. Maka isu ini saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bagi mendapatkan penjelasan daripada menteri yang berkenaan dan juga agensi SPRM di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi apa salahnya, hak saya sebagai seorang Ahli Parlimen dan juga rakyat negeri Pulau Pinang ingin mendapatkan penjelasan. Kalau tak betul biarlah orang yang berkenaan menjawabnya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Jawab tidak berasaslah itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tasek Gelugor telah sebut.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia hendak penjelasan, panggillah dekat DUN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini saya hendak sebut, saya hendak sebut Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tanyalah dekat DUN, apa tanya dekat Parlimen tidak ada menteri besar, ketua menteri, Exco semua tidak ada di sini. Ini soalan untuk DUN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila-sila Yang Berhormat saya dengar Yang Berhormat minta penjelasan kepada KPKT. Ya sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan minta perhatian menteri yang menjaga perumahan dan kesejahteraan bandar dan juga saya akan minta perhatian menteri yang menjaga SPRM untuk meneliti isu-isu yang akan saya bangkitkan. Saya juga mengharapkan Ahli-ahli Dewan mendengar dengan teliti tentang isu-isu yang akan saya bangkitkan dan selepas itu kita mendengar apa penjelasan-penjelasan yang akan diberikan. Ini hak saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: BN tanya, BN jawab apa punya logik ini. BN tanya, BN jawab.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua dalam isu ini ia membabitkan dua perkara. Pertama ialah isu berkaitan dengan pemilikan hartanah sebuah rumah nombor 25 di Jalan Pinhorn George Town Pulau Pinang oleh Yang Berhormat Bagan yang ada kaitannya pula dengan satu lagi isu iaitu isu yang berkaitan dengan satu lot tanah di Taman Manggis Fasa 2 Jalan Zainal Abidin di negeri Pulau Pinang yang pada asalnya dikhususkan untuk tujuan pembinaan rumah kos rendah bagi tujuan untuk disewa kepada rakyat termiskin dengan kadar RM100 satu bulan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini isu negerilah, kenapa ini dibawa ke Parlimen tak ada kena mengena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Isu negeri tetapi saya perlu penjelasan daripada kementerian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kementerian mana? Ini bidang kuasa Kerajaan Negeri... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kerajaan negeri.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya memohon keizinan untuk menjelaskan fakta isu dan saya minta menteri bukan saya minta Yang Berhormat Seputeh jawab. Yang Berhormat Seputeh hendak jawab apa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yelah ini harus dibawa ADUN UMNO di Pulau Pinang. Kenapa di sini, ini salah tempat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Bukan, ini adalah isu kesejahteraan rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini buang masa sahaja. Ini mahu burukkan imej Yang Berhormat Bagan di Dewan yang mulia ini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ini adalah isu kesejahteraan rakyat, memang DAP tak pernah pun membawa isu kesejahteraan rakyat... *[Tepuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini ucapan salah, salah tempat yang nampaknya Yang Berhormat tidak jelas tentang bidang kuasa Ahli Parlimen dan juga DUN... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Apabila Barisan Nasional nak bawa isu kesejahteraan rakyat, masalah tanah, masalah tanah yang telah pun diubah syarat, maka ini jadi satu masalah.

Seorang Ahli: Panaskah sudah panas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor duduk sekejap, duduk, duduk sekejap. Yang Berhormat Tasek Gelugor duduk sekejap. Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Tasek Gelugor bertanya kepada KPKT dan KPKT semasa menjawab Yang Berhormat Bagan boleh juga mencelah untuk memberikan penjelasan. Sila.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Tasek Gelugor boleh Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya isu ini bermula daripada satu isu di mana Yang Berhormat Bagan telah pun menyewa sebuah rumah yang dimiliki oleh seorang yang bernama Phang Li Koon. Di mana rumah tersebut telah disewa pada kadar harga RM5,000 satu bulan. Yang Berhormat Bagan tidak mahu duduk rumah yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan negeri kerana rumah itu dikatakan telah rosak, dimakan anai-anai dan perlu kepada pembaikan.

Jadi persoalan dia yang saya hendak tanya Jabatan Penilaian dan Pembangunan Harta di bawah Kementerian Kewangan apakah logik sebuah rumah yang dibeli dengan harga RM2.5 juta pada Oktober 2008 oleh Phang Li Koon di sewa setelah direnovasi dengan jumlah ratusan ribu hanya disewa dengan kadar RM5,000 sahaja.

Sedangkan dalam masa yang sama sebuah rumah lagi dalam jarak 4 buah rumah daripada rumah nombor 25 ini telah dinilai dengan harga yang jauh lebih tinggi sedangkan keluasan tanahnya cuma separuh daripada keluasan rumah nombor 25 tadi. Jadi ini menjelaskan yang menimbulkan persoalan kepada saya ialah saya minta JPPH Kementerian Kewangan menjawab adakah benar ataupun adakah patut kadar sewaan RM5,000 dengan jumlah atau pun nilai rumah yang kita boleh anggarkan lebih daripada RM3 juta.

■1230

Ini satu persoalan. Jadi sekarang apabila rumah ini disewa lebih kurang tujuh tahun, maka pada Oktober 2015 rumah ini dijual kepada Yang Amat Berhormat Bagan dengan harga yang begitu murah iaitu cuma RM2.8 juta. Rumah yang dibeli tujuh tahun dulu harga RM2.5 juta di satu kawasan yang begitu utama sekali di George Town dan akhirnya dijual setelah direnovasi pula, masih dijual dengan harga RM2.8 juta.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa ini? Tidak ada kena mengena dengan dasar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tidak. Apa yang penting saya hendak terangkan di sini ialah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini *private affair*. Ini urus niaga sendiri.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Adakah dia bertanya terhadap batang tubuh Yang Amat Berhormat Bagan... [*Dewan riuh*]

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Apa yang penting saya hendak katakan ialah siapa, siapa...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Ataupun kerajaan negeri?

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ... Phang Li Koon ini.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya rasa, saya perlu penjelasan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh beri laluan?

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jadi dalam hal ini, Phang Li Koon adalah merupakan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh beri laluan?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Atas tubuh badan Yang Amat Berhormat ataupun kerajaan negeri?

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Pemilik rumah tersebut yang mempunyai kepentingan di dalam membuat... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Syarikat iaitu Winbond sebab syarikat Winbond...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini soalan yang menimbulkan sangkaan buruk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Ini satu sangkaan buruk kepada seorang Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ini bukan sangkaan buruk. Ini adalah fakta. Saya boleh buktikan melalui data dan fakta.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya mohon minta buat *ruling*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apakah fakta? Apakah fakta?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya rasa ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua... [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Masalah yang timbul, masalah yang timbul persoalan dalam diri saya...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bukan di Dewan ini. Ini adalah sebagai satu...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...lalah yang pertama adakah logik kadar sewa RM5,000...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Serangan kepada peribadi Ahli Parlimen Bagan... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat duduk, masa sudah habis Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Yang kedua, adakah logik setelah...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta tarik balik.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, beliau patut melaporkan, bukan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Adakah logik setelah tujuh tahun...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Bangkitkan isu yang tidak ada kaitan dengan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya rasa ini soal peribadi, soal pentadbiran kerajaan negeri.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Rumah itu harganya baru RM2.8 juta.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Apa tujuan dia bawa ke dalam Dewan ini?

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jadi pertama sekali saya minta JPPH, Kementerian Kewangan tolong beri jawapan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya minta dia tarik balik sebab ini adalah satu peraturan mesyuarat, sangkaan buruk...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Dan juga pihak SPRM tolong menyasat isu ini.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Terhadap seorang Ahli Parlimen.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Seterusnya, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya cabar Yang Berhormat Tasek Gelugor untuk buat laporan SPRM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jangan hanya bercakap kosong di sini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta penjelasan, tadi pihak sana kata ini isu DUN, kemudian musibah dalam DUN ataupun *report* pada SPRM. Saya hendak bagi tahu- terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Apa yang dibangkitkan, ini yang berlaku kepada bekas Menteri Besar Selangor. Isu ini mula-mula timbul dalam Dewan, dari situ *dipick up* oleh SPRM. Oleh sebab itu kalau betullah kisah ini berlaku, kalau bekas Menteri Besar Selangor boleh diambil tindakan, kita minta SPRM siasat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor... [*Dewan riuh*] Ini kena mengena dengan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini kena mengena dengan Parlimen. Sebab apa yang sebelah sana tidak faham? Ini Yang Berhormat Sepang ini, Yang Berhormat Shah Alam, dia kata BN tanya, BN jawab. Apalah bodoh punya soalan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, ada *point of order* Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, sila. Ahli yang lain duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi 36(6). Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah apabila keadaan sebegini berlaku adalah tugas Tuan Yang di-Pertua untuk menegakkan peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, saya faham. Ya, sila duduk Yang Berhormat. Saya faham.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya belum habis, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya faham, saya faham. Peraturan yang mana Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Puchong, saya faham.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan, isu yang dibangkitkan ini tidak ada apa-apa kena mengena dengan isu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu satu. Nombor dua, cukup jelas *it shows the desperation on part of* Barisan Nasional. Mereka tidak ada isu lain. Mereka menyalahgunakan Dewan ini untuk bangkitkan, burukkan nama seorang Ahli yang tidak ada di sini, tetapi perkara ini dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Dibenarkan sahaja... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini saya hendak minta penjelasan kenapa Tuan Yang di-Pertua, walaupun tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya akan jawab Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Membenarkan perkara ini untuk berlaku, terus berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya akan jawab Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Seorang itu dicerca sebegitu sahaja, dibenarkan... [*Dewan riu*] Kalau ada masalah, buat laporan polis. Buat laporan polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa takut hendak buat laporan polis? Buatlah laporan polis. Datang ke sini minta kita siasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila duduk Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *these are standing orders...*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat. Tadi Yang Berhormat Puchong bangkit 36(6). Peraturan ini juga berada di dalam Dewan Undangan Negeri. Mengapa semasa di Dewan Undangan Negeri Selangor, pihak bukan Barisan Nasional boleh bangkit isu bekas Menteri Besar Selangor?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mengapa hari ini apabila kita bercakap untuk menceritakan perkara yang benar, hendak menggunakan peraturan?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini yang menunjukkan pembangkang apabila kena batang hidung, ikut peraturan. Bila dia bantai orang, pergi matilah peraturan... [*Dewan riu*]

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang cakap peraturan mesyuarat, peraturan mana?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Inilah perangai pembangkang. Semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Yang Berhormat Tanjong Karang, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan mesyuarat mana?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bila kena batang hidung, ikut peraturan.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, what is the point of order?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ya, ya, saya faham.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tiada sebarang peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bila kena batang hidung, hendak lari, berbagai-bagai alasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Tanjong Karang, cukup. Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini *double standard*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kena ada laporan polis. *Where is the* laporan polis? Mana siasatan? *You* hendak minta Dewan Rakyat buat siasatan untuk kamu?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa? Kenapa pula? Kita boleh bangkit. Kita boleh buat laporan polis... [Dewan riuh]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are* - Apakah ini kamu bangkitkan ini isu berkenaan dengan - Ini Dewan Rakyat, itu yang cukup jelas.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ikut peraturan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apakah peraturan dalam Dewan yang... [Dewan riuh] Ini Dewan Rakyat, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak tahu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Abuse opposition. Complete abuse of opposition.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Abuse opposition? You cakap apa?... [Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: 21 tahun jangan lupa. 21 tahun, tetapi tidak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hipokritlah pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kes DAP pun tidak selesai lagi, pertubuhan haram hendak cakap banyak.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Dia menjerit macam inikah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, cukup-cukup. Yang Berhormat Simpang Renggam. Yang Berhormat yang lain, Yang Berhormat Tasek Gelugor pun duduk Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Masa sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa pun sudah habis. Yang Berhormat, saya ingin buat *ruling*. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Simpang Renggam sila duduk.

Yang Berhormat, banyak kali perbincangan-perbincangan yang ditimbulkan sama ada di sebelah kanan saya, sebelah kiri saya juga menyebut Ahli-ahli lain yang tiada juga dalam Dewan. Bukan saya hendak memihak ke mana-mana pihak. Isu yang ditujukan pada Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Pekan tiada juga dalam Dewan. Banyak kali ditimbulkan... [Dewan riuh] Dengarlah dulu Yang Berhormat.

Saya meneliti ucapan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Yang Berhormat Tasek Gelugor tujukan persoalan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Satu. Dengar Yang Berhormat. Keduanya, tujukan soalan ini kepada SPRM dan supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada SPRM untuk menjawab.

Ketiga, Yang Amat Berhormat Bagan ada peluang untuk memberikan penjelasan semasa Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab perbincangan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor. Jadi tidak ada- saya kira Yang Berhormat Tasek Gelugor sila gulung dan saya hendak mempersilakan... [Disampuk] Sila gulung Yang Berhormat. Yang Berhormat Seputeh sekarang ini saya mempengerusikan Dewan Yang Berhormat Seputeh. Sila gulung.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Untuk saya melengkapkan isu...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, satu ayat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat Simpang Renggam.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya cuma cadangkan kalau boleh tidak boleh siapakan dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ...Buatlah sidang akhbar kemudian nanti Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya maksudkan, saya kena lengkapkan supaya ucapan saya...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Tidak disalahtafsirkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rasa perkara yang dibangkitkan dalam Dewan... [*Dewan riu*] Apa kaitan dengan Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Mertajam. Yang Berhormat Bukit Mertajam, sila duduk.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ia membabitkan isu Yang Amat Berhormat Bagan membeli rumah nombor 25 di Jalan Pinhorn tadi dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran yang boleh menimbulkan satu prejudis di situ. Sebenarnya isu pembelian rumah ini berkait dengan lagi satu isu iaitu isu penjualan tanah yang saya maksudkan di Jalan Zainal Abidin kepada KLIDC yang mana KLIDC ini dimiliki oleh seorang pemilik mempunyai kaitan dengan pemilik rumah...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dihalang oleh 36(6), melarang perkara yang macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Subang, saya sudah buat *ruling* Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Subang.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: KLIDC yang dimiliki oleh Datuk Tang Yong Chew...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor. Yang Berhormat Tasek Gelugor, saya pasti Yang Berhormat Tasek Gelugor... [*Dewan riu*] Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Tanjong Karang sila duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Subang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Subang, sila duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Subang, saya beritahu Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang, tahun 1996. Dengar dahulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Buat laporan polis, buat laporan SPRM, buat sidang akhbar di luar, lepas itu baru bangkit balik sini boleh? Beranikah buat macam itu?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tahun 1996 orang pertama yang membangkitkan kes Anwar Ibrahim liwat ialah Karpal Singh. Tahun 1996, saya masa itu Ahli Dewan. Pihak yang mula membangkitkan kes liwat Anwar Ibrahim, Karpal Singhlah.

■1240

Dia bangkit masa itu mengapa terus tidak buat *report* polis. Dia bangkit dalam Dewan ini kemudian baru menjadi kes.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Karpal Singh pula menjadi peguam bela...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Masa itu siapa yang jadi peguam..

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melengkapkan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *I was here.* Tahun 1996 pada masa itu. Mending Karpal Singh membangkitkan kes Anwar Ibrahim liwat pada masa itu saya bangkang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What is wrong with you? You are mentalah... [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini orang sudah gilalah, betul-betul sudah gilalah. *What are you talking about? Masa itu sudah ada aduan dibuat... [Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bantah pada masa itu tetapi apa Mending Karpal Singh- pada Anwar Ibrahim.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You* ini gilalah. Mental, Parlimen.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hipokrit, bapa hipokrit anak pun hipokrit. Bapa dengan anak sama sahaja.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tarik balik. Tarik balik.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak menghormati....
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat... Yang Berhormat..

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa punya Yang Berhormat Tanjung Karang, 21 tahun jadi macam ini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya hendak menyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa eh duduklah ini *floor* saya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Amat biadab sekali, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Umur 21 tahun macam ini kah, apalah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Hei you come and explain yourself.*

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya hendak menyatakan di sini bahawa pemilik rumah Nombor 25 Jalan Pinhorn adalah merupakan rakan kongsi kepada seorang pemegang saham terbesar dalam Syarikat KLIBC yang bernama Datuk Tan Yong Chew.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rasa kalau ada kes ini saya minta, saya cabar Yang Berhormat Tasek Gelugor buat laporan SPRM, jangan buang masa Parlimen di sini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jadi dalam hal ini, di dalam hal ini pemilik rumah yang berkenaan- mereka takut saya dedahkan perkara ini di dalam Dewan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kita tidak takut cuma jangan mempergunakan Parlimen sebagai tempat politik... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat lain jangan ganggu Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *...Outside* lah, apa ini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Dalam hal inimereka mempunyai saham-saham KLIDC dan pemegang saham telah berjaya memperolehi... daripada kerajaan negeri...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Speaker*, membuang masa Parlimen... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Bukit Mertajam sila duduk.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Perkara yang berkaitan dengan Ketua Menteri tidak ada kaitan dengan Parlimen. *[Dewan riuh]* Kita sudah cabar membuat laporan kepada SPRM.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tanah yang begitu berharga dicadangkan bertujuan pembangunan perumahan rakyat termiskin telah dijual kepada beberapa syarikat untuk membina hotel dan membina hospital swasta yang mahal dengan harga...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Adakah Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak berani untuk membuat laporan SPRM semata-mata menggunakan? Parlimen.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jadi kenapa tidak buat laporan SPRM. Buatlah laporan SPRM. Buatlah rakaman dekat luar jangan cakap di sini sahaja, buatlah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya kes ini disiasat oleh SPRM.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, berhentikan ucapan buang masa ini. Tidak ada kaitan langsung dengan bidang kuasa Parlimen.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...Oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga saya mohon Yang Berhormat Kota Belud selaku Menteri Perumahan dan Kesejahteraan Bandar untuk menjawab kenapakah tanah lot 305306, 31314 Jalan Zainal Abidin yang saya maksudkan tadi di Pulau Pinang dijual sedangkan tanah tersebut telah dicadangkan sebagai pembinaan rumah PPRT untuk disewa pada kadar RM100 kepada penduduk termiskin.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat Tasek Gelugor minta Ahli Barisan Nasional kemukakan di Dewan Undangan Negeri. Ini isu negeri, ini isu rumah rakyat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Adakah penjualan ini mendapat kebenaran Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar menjawab...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Sila bawa kepada kerajaan negeri. Dia patut minta dengan BN di Pulau Pinang.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tasek Gelugor ini melalutlah..

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tasek Gelugor ini menyelewenglah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian yang... [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, *landing* sudah, suruh *landing*.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ini isu negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Tasek Gelugor duduk sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah di bawah bidang kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya tidak boleh menghentikan Yang Berhormat Tasek Gelugor kalau semuanya sedang membuat bising mengganggu Yang Berhormat Tasek Gelugor untuk membuat penggulungan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apa yang hendak diucapkan- Yang Berhormat Bukit Mertajam sekali lagi kalau Yang Berhormat bangun Bentara sila ambil tindakan. Yang Berhormat Tasek Gelugor, sila gulung. Satu minit sahaja.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tengah gulung Yang Berhormat. Yang Berhormat lain bising tidak didengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya tahu ini cara Yang Berhormat untuk mengganggu dan tidak ada catatan yang boleh diambil. Sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini isu ini membabitkan isu hak rakyat termiskin, kesejahteraan penduduk untuk menikmati rumah sewaan RM100 di Negeri Pulau Pinang yang telah pun diletakkan asasnya oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Jadi sekarang hak ini telah pun diubah dan tanah ini telah dijual oleh pihak yang bertujuan untuk membangunkan dengan komersial. Jadi saya tanya di sini, adakah Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar memberi kebenaran kepada projek seperti ini?

Kedua adakah Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar mungkin ada apa-apa perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk menggantikan tanah projek PPRT di kawasan yang berkenaan. Begitu juga saya memohon kepada pihak SPRM di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat siasatan dengan lebih lanjut lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat tadi sudah sebut Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Isu kes yang dibangkitkan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat dalam perbincangan tadi Yang Berhormat sudah sebut, faham. Tidak payahlah. Yang Berhormat Tasek Gelugor sila duduk. Semua perbincangan sudah direkodkan. Sila Yang Berhormat...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya mohon menyokong titah ucapan Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

12.45 tgh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Saya pertamanya ucapkan terima kasih atas peluang Lembah Pantai dalam perbincangan khususnya bercakap tentang titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hanya saya ingin lahirkan di sini, Tuan Yang di-Pertua kekecewaan yang dirasakan oleh Ahli-ahli Parlimen sebelah pembangkang. Bila masa ada dua jenis undang-undang yang dipraktikkan dalam Dewan. Pertama apabila soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Pekan, Perdana Menteri kita bukan sahaja disiasat oleh satu SPRM suatu ketika dahulu walaupun ada pemindahan berlangsung. Juga disiasat di Switzerland, Abu Dhabi, Hong Kong tetapi bila masa dibangkitkan isu-isu berkait dengan siasatan 1MDB ditutup dalam Dewan.

Sekarang keluar *statement*, kenyataan daripada Menteri menyatakan tidak ada lagi persoalan boleh dikemukakan. Bila kami bangkitkan jawapan lisan dalam Parlimen yang menunjukkan bahawa Menteri sudah mengguna pakai arahan yang belum diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua, diterima dengan begitu sahaja.

Akan tetapi hari ini bila masa serangan demi serangan dikemukakan terhadap Ketua Menteri daripada sebelah pembangkang saya nampak banyak masa yang Tuan Yang di-Pertua beri kepada beliau atas alasan penggulangan tetapi saya ingin nyatakan kerana itu kadangkala bila masa kita bawakan persoalan isu dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai jangan persoalkan budi bicara saya, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya pun bercadang untuk memberikan masa yang ada niat di hati saya sila, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak persoalkan saya melahirkan kekecewaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya akan berlaku adil kalau Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak diganggu dan masa dia lebih diberikan, Yang Berhormat Lembah Pantai apalah salahnya saya memberikan masa yang lebih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi...tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi mohonlah secara baik, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik. Saya mohon secara baik, Tuan Yang di-Pertua tetapi isunya bukan soal masa. Saya hormat, isunya bagaimana kadangkala saya sebagai Ahli Parlimen, ini penggal kedua saya, saya merasakan layanan, ruang yang diberikan kepada pembangkang berbeza amat dengan pihak kerajaan. Lebih-lebih lagi bila melibatkan Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri yang disiasat, saya berhenti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya sekali lagi, Yang Berhormat saya sekali lagi. Yang Berhormat Bagan saya berikan masa yang lebih, Yang Berhormat Marang saya beri masa yang lebih, Yang Berhormat daripada Amanah, Yang Berhormat Parit Buntar diberikan masa yang lebih juga dalam ucapan perbincangan. Kita berlaku adil, Yang Berhormat. Kesemua Tuan Yang di-Pertua sahabat saya, Timbalan Yang di-Pertua, saya sendiri *insya-Allah* berlaku adil, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat boleh berucap sampai jam 1.00 Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: [*Ketawa*] Tidak. Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan di sini sebenarnya poin saya yang utama ialah apabila bercakap tentang kuasa yang diberikan kepada Menteri, soal kita menutup perbincangan, perbincangan tentang apa-apa hal sekalipun haruslah melihat apa yang dipraktikkan di negara-negara lain termasuklah demokrasi di Parlimen sekali.

Saya kalau tadi saya hendak rujuk kepada apa yang disebut oleh Speaker berkaitan tentang keputusan Speaker itu keputusan yang akhir. Hanya hendak rujuk di *House of Commons* pun Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan saman saya terhadap 1MDB. Yakni *House of Commons* sekalipun mereka akan beri ruang di mana *matters of national importance*, dengan izin, akan dijawab dalam Parlimen kerana ini medan di mana semua kontroversi termasuklah siasatan yang melibatkan hutang hampir RM45 bilion dijawab.

Saya juga guna medan dan ruang mahkamah. Kita saman 1MDB, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Wilayah Persekutuan Putrajaya kerana apa, kerana membelanjakan RM2.6 bilion satu ketika dahulu itu disebut untuk perbelanjaan pilihan raya. Maka kita saman kerana ini bertentangan dengan undang-undang pilihan raya dalam negara.

■1250

Ini juga disahkan oleh mantan Menteri Besar Kedah dan juga Ketua Menteri Melaka bahawa Kerajaan Barisan Nasional membelanjakan lebih daripada had pada amaun RM1.5 bilion. Itu penting. Jadi pada saya, saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua, bila masa bercakap tentang isu ini, ini bukan isu kecil.

Saya juga di sini dalam ruangan yang diberikan selama sepuluh minit terakhir, prinsip asas saya, saya hendak rujuk kepada pendidikan. Saya hendak menyatakan *rotten is the leader who willingly sacrifices education to save his own skin*, dengan izin. Bila kita kontra kan dengan RM45 bilion, ini hutang yang dirangkumkan dalam 1MDB. Tuan Yang di-Pertua, ramai, seluruh dunia bercakap mengenai krisis ini. Saya tidak hendak bercakap panjang lebar sebab Tuan Yang di-Pertua pun bagi masa sampai pukul 1 tetapi saya ucap terima kasih ya.

Hanya saya hendak katakan, kita bercakap tentang impak negatif dengan harga minyak yang menurun, kesan urus tadbir negara yang tidak menentu khusus kepada sistem pendidikan negara dan anjuran saya hari ini adalah untuk mengajak semua Ahli Parlimen tidak mengira latar belakang kepartian untuk mendukung pengurusan agenda memfokuskan dana pelaburan buat anak-anak Malaysia.

Gunakan pendidikan seperti mana kita guna dan kita mulakan sejak tahun 70-an sebagai mobiliti sosial untuk mengangkat generasi yang miskin kepada golongan pertengahan sekurang-kurangnya. Ibnu Khaldun dalam makalah *Muqadimmah* mengemukakan hujah tersebut. "*Rakyat ialah wadah mencapai kedaulatan dan kekuatan sesebuah kerajaan. Kekuatan ini lahir daripada kemakmuran ekonomi yang kita bina menerusi pembangunan modal insan iaitu pendidikan*".

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025 pun, "*Sistem pendidikan merupakan tunjang pembangunan negara*". Maka, bagaimana boleh kita tidak kiralah daripada parti mana sekalipun merelakan pemotongan belanjawan dalam bidang pendidikan. Apakah justifikasi yang kita ingin terapkan apabila hari demi hari sama ada pelajar, guru, mahasiswa, pensyarah kita, golongan intelektual kita bukan ahli politik ya, ditekan daripada semua peringkat?

Menteri Pendidikan bangga dengan kadar 95 peratus anak-anak Malaysia yang tamat pendidikan rendah. Adakah kita sedar jumlah ini turun kepada tahap 75 peratus hingga 80 peratus bila sampai ke peringkat pendidikan menengah dan akhirnya turun lagi 25 peratus hingga 30 peratus peringkat tertiar. Menteri Pendidikan Tinggi juga sibuk bercakap tentang hal ehwal ekonomi. Tumpuan kita, tumpuan kementerian katanya hendak memastikan kementerian tidak perlu lagi membelanjakan hampir 90 peratus untuk IPT-IPT awam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rekod, Malaysia ini hanya belanja 4.1 peratus daripada KDNK untuk pendidikan. Denmark, Norway melabur 7.8 peratus hingga 6.8 peratus daripada KDNK. Ini negara maju. Kalau hendak bercakap tentang negara lain, Cuba 13.6 peratus daripada KDNK dan Timor Leste 16.8 peratus. *How they place importance on education*, Tuan Yang di-Pertua.

Di tengah kota bandar, di sinilah saya ingin berkongsi tentang pengalaman kisah di Lembah Pantai. Daripada pengamatan saya, ada anak-anak sekolah antara umur daripada 9 tahun hingga 12 tahun yang tidak lagi fasih membaca dan menulis di sekolah kebangsaan, wujud. Ada yang datang daripada keluarga susah, kadang-kadang sempat makan hanya satu kali satu hari. Ini di bandar, kita pun tidak anggap ia akan berlaku. Mungkin di bandar ini khususnya di Kampung Kerinchi mungkin sudah ada pembangunan yang pesat. Mereka ada kalanya terpaksa *drop out*, berhenti sekolah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Di mana itu?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sabar. Saya akan bagi maklumat dan Dato' Seri Shahidan pun tahu mana hendak cari saya. Mereka terpaksa berhenti sekolah untuk menyara kehidupan sehingga pergi ke pasar tani menjual barang-barangan dengan ibu dan ayah. Jadi, ada sebuah projek kelolaan akademi sukarelawan iaitu Akademi iSINA dipengerusikan oleh Puan Rahmalizah Ali. Beliau dengan *team* menjejak hampir 300 orang anak-anak umur 7 tahun hingga 14 tahun semua tidak boleh baca, tidak boleh menulis. Maksudnya, pemahaman itu sangat rendah sekali dan dalam masa 20 hari, mereka luangkan masa untuk mengajar dan hampir 90 peratus anak-anak ini berjaya membaca. Kawasannya PPRT Pantai, PPR Kampung Limau, PPR Seri Cempaka.

Jadi pada saya, *these are the forgotten children*, Tuan Yang di-Pertua. Kita harus beri penekanan dan mereka hanya pinta pihak kementerian agar lebih prihatin, bekerjasama, beri ruang kerana kadangkala hendak masuk sekolah, amat sukar. Begitu banyak garis panduan yang diletakkan oleh pihak sekolah termasuk kepada Ahli Parlimen. Ahli Parlimen Pembangkang tidak boleh masuk sekolah. Tuan Yang di-Pertua kena tahu. Jadi kami ini tidak boleh sebagai wakil rakyat kawasan tidak dibenarkan masuk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Perlis okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Itu Perlis, ini Wilayah Persekutuan. Nasib baiklah Yang Berhormat Arau memahami. Akan tetapi bagaimana anak-anak hendak belajar tentang demokrasi, bagaimana kita hendak pastikan supaya kelemahan itu - kita faham, ada keterbatasan dapat ditampung secara bersama. Oleh kerana itulah pada saya, anjuran di peringkat rendah ini harus difikirkan antara cara untuk memastikan mobiliti sosial ialah mewujudkan sekolah berasrama rendah bagi anak-anak, tidak perlu lama, anak-anak yang terpinggir, yang dilupakan, yang mempunyai masalah pemahaman daripada awal.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mula pada awal saya sebut tadi, kalau kita rujuk tahun 1995, semasa mantan Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan, Kerajaan Malaysia ketika itu belanja tinggi hampir USD800 juta. Samalah dengan duit yang di poket dalam akaun peribadi Perdana Menteri, lebih kurang amaun begitu. Akan tetapi dia tidak guna untuk peribadi atau pelaburan. USD800 juta ini dibelanjakan untuk memastikan 20 peratus pelajar Malaysia dihantar belajar ke luar negara. *This is* mobiliti sosial yang berlaku.

Maka ketika itu, seluruh tumpuan - saya petik kata-kata Ketua Pembangkang, "*Sejak lebih tiga dekad yang lalu, ekonomi Malaysia bergerak atas landasan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan pengagihan kekayaan negara secara seimbang antara kaum*". Malangnya, sekarang disalah gunakan oleh elit dan tumpuan Kementerian Pendidikan Tinggi apa sekarang? Hendak pastikan kita komersialkan universiti, kita pastikan lebih ramai lagi pelajar luar negara masuk ke universiti kita kerana kerajaan tidak boleh tampung. Susah kerajaan hendak belanja lebih banyak untuk pendidikan.

Jadi saya ingin anjurkan satu *approach*, tumpuan yang mengambil pakai apa yang kita gunakan pada tahun 70-an dahulu. *Repeat the same thing*, mobiliti sosial. Pendidikan ialah pelaburan yang tidak boleh kita pinggirkan. Malaysia kini mempunyai hampir 7,769 sekolah rendah, 2,400 sekolah menengah, 20 universiti awam dan 27 universiti swasta dan kolej universiti tetapi 324 kolej atau IPTS dan dengar ya, bahawa kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, belanja RM4.5 bilion baru-baru ini untuk diberikan kepada 545 institusi TVET.

Akan tetapi saya bimbang, kita beri peruntukan yang begitu besar, bagaimanakah penerapannya di peringkat akar umbi, di peringkat lapangan. Kita lihat kadar purata Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Kadar purata enrolmen pelajar aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah hanya 10 peratus di Malaysia banding dengan 44 peratus bagi negara-negara OECD. Masakan setakat ini kita masih lagi tidak menggarap lebih ramai lagi pelajar kita untuk terus ditempatkan dalam sistem TVET.

Kekuatan utama dalam sistem pendidikan negara maju seperti Jerman, Finland dan Austria adalah teknikal dan vokasional hampir 50 peratus hingga 80 peratus murid mereka belajar habis sampai ke tahap vokasional. Bagi Indonesia dan Thailand, enrolmen menjangkau 40 peratus hingga 60 peratus. Malaysia masih ketinggalan. Ini baru peringkat pembelajaran. Belum lagi selepas mereka keluar ke universiti yang mana 107,200 siswazah kita masih lagi menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu, bila masa kita melihat ke depan, kita harus aplikasikan konsep yang benar-benar akan melonjakkan pendidikan dalam negara. Saya tidak faham mengapa sekarang ini kita tidak boleh memikirkan cara-cara yang lebih baik bagi pelajar-pelajar kita membayar kembali PTPTN yang sudah banyak kali dibangkitkan. Hanya yang saya bimbang adalah dalam kemelut yang kita hadapi sekarang, ekonomi dan krisis politik, kerajaan berselindung di sebalik retorik memelihara kebajikan anak jati negara tetapi memutuskan untuk membuat pelaburan yang tidak memberi keuntungan.

Sampai ke hari ini, Pengerusi MARA, Pengarah JPA, Pengerusi Lembaga PTPTN harus sepatutnya mengemukakan senarai pelan jangka masa pendek untuk mengatasi isu yang membelenggu pelajar yang terkesan. Pembelian tanah di Australia oleh MARA- saya hendak tahu bagaimana memberi imbuhan kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar yang dipotong biasiswanya? Kita lihat program biasiswa JPA. Kurang sebanyak 20 peratus hingga 60 peratus. Saya kena teruskan sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lembah Pantai, panjang lagi atau tidak?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Lebih kurang lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita sambung lima minit selepas 2.30 boleh?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kalau dapat enam minit, saya akan setuju Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta secara baik, saya bagi. Okey Yang Berhormat Lembah Pantai, sambung sehingga jam 2.30 petang. Ada enam minit lagi ya. Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai. Masa 10 minit Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya, 10 minit

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah hendak habis Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Lagi 6 minit saya dapat habis, kalau hendak bagi 8 minit pun saya terima dengan baik.

Saya akan terus pergi kepada isu yang terakhir. Berkait tadi pertamanya saya menyebut tentang isu graduan yang tidak dapat peluang pekerjaan. Saya fikir kementerian harus cari jalan penyelesaian kerana antara sebab pengangguran yang melibatkan 107,200 orang siswazah adalah daripada keputusan kerajaan sendiri.

Pertama, apabila berlakunya pembekuan daripada pengambilan kakitangan kerajaan yang baru kita boleh anggarkan sekitar 15 hingga 20 ribu orang graduan yang tidak dapat peluang pekerjaan kerana pembekuan yang dilakukan oleh kerajaan.

Kedua, berkait tentang program ISMP dibangkitkan awal tadi 1,600 orang graduan yang telah menghabiskan masa selama empat tahun untuk pengajian yang berorientasikan pendidikan di sekolah menengah dan rendah tetapi tidak ditempatkan. Apa yang lebih teruk lagi, kerajaan kata dalam Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, hanya 30 peratus orang graduan pendidikan terbaik sahaja yang diambil boleh menjadi guru.

Jadi, 1,600 mereka ini yang tidak dapat penempatan diminta untuk pergi ke *JobStreet* Tuan Yang di-Pertua, carilah kerja melalui *JobStreet* kerana mereka tidak ada lagi ruang. Jadi, ini semua berbalik kepada perancangan bagi siswazah dan juga siswi kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan di sini, melangkah ke depan kita harus pastikan kita melabur dalam bidang pendidikan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya habiskan sedikit *point* Dato, maaf dari *chief Whip* saya daripada Sungai Petani. Kita tidak mahu lagi pengkomersilan pendidikan. Pendidikan bahan pelaburan masa depan, bukannya menjadi bahan dagangan. Oleh sebab itu, bila masa saya hendak mulakan dengan statistik ini Tuan Yang di-Pertua, 60 peratus isi rumah berpendapatan tinggi, *the top* 60 peratus mempunyai sekurang-kurangnya ahli keluarga yang menerima pendidikan tinggi.

Akan tetapi *for the bottom* 40 peratus Tuan Yang di-Pertua, 40 peratus ke bawah, 96 peratus daripada mereka kelayakan bawah daripada SPM. Ini sesuatu yang kita harus faham, bila masa ada peluang meraih pendidikan lebih tinggi, maka mereka akan digaji dengan lebih tinggi. Ini peluang kerajaan juga untuk mendapat cukai pendapatan tapi semua ini haruslah mengambil kira pendidikan sebagai bahan pelaburan, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lembah Pantai, setuju kah Lembah Pantai dengan saya kalau saya katakan bahawa yang pertama sekali bagi membuka ruang dan peluang kepada anak-anak muda ini, had pencen itu dikembalikan kepada umur 55 supaya anak-anak muda yang keluar universiti dapat terus. Keduanya, bukan sahaja had umur pencen 55 tetapi juga kalau kerajaan dapat gubalkan supaya pencen lebih muda, 40. Supaya orang yang ada kemahuan untuk berniaga boleh berniaga tetapi dia juga dapat pencen dengan sendirinya dia rasa *confident*. Dia berniaga, pada waktu yang sama dia pencen, dengan ini memberikan ruang yang lebih kepada anak-anak muda untuk masuk ke dalam pasaran. Apakah pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, saya mohon dimasukkan dalam ucapan. Oleh sebab apa, ini merupakan sebahagian daripada isu kebolehpasaran. Bila masa pembuat dasar, kerajaan dan kementerian memutuskan dalam beberapa perkara, harus diambil kira ini maklum balas daripada *manufacturing association* Tuan Yang di-Pertua. Mereka mengatakan bila masa had umur dikurangkan, maka bertambahlah lagi graduan yang tidak mendapatkan peluang pekerjaan. Ini bukan kata-kata pembangkang Yang Berhormat Arau, harus lebih *open-minded*, okey.

Saya hendak habiskan dengan menyatakan saya dengan itu mengecam apabila 744 orang penerima biasiswa JPA dipotong. Jawapan Menteri apa? "*Kita dapat menyelamatkan sampai RM240 juta setahun!*" Tuan Yang di-Pertua, pada bulan yang sama biasiswa ini dipotong, Perdana Menteri telah memutuskan untuk mengimport 100 buah kereta *Tesla S-model* yang terbaru menerusi GLC-GLCnya. Perdana Menteri juga memutuskan tahun lepas untuk membeli sebuah lagi jet peribadi yang baru. Jadi, saya hendak maklumkan di manakah keutamaan kita? Seramai 744 orang pelajar kita, *the best, creme de la creme* Tuan Yang di-Pertua, *JPA scholars*, mereka tidak ada peluang.

Ini pada saya bukan ikut kepartian, saya pasti dalam hati kecil Yang Berhormat Arau, dia bersetuju 101 peratus dengan saya. Saya pasti tidak ada sesiapa menggunakan minda memikirkan tentang masa depan anak-anak, masa depan generasi muda yang boleh merelakan pembelian kereta-kereta *Tesla* pada saat kita sedang gawat.

Merelakan pembelian jet peribadi USD70 juta, tahun lepas. Ini semua dalam perangkaan Yang Berhormat, ini semua dalam perangkaan, ini semua memerlukan pemikiran dan juga prinsip di mana pendidikan perkara yang paling utama. Saya akhiri Tuan Yang di-Pertua, dengan memohon kembalikan biasiswa JPA ini, kembalikan biasiswa di bawah MARA.

Kalau pada tahun 1995 kita jadikan keutamaan 20 peratus orang anak-anak kita. Kita hantar universiti terbaik di dunia, pada saya inilah dasar mobiliti sosial yang wajib kita teruskan sehinggalah ke hari ini. Bukan kata kita tidak mampu, isunya kita pindahkan keutamaan kepada bidang pendidikan. Hari ini juga genap setahun saya dibebaskan semasa saya berucap dan ditangkap di Parlimen tahun lepas. Saya berharap agar rakyat juga bebas daripada cengkaman penafian hak akses kepada pendidikan yang mampu menganjak ekonomi dan membina masa depan yang lebih baik.

Kita tidak mahu lagi lebih ramai, tahun ini 7 juta orang penerima BR1M Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu mereka ini dapat pulangan, dapat hidup yang lebih mampu, lebih selesa, berkat pendidikan yang telah mereka berpeluang kecapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

2.39 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Saya ingin mengambil peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membincangkan hanya dua, tiga perkara.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyentuh, pertama, daripada segi bahawa kerajaan memastikan minat dan kecenderungan pelajar terus dikekalkan untuk memilih bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) supaya pembangunan modal insan tidak terencat dalam usaha mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi berimpak tinggi negara.

Oleh sebab Malaysia mengalih fokus daripada ekonomi berdasarkan pertanian kepada ekonomi berdasarkan pembuatan dan perkhidmatan, maka penguasaan kemahiran rakyat Malaysia dalam STEM adalah sangat perlu. Rakyat Malaysia perlu memilih sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai asas pembangunan ekonomi baru selaras dengan Pelan Induk STI Negara. Kita faham inisiatif STEM ini tercatat dalam *Blueprint Pendidikan Malaysia 2013-2025* yang bertujuan menyediakan pelajar dalam kemahiran untuk memenuhi cabaran STI dan kedua, untuk memastikan Malaysia mempunyai cukup bilangan siswazah STEM.

Sasaran Kerajaan Malaysia ialah untuk mencapai nisbah 60 STEM dan 40 sastera dan bilangan siswazah STEM seramai 500,000 menjelang tahun 2020. Persoalannya, hingga akhir tahun 2015 yang lepas, berapakah siswazah STEM yang tercapai? Dalam tahun 2000 hanya dapat mencapai nisbah 25 STEM dan 75 sastera. Meningkatkan sedikit pada tahun 2014 kepada 42 STEM dan 58 sastera.

Saya kira dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sepatutnya memberikan impak yang besar. Adakah kementerian yakin bahawa minat kepada STEM ini boleh meningkat dengan pelaksanaan *Dual Language Program* (DLP) atau Program Dwibahasa dalam sains, teknologi kejuruteraan, teknologi maklumat dan reka bentuk dan teknologi di 300 buah sekolah mulai tahun 2016 ini?

Kementerian tentu sedar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah membelanjakan wang yang besar, beribu-ribu Ringgit untuk menyediakan istilah-istilah dalam berbagai-bagai bidang sains, teknologi, kejuruteraan, perubatan, perundangan, teknologi maklumat, perdagangan dan lain-lain dalam usaha memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sehingga ke peringkat universiti. Ia berkait rapat dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun 1969 dan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam berbagai-bagai bidang. Siswazah keluaran universiti ini mampu melanjutkan pelajaran mereka sampai ke peringkat Ph.D di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sayangnya, kita sendiri tidak yakin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil di belakang.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh sedikit?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Boleh.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Langat, saya ingin tanya sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini ada satu kajian oleh Akademi Sains Malaysia yang telah mendedahkan bahawa 41 peratus daripada guru-guru sains dalam negara ini tidak memiliki ijazah sarjana muda? Malah, laporan itu menyatakan bahawa 70 peratus daripada guru-guru ini tidak cukup syarat untuk mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pendidikan memandangkan mereka memerlukan sekurang-kurangnya tiga kepujian dalam SPM untuk memasuki program ijazah. Adakah ini akan dianggap sebagai satu halangan kepada hasrat kerajaan untuk memastikan sains itu dikembangkan di sekolah-sekolah?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya setuju kerana itu sebagai satu faktor yang saya kira sepatutnya guru-guru ini telah pun diberikan pendidikan yang cukup dalam bidang sains dan teknologi, tetapi kalau guru-guru tidak mempunyai kemahiran dalam bidang ini, bagaimana mungkin kita hendak mengharapkan pelajar minat dalam sains dan teknologi.

Sayangnya, kita sendiri tidak yakin dengan sistem pendidikan kebangsaan kita dan tidak yakin bahawa STEM ini boleh maju melalui penghantar bahasa Melayu dan bahasa ibunda yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan STEM ini juga ialah sistem pendidikan teknikal dan vokasional atau TVET yang dilaksanakan secara strategi lautan biru antara kementerian-kementerian dalam usaha menghasilkan tenaga kerja mahir dan profesional terutama untuk keperluan industri. Maklumat dari Kementerian Pendidikan pada tahun 2012, Bahagian Teknikal dan Vokasional telah pun menawarkan sebanyak 61 kursus yang memberikan peluang yang luas kepada pelajar mengkhusus dalam TVET.

Saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa sehingga akhir tahun 2015, berapakah kolej vokasional yang telah pun ditubuhkan dan jumlah pengambilan pelajar di kolej masing-masing? Sebagaimana Yang Berhormat Bukit Katil sebut tadi, guru-guru juga adakah cukup untuk ditempatkan dalam kolej vokasional ini? Saya juga berharap masalah akreditasi kurikulum yang ditawarkan dan kelulusan pelajar dapat diselesaikan bagi membolehkan lepasan kolej ini dapat diterima dalam sektor industri.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan mengenai pencapaian IKBN daripada segi pengambilan pelajar dan pengiktirafan peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan pencapaian kolej-kolej kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia yang semuanya akan meningkatkan minat rakyat terutamanya remaja dalam STEM.

Dasar Sains dan Teknologi yang disemak semula perlu dibentangkan di Parlimen bagi menjadi panduan kepada semua pihak termasuk ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan penjawat awam dalam membuat promosi dan mengamalkan STEM dalam kehidupan seharian. Saya juga berharap MOSTI dapat terus menyiarkan pencapaian-pencapaian STI dalam TV RTM untuk menarik minat anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyatakan kerajaan komited dalam meneruskan usaha mengurangkan pembebasan gas rumah hijau (GHG) sebagaimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat kesebelas kepada Protokol Kyoto UNFCCC iaitu 40 peratus pengurangan dalam tahun 2020 atau 45 peratus menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005. Maka, kerjasama banyak kementerian perlu dilaksanakan antaranya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain.

Apabila saya membaca *Berita Harian* bertarikh 11 Mac 2016 bertajuk, '*Pantau pelepasan gas rumah kaca*', maka saya yakin kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh mengurangkan intensiti pelepasan GHG. Mesyuarat pertama Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya setiap kementerian dan agensi kerajaan memantau serta menjejaki pelepasan GHG dalam sektor masing-masing.

Ekonomi karbon merupakan jalan yang terakhir untuk mengawal iklim. Berapakah peruntukan yang diperlukan dalam melaksanakan ekonomi karbon rendah dan untuk adaptasi kepada fenomena perubahan iklim seperti banjir, kemarau, taufan dan peningkatan aras laut?

Malaysia diunjurkan mengalami peningkatan suhu sehingga 40 darjah Celsius di Kuala Lumpur. Kadar peningkatan aras laut di kawasan Asia Tenggara adalah dua kali ganda daripada biasa. Ini bermakna jika unjuran purata aras laut dunia melebihi satu meter, maka Malaysia diunjurkan akan mengalami peningkatan aras laut melebihi dua meter pada penghujung abad ini. Lebih membimbangkan ialah kegagalan dunia mengekang peningkatan suhu supaya tidak melebihi dua darjah *centigrade*.

Cabaran dunia kini pengurangan penggunaan bahan api fosil yang menjadi sumber utama pelepasan GHG dan bergerak ke arah ekonomi karbon rendah dengan mencari sumber tenaga bersih, penciptaan teknologi hijau dan tenaga efisien. Di Malaysia, sektor tenaga menyumbang pembebasan GHG sebanyak 147 metrik tan setara CO₂ berbanding jumlah yang dibebaskan dalam tahun 2000 iaitu 222.99 metrik tan setara CO₂.

Kerajaan menyediakan *roadmap* sebagai strategi permulaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG meliputi tiga program iaitu pertama, kecekapan penggunaan tenaga atau *energy efficiency* yang antaranya menggunakan alat cekap tenaga dan reka bentuk bangunan jimat tenaga. Kedua, tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* (RE) yang antaranya ialah penggunaan biojisim, biogas, mini hidro, tenaga suria, sisa buangan dan tenaga nuklear.

■1450

Ketiga, pengurusan sisa pepejal antaranya kitar semula dan loji rawatan *thermal* dan saya sangat-sangat berharap penjelasan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha membantu mengurangkan pelepasan intensiti GHG yang dicadangkan *roadmap* yang dibawa naik ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi memohon jasa baik Kementerian Kerja Raya agar dapat mengusahakan pembesaran Jalan Dusun Tua, Hulu Langat agar kesesakan lalu lintas yang keterlaluan dapat di atasi. Saya juga ingin mendapatkan sedikit perkembangan mengenai lebuhraya yang dicadangkan dari Sungai Long ke Karak yang mungkin dapat mengurangkan kesesakan Jalan Dusun Tua.

Saya juga ingin mendapat penjelasan, tidakkah ada hasrat kementerian sama ada pihak Kerja Raya atau Pengangkutan untuk mengubah balik had laju lebuhraya daripada 90 kilometer sejam hingga ke-110 kilometer sejam dan bagi lorong ketiga daripada had laju 110 kilometer sejam kepada 130 kilometer sejam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

2.41 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin menyatakan bahawa sokongan saya kepada ucapan beliau terutamanya menekankan isu keselamatan dan kesejahteraan negara.

Malaysia ini merupakan sebuah negara yang sangat baik dan saya sentiasa menekankan boleh dikatakan Malaysia ini negara terbaik di Asia. Akan tetapi, malangnya baru-baru ini ramai rakyat Malaysia tidak nampak masa depan yang baik di Malaysia dan ramai telah berhijrah ke negara lain.

Laporan menyatakan pertambahan mereka yang sudi *give up Malaysian citizenship* untuk pergi ke luar negara kerana di dapati dengan pentadbiran yang sedia ada apa yang sedang berlaku mereka tidak nampak masa depan yang lebih cerah.

Juga dalam laporan lain, *Knight Frank's Wealth Report* baru-baru ini 2016 menyatakan lebih kurang 26.3 peratus pada mereka yang kaya-raya mereka yang mempunyai USD3 juta bersamaan dengan lebih kurang RM120 juta, 26.3 peratus ingin berhijrah dari Malaysia ke negara lain dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Berbanding dengan global *average* ia hanya 15.6 peratus bagi mereka yang kaya-raya ini. Mereka yang ada harta dan wang yang banyak ini, berhijrah dari Malaysia kita akan kerugian. Malaysia akan semakin hari semakin menjadi lebih miskin.

Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menekankan bahawa keselamatan negara tidak tergugat kerana kritikan pihak pembangkang atau yang hendak satu pentadbiran yang lebih baik yang meminta dihapusnya rasuah dan ketirisan dan juga pembongkaran skandal-skandal. Sebenarnya, ini semua akan menolong negara kita menjadi sebuah negara yang lebih baik sihat dan kuat. Ini slogan Milo. Kalau kita sihat dan kuat kita akan berterusan, berdekad-dekad ataupun *centuries to come*. Yang penting sihat dan kuat- bukan ejen Milo. Milo kata kita mesti sihat dan kuat dan boleh kita tahan lama. Milo ini sudah 80 tahun. Jadi kita mahu Malaysia ini sihat dan kuat supaya kita boleh menjadi negara terunggul di dunia.

Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya pada masa ini, ancaman terbesar kepada keselamatan negara ialah Kementerian Dalam Negeri sendiri. Kementerian Dalam Negeri di tugaskan menjaga keselamatan negara dan malangnya, keadaannya teruk sekali pada masa kini. Mereka ditugaskan untuk menjaga keselamatan negara tetapi ada unsur-unsur, harapkan pegar, pegar makan padi. Ada unsur-unsur, api dalam sekam. Saya hendak bagi beberapa contoh.

Nombor satu, di Malaysia kita ada lebih empat juta orang pendatang asing tidak izin di Malaysia. Apakah sudah jadi? Kalaulah empat juta ini memberontak kata layanan yang tidak baik diberikan kepada mereka. Adakah kita mampu menandingi masalah ini. Penjara kita, tempat tahanan kita tidak dapat muatkan mereka. Apa yang sedang berlaku, KDN mengeluarkan surat kepada ejen-ejen membawa masuk ribu-ribu atau berpuluh-puluh ribu orang pekerja asing. Akan tetapi permit sudah luput masa mereka jadi PATI.

Kita hendak tahu, kenapa ini keadaan berlaku dan oleh sebab ada empat juta PATI ini kita dapati di Malaysia ada kekejaman, ada penganiayaan, ada yang dihamba abdikan, ada yang dibunuh seperti di Perlis, di sempadan Thailand di mana tiga puluh orang yang di dapati, dibunuh dan dikebumikan di sana. Ada juga yang dipaksa jadi pengantin, secara paksaan ataupun jadi pelacur. Ini merupakan tanah bumi kita yang begitu baik yang dikurniakan oleh Tuhan. Kalau ada penganiayaan, ada yang dihamba abdikan, ada yang dikejami doa mereka kalau sampai ke Tuhan. Saya daripada segi semua agama, Tuhan tidak akan berkati bumi yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua. Rakyat yang benar-benar hendak ikut undang-undang mereka terpaksa berbaris dari pukul tiga pagi untuk memohon permit pekerja asing. Hanya sebuah tempat sahaja yang boleh memohon- di Putrajaya, ibu pejabat imigresen. Kalau datang pukul tiga pagi, pejabat buka pukul lapan pagi, kalau pada hari itu kuota yang dapat dilayani oleh pihak imigresen dipenuhi mesti datang hari yang kemudian. Mereka ramai, mereka ini datang dari jauh-jauh. Kenapa tidak boleh pejabat imigresen di negeri ataupun di daerah dibuka untuk orang-orang ini ataupun kenapa dalam era kita kata *online* ini internet ini, kenapa permohonan tidak boleh dibuat melalui internet ataupun melalui *online*.

Adakah ini satu sistem di sengaja dibuat di mana ejen-ejen ini yang diberi kuota lima ribu, 10 ribu ini bawa masuk mengaut untung besar. Adakah "*udang di sebalik batu*"? kita hendak tahu kenapakah keadaan ini boleh berlaku. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri sendiri membuat pengumuman yang kita kata sesuka hati. Satu hari dikatakan diperlukan lagi tambahan pekerja asing 1.5 juta dari Bangladesh tidak beberapa hari kemudian dikatakan tidak perlu lagi dan juga pekerja asing dari luar negara dari lain-lain negara pun tidak boleh dibenarkan.

Ini memalukan negara kita kerana kepada Kerajaan Bangladesh, Kerajaan Malaysia ini orang kata main-main sahaja. Perjanjian MOU tidak boleh ditandatangani tanpa difikirkan masak-masak kerana hari ini ditandatangani satu perjanjian keesokan hari diumumkan. Itu satu perbuatan main-main rasanya- ini memalukan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Beruas sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya rasa Yang Berhormat Beruas fasal tandatangan lepas itu ubah ini. Ini memang satu orang panggil *Malaysian*lah sebab apa kita ingat dahulu kalau masa bila Terengganu kalah jatuh di tangan pembangkang.

■1500

Walaupun ada perjanjian royalti- *royalty agreement*. Ada perjanjian jelas, dia boleh kata itu bukan perjanjian, itu MoU. Dia boleh ubah. Royalti, dalam perkataan *agreement* memang royalti. Dia kata bukan royalti, wang ihsan. So, itu memang perandai dialah. So, kita kena kasihan pada dialah. Jangan marah sangatlah. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita mesti marah kerana kita rakyat Malaysia dapat malu dan orang lain tidak akan mempercayai orang Malaysia lagi. Kalau kita hendak pergi berniaga di luar negara kerana kalau perjanjian kita, pengakuan kita itu tidak boleh kita kata ada kepastian, mereka tidak akan percaya dengan rakyat Malaysia. Ini menjejaskan semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada undang-undang yang sangat kita kata memberi hukuman yang sangat berat kepada mereka yang melanggar peruntukan Akta Imigresen. Boleh didenda berpuhul ribu, dipenjarakan sampai 5 tahun dan juga sebatan, 6 kali sebatan. Undang-undang ada, tetapi langsung tidak digunakan. Saya pun faham, saya bukan kata undang-undang ini mesti dilaksanakan, tetapi sudah jadi undang-undang. Saya dulu membantah kepada pindaan kerana undang-undang ini kalau dijadikan undang-undang, ia mesti dilaksanakan.

Akan tetapi sehingga hari ini ia tidak dilaksanakan, kemudian tiba-tiba Yang Berhormat Menteri pula apabila rakyat Malaysia mengkritik cara dia mengendalikan isu pekerja asing ini, dia mengugut pula. Kalau hendak, saya boleh laksanakan sebatan rotan pula. Jadi mereka yang benar-benar hendak ikut undang-undang sekarang dalam ketakutan kerana diumumkan lagi, kita mesti mengambil pekerja-pekerja asing yang sedia ada di Malaysia tetapi mereka yang PATI, yang tidak mengikut undang-undang ini.

Akan tetapi kalau semua peguam sudah menasihati majikan-majikan, kalau boleh dia mengambil semua pekerja asing ini, ini perlu mengakui bahawa mereka sudah menjadi pekerja mereka. Ini satu pengakuan bahawa mereka sudah melanggar undang-undang. Mereka boleh didenda kalau satu *corporate*, syarikat RM30,000 sampai RM100,000. Setiausaha ataupun pengarah, mereka boleh dipenjarakan sampai lima tahun. Tidak boleh disebat rotan. Siapakah hendak mengaku bahawa mereka sudah melanggar undang-undang? Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kitalah yang minta rakyat mengaku, tetapi dia diberi jaminan bahawa hanya denda RM800. Apakah sudah janji kepada undang-undang ini? *We are no longer rule of law, ruled by man*. Inilah yang kita tidak mahu.

Semalam, Presiden Obama apabila melantik *Supreme Court Judge*, dia mengatakan, sangat penting untuk sesebuah ini mesti *there must be rule of law, not rule of man*. Akan tetapi di Malaysia ini, macam Yang Berhormat Menteri sudah kenal pasti undang-undang. Pada hemat saya, 6P yang dilaksanakan pun telah melanggar undang-undang.

Sungguhpun di bawah seksyen 55, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mempunyai budi bicara mengecualikan mana-mana pihak daripada mana-mana tuntutan atau pemakaian mana-mana peruntukan di bawah Akta Imigresen, tetapi pada hemat saya budi bicara ini hanya untuk masa depan. Bukan kalau sudah langgar undang-undang, dia boleh maafkan. Kalau itu boleh berlaku, apa sudah jadi kepada undang-undang Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kesuntukan masa, saya hendak rumuskan. Rakyat Malaysia menghargai sumbangan pekerja asing dan mereka mesti dilayan dengan baik. Kita sesama manusia mesti melayan mereka dengan baik. Apa yang penting, mereka mesti diambil secara teratur dan supaya ia tidak menjejaskan kepentingan rakyat Malaysia. *We must have a win-win situation*. Saya hendak satu isu lagi, juga berkenaan dengan keselamatan negara. Polis di Manjung macam polis sudah mengaku mengalah kepada pencuri.

Sudah dua tahun atau tiga tahun, saya sudah suarakan tentang kecurian kabel Telekom dan sarang burung di Manjung. Di sesetengah tempat macam di Taman Krishnan, Kampung Cina, Sitiawan, banyak lagi tempat dalam dua bulan enam hari, kita boleh ada 14 kecurian.

Setiap kali curi, empat hari atau lima hari kemudian Telekom pulih balik, curi lagi. Pada empat hari kemudian akan dicuri lagi. Potong, *fix again. In two months six days*, 14 kali. Rumah saya pun dua tahun, enam kalilah, tetapi sudah menjadi satu perkara lumrah. Di Taman Astaka Setiawan, Seri Manjung. Semalam saya tanya ada laporan kecurian lagikah? Dia kata di Setiawan, kecurian kabel Telekom lagi. Di Taman Singa, Kampung Baru, tiga kali dalam tiga minggu. Ada kecurian kereta, kecurian di kedai Wisma Ganda dan hinggakan si pelakunya, polis yang mencuri. Itulah, harapkan pegar, pegar pula makan padi.

Jadi malangnya polis ini, polis yang curi tidak didakwa. Kemudian curi lagi pada 15 September 2015, rakyat sendiri hendak menangkap pencuri, terpaksa gunakan lebih kurang satu ribu orang untuk mengepung hinggakan polis itu keluar, kemudian mereka pukul dia, akhirnya dia mati. Adakah ini yang kita hendak? Adakah polis tidak menjalankan tugas, hinggakan rakyat jalankan tugas dan cara mereka, mereka tidak dilatih. Pembunuhan berlaku adalah bukan pembunuhanlah. Niat dia hendak pukul saja, tetapi malangnya mati. Kita tidak mahu ini terus berlaku dan saya bukan salahkan semua anggota polis. Ada ramai yang baik. Apa yang kita mahu satu pembaikan kepada KDN.

Akhir sekali, satu permintaan saja kepada Kementerian Pendidikan. Saya telah mendapat, diminta untuk membeli *plastic chairs, tables for Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Sungai Batu*. Ini *fully aided school*. Tidak sampai dan juga pintu pagar dan juga *canteen table*, tidak ada duit, minta orang luar.

Adakah Kementerian Pendidikan, mereka itu mesti diberikan peruntukan besar dalam bajet. Takkan sekolah kecil ini di kawasan saya, tetapi di negeri di kawasan Barisan Nasional juga. Mestilah kita jaga SRJK (Cina) Sungai Batu. Belilah *160 plastic chair RM 21, RM3,360 saja. Canteen table 20, RM5 ribu saja*. Kalau ini beberapa puluh ribu, tidak payahlah minta PIBG, minta semua orang derma. Harapan saya, pembelian kerusi dan meja ini dan juga pintu pagar ini dapat dibuat dengan segera. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Johor Bahru.

3.08 ptg

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara yang selama ini pun sudah menjadi perbualan ramai. Juga kita lihat ataupun baca telah dirumuskan bagaimana perubahan yang telah berlaku dalam struktur ekonomi negara kita dapat menjadikan perlindungan ataupun ketahanan negara dalam keadaan yang mencabar di peringkat antarabangsa, juga dengan rakan-rakan niaga kita yang besar dan juga bagi barang-barang, bahan-bahan komoditi yang penting bagi negara.

Saya, dalam suasana itu Tuan Yang di-Pertua, ingin menyatakan bahawa sebenarnya saya rasakan apabila sudah berkembangnya sektor domestik ataupun sektor perkhidmatan menjadi satu sektor yang terpenting dalam ekonomi negara dan, kalau kita lihat bagaimana ekonomi negara berubah daripada segi strukturnya, sehinggakan sektor domestik dan sektor perkhidmatan itu sudah menjadi anggaran 55 peratus daripada keseluruhan GDP negara.

■1510

Ia kepada saya memberi peluang untuk saya sendiri melihat bahawa dalam inti pati, satu keadaan iaitu menjadi inti pati kepada sektor perkhidmatan ini ialah bagaimana kita juga melihat adanya satu keadaan telah wujudnya apa yang saya hendak panggikan sebagai sektor Ekonomi Merdeka.

Apa yang saya maksudkan dengan satu sektor Ekonomi Merdeka ini ialah suatu sektor yang terhasil daripada tindakan kita, pilihan kita, acuan kita sendiri tidak terpengaruh atau pun mengikuti model ekonomi barat kapitalis. Saya merujuk kepada sektor kewangan negara. Di mana umpamanya, perbankan Islam sudah mempunyai, satu kedudukan yang begitu kuat. Kalau dalam tahun 2009 ia hanya merupakan 14 peratus daripada jumlah aset perbankan Malaysia pada keseluruhannya. 14 peratus itu dimiliki oleh bank-bank yang melaksanakan pinjaman dan kewangan menepati syariah.

Hari ini dalam tahun 2015 ia sudah meningkat kepada 22 peratus. Ia juga bersesuaian dengan pertambahan atau pun rumusan dan cadangan ia menjadi 40 peratus menjelang tahun 2020.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Beruas Yang Berhormat? Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Johor Bharu, dalam melaksanakan perbankan Islam pada pandangan saya adalah perlunya ditekankan *the substance rather than the form*, dengan izin, saya hendak jelaskan bahawa memang dalam perbankan Islam kita tidak membenarkan riba tetapi apabila kita cuba mengemukakan satu produk di mana tidak ada riba tetapi ada unsur-unsur *fraudulent documentation*. Itu bagi saya juga melanggar prinsip undang-undang.

Saya bagi satu contoh di mana sungguhpun pinjaman itu merupakan satu pinjaman tetapi ada satu siri kerana tidak boleh mengenakan riba ini dicadangkan satu siri transaksi yang sebenarnya bukan niat pihak-pihak berkenaan. *For example, there's a third party loan*, niat dia tetapi kerana harta orang lain *he sells one transaction, cut sell, sell back again, to and fro*, dokumen yang ditandatangani ini sungguhpun ditandatangani pada hari yang sama tetapi dokumen-dokumen diberi tarikh *over a period of maybe two weeks* tetapi hakikatnya tanda tangan itu dibuat pada hari yang sama kerana peminjam itu tidak akan setiap dua hari balik untuk tandatangan dokumen berkenaan. Pada saya ini pun merupakan *false document*. Jadi, pada prinsipnya ia juga melanggar kebenaran. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Johor Bahru?

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat ada kepentingan daripada segi anak guamnya tetapi ia merupakan perkara yang sudah pun berlaku dalam *conventional banking*. Jadi, kalau kes-kes seperti ini saya rasa terserahlah kepada pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan kerana dakwaannya ialah adanya berlakunya *fraudulent practice* atau pun amalan.

Bagaimanapun, saya menarik perhatian Dewan ini bahawa kalau daripada segi jumlah aset perbankan Islam itu sudah meningkat kepada 22 peratus pada tahun lalu. Ia bermakna bahawa perbankan Islam bukan lagi satu yang sampingan dalam sistem ekonomi atau sektor kewangan dalam ekonomi negara kita. Yang menarik minat saya juga daripada maklumat yang saya dapat ialah bahawa daripada segi soal *nonperforming loan* umpamanya ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2010 jumlah *defaulter* sebanyak 7.21 peratus iaitu begitu tinggi.

Akan tetapi bagi tahun 2014 ia sudah menurun kepada 1.5 peratus. Maknanya daripada segi penerimaan mereka yang meminjam, mereka yang menggunakan sistem dan pihak yang menguruskan sistem ini sudah pun mencapai satu kaedah atau keadaan yang sangat memberangsangkan. Kalau kita lihat pula kepada bank-bank tertentu, Maybank sendiri pada tahun 2015 membuat laporan bahawa mereka telah memberikan lebih banyak pinjaman yang patuh syariah berbanding dengan pinjaman konvensional dan pertumbuhan bank Islam dalam pemberian pinjaman juga lebih tinggi pada tahun lepas di mana pertumbuhannya adalah sebanyak 16 peratus iaitu jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan bank-bank lain yang hanya mencatatkan pertumbuhan 7.9 peratus.

Akhirnya kita lihat bagaimana juga konsep ekonomi Islam ini sudah dijadikan satu perkara yang dibincangkan di peringkat antarabangsa melalui pertumbuhan atau pun platform *World Islamic Economic Forum (WIEF)* yang terakhir telah mengadakan persidangannya di London pada tahun 2013. Jadi, kesemua fakta ini menunjukkan bahawa kita boleh merasa bangga bahawa satu-satu idea, satu-satu amalan yang dicetuskan, yang dilaksanakan sendiri oleh rakyat Malaysia sudah menjadi sebahagian yang penting dalam sektor domestik negara atau sektor perkhidmatan negara. Ini pada sayalah...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bharu. Saya tertarik dengan ulasan berkenaan dengan sistem perbankan Islam yang dijalankan di Malaysia.

Cumanya ialah ada sedikit perkara yang perlu kita baiki. Antaranya ialah walaupun kita membuat pinjaman mengikut secara Islam sama ada dengan sistem perbankan Islam di Bank Islam atau pun di bank yang dikendalikan mengikut prinsip Islam atau pun dengan perbendaharaan. Masalahnya ialah apabila kita beli rumah misalnya dalam SNP tersebut kalau bank lambat *relief* duit atau pun *treasury*, dengan izin, lambat untuk *relief* duit kepada *developer* menyebabkan dia masih kenakan dengan perjanjian itu perjanjian berbentuk *interest* atau pun riba. Apa komen daripada Yang Berhormat Johor Bahru.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada pandangan seperti itu dan tentunya ada berlaku kelemahan dari semasa ke semasa. Akan tetapi yang mustahaknya ialah bahawa ini satu sistem yang digalakkan, yang diwujudkan, yang diutarakan oleh kita sendiri. Inilah satu-satunya yang penting untuk kita hargai kerana sumbangan tentu datangnya daripada berbagai-bagai cerdik pandai yang faham, fasih daripada segi hukum syariah.

Tentunya kelemahan yang ada boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. Pelaksanaan ia kalau kita lihat dari Bank Islam yang mula ditubuhkan pada 1983 tidak silap saya. Ia satu yang baru dan ia sudah mula bertambah berkembang penggunaannya sehinggakan jumlah aset di bawah sistem perbankan Islam sudah meningkat sampai ke peringkat yang begitu besar.

■1520

Pada tahun 2020 dijangkakan sehingga 40 peratus. Dalam proses inilah, dalam keadaan ini, perjalanan kita ini, sumbangan pandangan, idea dan kritikan serta teguran harus berjalan kerana kalau kita lihat, hanya bermula pada tahun 1983 berbanding dengan sistem konvensional yang sudah beratus-ratus tahun dan berabad yang diwujudkan oleh pihak Barat, daripada pihak kapitalis dan sebagainya, kita masih di peringkat usia yang begitu muda dan masih boleh kita matangkan.

Inilah yang saya hendak sebutkan, ia sebahagian yang penting dalam Ekonomi Merdeka yang saya anggap sebagai sebahagian yang dihasilkan daripada pemikiran kita, usaha kita, daya cipta kita dan kesungguhan kita. Saya bagi satu lagi contoh yang menjadi sebahagian daripada Ekonomi Merdeka ini. Saya lihat umpamanya daripada segi pakaian. Ia sudah menjadi satu sektor buat masa ini satu sektor yang kecil tetapi hari ini saya rasa, sudah terkenal jenama seperti Fareeda, Waheeda, Naelofar dan sebagainya.

Ia mencerminkan permintaan yang kuat. Satu ekonomi, sebahagian ekonomi yang kuat apabila adanya permintaan dan adanya pula perbekalan. Maknanya, ia satu sektor ekonomi walaupun hari ini kita rasa kecil. Akan tetapi kalau kita tengok cara penghebahannya dengan *billboard* yang terpampang di lebuhraya hendak masuk ke Kuala Lumpur dari selatan. Ia sesuatu yang harus kita ucap tahniah kepada mereka yang telah terlibat, yang telah mencetuskan dan menyumbangkan kepada sektor pakaian ini di peringkat Muslimah kita. Ia menjadi satu sektor yang berdaya tahan dan saya rasa ia tentunya harus dibanggakan oleh kita.

Selain daripada pakaian Muslimah, kita lihat juga bagi sayalah terutamanya sebagai orang Johor Bahru, saya lihat bagaimana kalangan anak muda kita mula mencetuskan jenama-jenama sendiri seperti Lanun Johor. Minta maaf. Lanun Johor, kalau saya- jangan paksa saya bawa isu ini ke Dewan Undangan Negeri pula sebab cakap pasal negeri Johor. Lanun Johor, satu jenama yang bermula daripada penjualan di pasar malam. Akhirnya sudah meningkat dijual di peringkat butik-butiknya yang tersendiri. Ia juga menunjukkan adanya permintaan dan adanya penawaran. Ia sudah menjadi sebahagian daripada ekonomi merdeka yang saya sebutkan yang mana ada jenama-jenama sendiri, produk-produk sendiri.

Di samping itu, kita lihat bahawa sudah mula juga pembuat-pembuat fesyen antarabangsa, Dolce & Gabbana mula hendak melihat dan meninjau-ninjau tentang soal potensi pasaran ini. Kalau saya melihat kepada sektor pakaian, satu yang harus kita akui ialah bagaimana dalam kalangan anak muda sendiri sudah mula menganjurkan pestanya sendiri ataupun penjualannya sendiri ataupun eksponya sendiri yang dinamakan sebagai Tempatan *Fest* yang bermula dengan hanya 40 jenama, sekarang sudah menjadi sampai 200 jenama.

Ini saya rasa satu tanda yang memberi harapan kepada kita bahawa anak muda kita terlibat secara langsung berniaga dan mencari pendapatan, rezeki yang sah hasil daripada karya dan keupayaan mereka sendiri. Ini yang saya maksudkan dengan ekonomi merdeka.

Kita tidak terikat dengan jenama asing, kita tidak terikat dengan produk asing malahan anak muda kita, kita boleh rasa bangga mereka mampu untuk mewujudkan jenama-jenama mereka.

Apa lagi tentang makanan. Kini, makanan sudah kita pasti berlakunya secara yang begitu menyeluruh. Kalau dahulu kita hanya terpegun mungkin dengan *Coffee Bean* dan Starbucks tetapi kita lihat bagaimana munculnya kopitiam-kopitiam yang membuatkan harus kita sedar, yang menyedarkan kita bahawa sebenarnya adanya permintaan dan adanya kemampuan anak-anak muda kita, generasi baru untuk mengisi dan memenuhi permintaan itu. Mereka bersaing sekarang dengan jenama-jenama mereka sendiri daripada *Old Town White Coffee*, *GeorgeTown Coffee*, *PappaRich*. Ia mempunyai bukan sahaja cawangan di dalam negara tetapi juga sudah mula mengembangkan operasi mereka di luar negara.

Di samping itu, ada pula sekarang ini satu gerakan yang dipanggil sebagai mewujudkan kafe *hipster*. Ini satu aspek ekonomi yang harus kita beri perhatian kerana pemilik-pemilik kafe *hipster* ini telah mengubah konsep kedai serta menu minuman. Saya dalam minggu lepas berada di Johor Bahru, melanggan sebuah kafe *hipster* yang diwujudkan, diberi nama Tujuh mengikut jersi pemain sukan JDT yang juga nombor jersinya 7 dan sambutan kepada produk ini, kafe ini, begitu baik.

Tambahan lagi, sudah ada pula penjualan pisang goreng *cheese*, keju dengan berbagai-bagai perasa. Ia membawa satu perasaan kepada saya bahawa dalam sibuk-sibuk kita mengatakan itu tidak baik, ini tidak baik, ini negatif, apalah kerajaan hendak buat, itu hendak buat dan sebagainya, adanya sekumpulan anak-anak muda yang berani berniaga dan yang menarik minat saya ialah mereka tidak tunggu kerajaan untuk menyediakan premis, kerajaan mesti menyediakan premis.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit Yang Berhormat Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya memang tertarik dengan apa Yang Berhormat Johor Bahru sebut tentang kreativiti anak muda kita, usaha mereka dan sebagainya. Sebelum ini juga ramai anak muda yang berkecimpung dalam *business* kecil dengan inisiatif mereka. Akan tetapi selepas itu ada juga mereka yang mati di tengah jalan kerana sistem-sistem yang ada dalam kerajaan kita untuk membantu mereka untuk lebih membangun, tidak mantap ataupun selalunya tidak teratur dan membuatkan mereka ini terpinggir dalam sistem-sistem untuk mendapatkan pinjaman, sokongan dan sebagainya. Jadi, ini harus dimantapkan lagi struktur-struktur untuk membantu anak-anak muda ini agar lebih maju menjadi korporat yang besar di masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya boleh gulung Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh gulung ya? Sebenarnya mahu sampai kepada isu-isu yang dibawa tadi. Ini kerana sambil mereka menubuhkan jenama kafe ikut jenama mereka sendiri dan konsep mereka sendiri, mereka juga turut memberikan tambah nilai kepada kawasan-kawasan lama. Mereka menyewa bangunan-bangunan lama dan di Johor Bahru, ada juga yang terkenal dipanggil sebagai *Bateri Mall*, sebuah kilang yang lama dijadikan sebagai sebuah *mall*, tidak ikut kaedah *malls* yang biasa yang mana mesti ada *anchor tenants* nya, ada jenama *mainstream* dan sebagainya.

Malahan, yang saya begitu bangga, penjualan mereka setiap sebulan dalam jangkakan RM3 juta. Maknanya, dalam setahun RM36 juta dan hendak merujuk kepada apa yang disebutkan oleh rakan saya tadi...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Johor Bahru ...

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya nanti sekejap. Belum hendak habis. Sedikit sahaja, sekejap. Ia ialah di *Bateri Mall*, kalau ditanya peniaga-peniaga di situ, apakah yang patut kerajaan buat? Peliknya, mereka cakap, "Kerajaan jangan ganggu".

Kerajaan jangan ganggu- kerana ada nak pinjaman, tak payah kerana mereka bermula kecil-kecilan. Mereka yang berniaga di *Bateri Mall*, umpamanya kedai buku *indie*.

■1530

Buku *indie*, penerbitan buku ini pun satu sektor yang baru. Kalau kita baca, kadang-kadang baca kedudukan pembacaan buku-buku yang popular dalam negara kita. Bagi Bahasa Melayu, keluarnya ialah pengeluar *indie* seperti *Dubook* umpamanya. Ini satu keadaan yang membawa saya kepada satu rumusan tetapi sebelum saya bawa kepada rumusan itu, boleh Yang Berhormat Parit Sulong, boleh mencelah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru mengenai bagaimana generasi muda sekarang begitu kreatif dalam usaha untuk mengembangkan ataupun memulakan perniagaan mereka. Kita juga telah dihidangkan dengan pelbagai contoh-contoh dan yang terakhir Yang Berhormat nyatakan mengenai *Baterries* Johor Bahru.

Setujukah tidak Yang Berhormat apabila saya ingin menyatakan, sebab tadi daripada Yang Berhormat Ampang ada menyatakan mengenai fasiliti dan segala-galanya. Akan tetapi kita di dalam kerajaan, saya hendak bagi contoh di dalam SME Corp. Di mana ia ada cara membantu, terutamanya generasi muda ini di dalam satu program yang dinamakan TUBE dan juga kita juga ada MaGIC. Seperkara yang dibuat oleh pihak kerajaan ini dilihat dapat menokok dan menambah baik daripada segi membimbing generasi muda ini untuk pergi lebih lagi.

Setujukah Yang Berhormat dengan apa yang telah kita luluskan sendiri di dalam Dewan ini mengenai satu rang undang-undang mengenai ekuiti *crowdfunding* yang juga boleh digunakan untuk generasi muda ini dalam mengembangkan perniagaan mereka sehingga mereka boleh kita bimbing ke peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh? Tuan Yang di-Pertua, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Johor Bahru. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh anak-anak muda tadi yang menyatakan kerajaan jangan ganggu. Saya hendak mula dengan premis itu. Yang Berhormat Johor Bahru menyatakan tentang *Dubook*. Khusus tentang *Dubook* ini, adakah Yang Berhormat Johor Bahru bersetuju bahawa kita mesti konsisten, jangan mengganggu mereka ini untuk mengembangkan inovasi dan juga idea kreatif. Misalnya tahun lalu, ada satu forum yang dibuat di Universiti Malaya, Forum Fenomena *Dubook* Press.

Akan tetapi forum itu diharamkan kerana *Dubook* ini saya tidak tahulah apa sebabnya tetapi daripada pembacaan saya seolah-olah mereka itu tidak mendapat peluang untuk mengembangkan idea mereka. Malah, pernah dihantar mesej minta dimaklumkan ke dalam Dewan ini, mereka juga diganggu di pameran-pameran buku dunia. Jadi, saya hendak fikir dengan itu, dengan premis jangan ganggu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru, minta supaya kerajaan jangan ganggulah inisiatif anak-anak muda ini. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat, kita cari sebenarnya yang kebaikan ya. *Dubook*, Pesta Buku Antarabangsa KL tahun lepas, penjualannya RM800,000. Satu yang maknanya dalam keadaan itu tentunya adanya sepadan-sempadannya. Akan tetapi daripada segi perniagaannya, melalui saluran yang tertentu, ia nampaknya berkembang dengan maju.

Saya percaya bahawa saya akan lihat *Dubook* umpamanya datang ke *Bateri Mall*. Oleh sebab apabila *Al-Ikhsan* umpamanya, mengadakan *wholesale* di *Bateri Mall*, mereka begitu meletup penjualannya. Akan tetapi saya hendak rujuk juga kepada soal kerajaan jangan campur. Kerajaan boleh campur tetapi kena ubah pendekatannya. Sekarang umpamanya, kita ada keadaan seperti *food truck*. Kalau *food truck* hendak mendapatkan lesen, majlis bandar raya, PBT kata tak boleh keluarkan lesen pasal kategorinya tak ada. Jadi, ini yang di mana kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mewujudkan kategori-kategori yang baru. Keadaan perniagaan sudah berubah.

Dalam *Bateri Mall* umpamanya, dalam kilang, memang patut tak boleh berniaga. Akan tetapi kalau dengan permintaan kita, permohonan kita, ia boleh berniaga mendapat lesen sementara. Maknanya, cara perniagaan hari ini Tuan Yang di-Pertua, sudah pun berubah kerana adanya elemen digital era, teknologi digital yang umpamanya melahirkan *Uber* umpamanya. Pendekatan kita hendak melarang dan menyekat penggunaan digital teknologi ini tak boleh kita buat.

Hanya terpolang kepada kerajaan melihat bagaimana katakan dalam soal *Uber*, dia menawarkan harga yang murah tetapi dapat memberikan pendapatan yang tinggi, RM1,500 satu minggu bagi seorang yang menjadi pemandu *Uber* yang rajin. Bagaimana umpamanya kalau di Hong Kong umpamanya, diwujudkan perundangan tersendiri bagi untuk tujuan-tujuan ini, untuk kaedah dan fenomena ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, anak muda saya rasa lebih suka di mana kaedah untuk mendapat pinjaman itu dilakukan secara *pitching*. Ia *transparent*, ia secara kompetitif, secara bersaing. Mereka tak suka untuk cara seperti berjumpa dengan pegawai, *working paper*, dalam bilik dan sebagainya yang menimbulkan syak wasangka yang lain.

Jadi, cara yang *transparent*, yang *pitching*, budaya *pitching* ini harus diperkembangkan. Jadi, saya berharap bahawa kerajaan, terutamanya di peringkat-peringkat kerajaan tempatan, di mana usaha-usaha ini banyak berlaku, mengambil kira perubahan yang dibawa oleh *digital technology*. Di mana ekonomi merdeka itu sudah menjadi sebahagian penting dalam ekonomi negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas peluang untuk memberi sokongan saya kepada Usul Menjunjung Kasih, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Katil.

3.37 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam reformasi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tentunya dalam waktu terbatas ini saya akan membangkitkan isu-isu nasional dan juga hal-hal yang berkaitan dengan kawasan saya di Bukit Katil.

Saya hendak mula dengan menyinggung ataupun memetik Titah Yang di-Pertuan Agong, khususnya dalam aspek negara demokrasi berperlembagaan. Di mana Yang di-Pertuan Agong telah memberikan peringatan kepada kita bahawa kita boleh berlainan pandangan. Begitu juga dengan saranan Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan amalan integriti dan urus tadbir yang baik. Menghapuskan rasuah dan penyelewengan. Ini tentunya berkait rapat dengan ciri-ciri negara yang baik, *wardatun thoyyibah*, dengan izin, negara yang baik, *wa rabbun ghaffur* dan mendapat keampunan daripada Allah SWT.

Saya ingin mengingatkan Dewan Rakyat yang mulia ini bahawa sekitar tahun 2012, Yang Amat Berhormat Pekan telah pun bercakap tentang transformasi politik. Ia diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada ketika itu ialah maksud transformasi politik ini menuju ke arah sebuah negara demokrasi yang moden, maju dan berwawasan. Pada hemat beliau, Malaysia perlu menerima perubahan dan membuat penyesuaian agar kekal relevan dan sekali gus melindungi hak serta kebebasan rakyat. Dalam bukunya, malah diterbitkan buku yang diedarkan sewaktu Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2012.

Tajuk buku itu pun cantik, "*Transformasi Politik Mendaulatkan Hak Asasi Serta Demokrasi Pemerintahan Rakyat Untuk Rakyat*." Saya fikir secara khusus kalau diteliti buku ini, terutama di muka surat 40 hingga 60 Tuan Yang di-Pertua, transformasi yang akan dilakukan ataupun yang diumumkan, yang dinukilkan, yang dibukukan ini menyatakan secara jelas bahawa Perdana Menteri berhasrat untuk menghapuskan undang-undang *draconian* seperti ISA, hapusnya *detention without trial*, dengan izin. Malah pada muka surat 50 buku tersebut, menyatakan tiada sesiapa yang akan ditahan semata-mata kerana ideologi politik yang berbeza.

■1540

Buku ini nampak cantik, tetapi saya percaya hayat buku ini hanya bertahan dalam empat tahun sahaja. Ini kerana kita sedia maklum bahawa di dalam Dewan ini berapa ramai anggota Parlimen khususnya yang telah ditahan dan juga dituduh. Tentunya ini berbeza sebab kita berbeza ideologi politik. Bukan sekadar anggota Parlimen, rakyat biasa juga dikenakan pelbagai tindakan termasuk yang terbaru yang menjadi tumpuan ataupun serangan kerajaan media. Media-media juga dibredel, dilanyak, media-media sosial juga dipantau, media-media asing yang terbaru juga diberikan tindakan yang sama.

Oleh sebab itu saya ingin tanya kepada kerajaan, di manakah hala tuju transformasi politik yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan? Adakah transformasi politik ini ingin dibakul-sampahkan ataupun ingin diteruskan dengan agenda-agenda yang lebih cantik, lebih muluk lagi tetapi hanya sekadar ungkapan tetapi tidak dilaksanakan?

Oleh sebab itulah kita lihat bahawa sekarang ini muncul semula undang-undang yang bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Undang-undang seperti POTA, seperti SOSMA yang mana baru-baru ini ditahan salah seorang rakyat Malaysia, Saudara Khairudin dan kemudiannya peguamnya Matthias Chang ditahan di bawah SOSMA yang mana pada ketika itu, ketika SOSMA dilaksanakan, dinyatakan bahawa undang-undang ini tidak akan disalahgunakan, tidak akan menangkap mereka yang berlainan ideologi politik. Saya nampak sekarang ini ada satu lagi undang-undang iaitu Majlis Keselamatan Negara yang tertentunya telah mencabut kedaulatan dan juga kekuasaan Raja-Raja Melayu seperti mana yang dibahaskan dalam sesi yang lalu.

Oleh sebab itulah kita lihat daripada segi resipi ini Tuan Yang di-Pertua, yang dilakukan oleh kerajaan, resipi ini seolah-olah kita sedang menuju ke arah negara autoritarian. Ada orang bertanya apakah dia negara autoritarian? Negara autoritarian ini kalau kita boleh ungkapkan Aung San Suu Kyi, kenyataan beliau ataupun *quote* beliau yang *famous* dengan izin, "*It is often in the name of cultural integrity as well as social stability and national security that democratic reforms based on human rights are resisted by authoritarian government*". Maknanya bila kita hendak kemukakan demokrasi, hendak letakkan hak asasi, selalunya alasan-alasan yang akan digunakan adalah kerana hendak pastikan adanya kestabilan sosial, keselamatan negara. Ini saling tidak tumpah dengan apa yang telah diungkapkan oleh kerajaan dalam melaksanakan ataupun *rush through*, dengan izin, undang-undang yang menyekat dan mengekang hak kebebasan asasi dan juga demokrasi di dalam negara ini.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita di barisan ini, barisan pembangkang sentiasa menyatakan bahawa apabila kita katakan perlu ada perubahan, ia bukan sekadar perubahan pertukaran seorang Perdana Menteri semata-mata, ia mesti dilakukan dengan reformasi institusi, berlaku perubahan terhadap institusi-institusi penting negara.

Macam kita lihat sekarang dalam Perlembagaan Persekutuan, pindaan Artikel 183 atau 182 pindaan Perlembagaan, Mahkamah Khas Raja-Raja Melayu. Bila saya teliti balik, Raja-Raja Melayu ini akibat pindaan Perlembagaan yang telah dibuat, bahawa sekiranya Raja-Raja Melayu didapati bersalah ataupun ada tuduhan terhadap beliau, tuduhan jenayah, maka Raja-raja Melayu ini mestilah hilang kuasa dia buat sementara, *pending* sementara menunggu siasatan dan juga pendakwaan dan juga perbicaraan. Setelah didapati selesai, tamat perbicaraan dan didapati bersalah hatta penjara satu hari, maka disuruh turun takhta. Itu Raja-Raja Melayu.

Kalau kita balik dalam Perlembagaan, kalau Perdana Menteri buat salah, kalau Perdana Menteri itu kita hendak tuduh, orang yang tuduh itu Peguam Negara, Perdana Menteri buang dahulu Peguam Negara. Jadi bagaimana kita hendak tengok Perlembagaan ini yang saya yakin bukan merupakan niat asal *the draft of the constitution*, dengan izin. Bukan niat asal orang yang membuat Perlembagaan ini memberikan kuasa mutlak kepada Perdana Menteri sehinggakan terang-terangan berlaku masalah dan kepincangan, ia tidak boleh digugat sama sekali dan menggunakan pelbagai alasan untuk menutup kesalahan beliau.

Saya ingin berkongsi sedikit dalam waktu yang terbatas ini mengenai satu buku yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) yang menterjemahkan karya George Orwell- '*Animal Farm*', atau dalam Bahasa Melayunya, '*Politik Kandang*', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Politik kandang ini satu perkara yang unggul oleh George Orwell dan *gist* ataupun isi kepada perkara yang relevan dengan perbicaraan kita hari ini ialah berlaku pemberontakan para binatang dipimpin sekumpulan babi, dengan izin, khinzir, yang diketuai Snowball dan Napoleon, seakan-akan membawa sinar baru terhadap komuniti ladang binatang pada ketika itu apabila kepimpinan bertukar dari Tuan Jones kepada ketua di kalangan mereka sendiri. Namun, tiada siapa di kalangan mereka mengetahui pada suatu hari nanti bahawa babi-babi ini juga akan jatuh korup dan mengkhianati revolusi yang dicetuskan oleh mereka sendiri.

Mereka menggubal undang-undang yang dinamakan Rukun Tujuh sebagai perlembagaan tertinggi binatang-binatang yang hanya untuk diubah secara licik di kemudian hari demi memenuhi cita-cita peribadi dan kepuasan sendiri. Apabila para babi mula mendiami rumah ladang, tidur atas katil, berpakaian seperti manusia dan berjalan dengan dua kaki, itulah saatnya para binatang mula kehilangan harapan yang baru berputik dan ironisnya, mereka disembelih dengan lebih kejam oleh kalangan mereka sendiri berbanding oleh tuan lama mereka.

Saya ingin cadangkan kepada Ahli Parlimen untuk sama-sama menghayati naskhah ini kerana ia relevan dengan suasana politik yang tentunya menuntut kita untuk melakukan, meminjam istilah oleh Barisan Nasional, transformasi politik. Bagi kita, perlu ada reformasi institusi untuk memastikan sesiapa pun menjadi Perdana Menteri, ia akan subjek kepada *check and balance* dalam sistem negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam ada yang membangkitkan tentang wacana negara gagal. Saya mendengar dengan teliti beberapa pandangan. Ada satu buku yang hampir selesai saya baca iaitu bertajuk, *Why Nations Fail* yang menceritakan kenapa negara itu gagal. Di dalam muka surat 339 dinyatakan dengan jelas bahawa *nations fail* ini atau negara gagal ini apabila ada sekelompok elit *who design economic institution in order to enrich themselves and perpetuate their power at the expense of the vast majority of people in society*, dengan izin.

Malah, dalam buku ini ada cerita juga tentang Zimbabwe. Apakah yang berlaku di Zimbabwe? Mereka buat loteri, kemudian minta sesiapa yang ada simpanan USD5,000 pada ketika itu boleh masuk pertandingan untuk masuk loteri ini. Sesiapa yang dicabut untung, maka dia dapat USD100,000 di Zimbabwe. Maka dibuat satu hari, hari yang dinanti-nantikan, tiba-tiba pengerusi yang cabut itu tengok nama yang tertulis, nama Robert Mugabe, Presiden Zimbabwe sendiri.

Begitulah teruknya sistem di Zimbabwe, sama macam kita sekaranglah. Kita tanya tentang 1MDB, hari ini Menteri kata, *“Oh! Tak boleh jawab”*. Saya tanya duit derma dipulangkan balik- saya hendak beritahu untuk rekod Dewan Rakyat ini. Saya tanya kepada rakyat di kawasan saya. Saya tanya ini, *“Saya hendak tanya soalan Parlimen ini, ada tidak boleh bagi saya soalan?”* Di kedai kopilah saya jumpa dia orang di kedai kopi. Salah seorang pakcik ini cakap, *“Cuba Yang Berhormat tanya duit yang pulang ini dia guna bank mana?”* Oh! Bagus juga soalan itu. *“Dia bagi tunaikah bagi cek?”* Jadi saya ambil soalan-soalan ini masuk dalam soalan-soalan bertulis untuk saya kemukakan kepada Dewan. Soalan itu pun ditolak dengan alasan saya tidak tanya kementerian yang berkaitan. Baik, kalau saya tanya kepada Perdana Menteri, mereka akan kata tanya Menteri Kewangan. Kalau saya tanya Menteri Kewangan, mereka akan kata, tanya Perdana Menteri. Ini mana satu ini?

Oleh sebab itu saya minta supaya... [Disampuk] Ha, kongkalikung. Saya hendak minta kerajaan tolong jawablah. Ada beberapa orang wakil rakyat Barisan Nasional mengatakan ini fitnah. Okey, kalau betul fitnah, tidak apa, tetapi perbetulkan, jawab dengan fakta. Kita dengan kita mungkin kita faham. Kalau betul bukan, tidak apalah. Ini masalahnya tutup, selindung. Tidak boleh selindung, tidak boleh tutup, mesti ada keberanian di kalangan pimpinan kerajaan untuk menyatakan pendirian menegakkan yang hak dan menolak kebatilan. Ini yang saya hendak tegaskan pada hari ini.

Poin yang kedua, yang terakhir, ialah soal transformasi ekonomi. Kita dengar pelbagai perancangan kerajaan. *Alhamdulillah*, kerajaan mungkin responsif terhadap isu-isu berkaitan dengan masalah yang dihadapi sekarang. Pagi tadi saya tanya tentang pengangguran, semalam Yang Berhormat Semporna bercakap tentang soal pengangguran. Saya dalam perbahasan yang lalu sewaktu belanjawan, saya tanya soalan yang paling mudah iaitu bagaimana kerajaan ingin menangani masalah harga borong bawang dan cili yang meningkat? Soalan mudah kerana bawangnya mahal, cili mahal. Jawapan Menteri Pertanian mudah, *“Kita akan minta rakyat tanam cili belakang rumah.”* [Ketawa] *This is not the answer that we want*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa minggu yang lalu, Menteri Pertanian kata harga sayur meningkat sebabnya ialah kerana kejatuhan harga Ringgit. Saya hendak tanya kerajaan, apakah tindakan sekarang ini? Saya tahu, pergilah ke pasar sekarang ini bawalah RM50 untuk beli barang-barang dapur.

■1550

Yang ini saya setuju dengan Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional meringankan beban rakyat. Bawa RM50, pergi pasar, memang ringan sahaja plastik kita bawa balik. Kalau dulu berat, sekarang ringan. Pergi ke pasar, dengar keluhan mereka dan ini yang kita lakukan kerana kita tidak mahu dalam keadaan kita seronok tentang angka, fakta, statistik tetapi di bawah ini rakyat itu merempat dan mereka terpaksa bergelumbang dengan risiko harian untuk mencari sedikit wang. Akan tetapi tidak apa, saya kemukakan ini untuk kerajaan jawab apa tindakan yang telah dilakukan, apa perancangan dan apakah perkara yang boleh kita sama-sama kerjasama.

Misalnya saya bagi contoh di kawasan saya. Saya bagi, kalau letakkan satu mesin air percuma di depan pejabat. Kemudian ada lagi bantuan-bantuan yang lain, letakkan di dua tiga buah tempat. Mesin air percuma, orang masuk, tekan air, keluar dan boleh minum. Dia tidak perlu beli air RM0.10, RM0.20 tidak perlu. Kemudian datang kakitangan daripada syarikat air, dikenakan bayaran untuk pejabat saya dengan harga komersial yang terlalu tinggi.

Saya hendak tanya kerajaan, kita wakil rakyat daripada barisan *opposition*, pembangkang ini kita buat mana yang termampu. Kita tidak dapat peruntukan tetapi kita ikhtiar. Dalam keadaan kita ikhtiar pun dia cari jalan untuk tekan lagi. Jadi sebab itu saya hendak minta kerajaan tolong jangan ganggu usaha yang buat dalam keadaan sekarang untuk mengembalikan, membantu rakyat dalam apa jua keadaan yang kita ada.

Saya hendak bangkitkan juga soal-soal pemandaran. Cukai tanah. Saya nak tanya KPKT, cukai tanah di Melaka sekarang ini melambung sampai 700 peratus. Ada yang menyatakan bahawa cukai ini berdasarkan kadar sewaan. Ada yang menyatakan cukai berdasarkan kadar harga semasa. Mana satu ini. Cukai pintu, cukai hartanah. Jadi yang ini saya hendak beritahu kepada kerajaan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Silakan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil, di depan saya ini ada tentang satu perbandingan di antara kiraan cukai harta dan amat jelas iaitu memang saya ingat tiap-tiap PBT di negara kita atau mengikut cara kiraan cukai harta iaitu *rent based* iaitu mereka buat satu anggaran tentang sewaan mengikut kawasan dan juga *zoning* iaitu satu kadar untuk buat kiraan cukai harta ini mengikut *zoning* ada di *urban area*. Kalau luar bandar katakan 13 peratus kadarnya dan kurang jika jaraknya lebih jauh daripada bandar.

Baru-baru ini di Melaka kerajaan tempatan mula membuat kiraan yang berlainan iaitu mereka tidak ikut lagi *rent based*, *rental based* iaitu mereka gunakan *valuation on the property* dan gunakan kadar-kadar yang berlainan. Saya tidak pasti adakah ini satu arahan daripada kementerian iaitu seluruh negara semua kerajaan tempatan akan mula gunakan cara ini untuk mengutip cukai harta. Bagaimana mereka menentukan kadar untuk buat kiraan ini. Bolehkah Yang Berhormat Bukit Katil masukkan pertanyaan ini kepada kementerian untuk dijawab. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya sememangnya bersetuju dan itulah yang saya cuba sampaikan tadi dan menjadikan sebahagian daripada perbincangan saya.

Seterusnya ialah isu perumahan. Dibangkitkan juga oleh Yang di-Pertuan Agong tentang perumahan. Saya setuju bahawa perumahan ini satu perkara yang penting. Khusus untuk kawasan saya, buat projek perumahan di Taman Saujana Indah Bukit Katil dan kita lihat ada masalah daripada segi kualiti pembinaan, rumah retak, *first time buyer*, rumah retak harga RM300,000 hingga RM400,000. Saya masuk campur sebagai wakil rakyat untuk membantu tetapi mendapat pelbagai halangan khususnya daripada majlis perbandaran.

Saya hendak tanya KPKT, dalam konteks ini apakah ada pemantauan yang khusus terhadap kualiti pembinaan agar mereka yang pertama kali mendapat nikmat rumah pertama ini tidak diganggu dengan satu *nightmare*, dengan izin, mereka terpaksa berdepan dengan masalah perumahan yang parah, yang teruk. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua telah memberikan signal. Dua minit saja saya hendak sentuh tentang luar negara, tentang dua isu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh saya masuk sikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kita dua-dua ada di Melaka. Tentang perumahan KPKT yang saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Katil iaitu kita terdapat di Melaka iaitu *shop lot* terlampau banyak. Bagaimana mereka mengagihkan tentang kuota. Kita dapati kekurangan rumah kediaman. Memang saya ingat negeri Melaka kita menghadapi masalah begini, bukan hanya rumah mampu milik termasuk rumah sederhana dan juga rumah yang berharga RM300,000. Akan tetapi kelebihan dalam *shop lot*, semua *shop lot* yang kosong kita boleh nampak di tiap-tiap taman atau tiap-tiap kawasan perindustrian. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka dan jadikan sebahagian daripada perbahasan saya.

Saya ingin bertanya kerajaan dua soalan sebelum saya gulung, sebelum saya tutuplah. Satu saya hendak tanya kerajaan khususnya Kementerian Luar tentang apa respons rasmi terhadap laporan Pesuruhjaya Tinggi UNHCR khususnya kepada isu hak asasi manusia di Malaysia dalam kes ini khususnya terhadap kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya hendak tanya kerajaan apa *official stand of the government* kerana kalau tidak bersetuju, apa tindakan susulan. Nak tulis, nak dedahkan atau nak *publicized* pendirian kerajaan setakat ini kita tidak dengar apa pendirian.

Kedua, saya juga ingin bertanya Kementerian Luar bahawa Malaysia baru-baru ini telah *ratify* satu perjanjian, maaf, sudah menandatangani satu perjanjian berkaitan dengan *Small Arms and Light Weapons*, dengan izin. Akan tetapi baru-baru ini saya hadir ke Kathmandu untuk mewakili *Parliamentary for Global Action*, mereka menyatakan bahawa sehingga sekarang tidak ada satu *national report* yang mereka terpaksa untuk diwajibkan hantar kepada PBB yang *due* pada 31 Mac ini. Jadi saya hendak tanya pada kerajaan tentang perkara ini kerana kalau kita dah tandatangan, tentunya kita mesti *commit* tetapi nampaknya setakat ini dah dua kali kita gagal untuk menghantar laporan.

Jadi saya fikir Tuan Yang di-Pertua, untuk berlaku adil kepada semua saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan. Terima kasih.

3.57 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pukul berapa habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pukul 5.30...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada ramai lagi hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa marah Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi kalau dia cakap setengah jam, habislah kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa marah Yang Berhormat, bagi Yang Berhormat Kota Tinggi lah dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami hendak minta semua di sini yang ingin berucap itu diberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya akan beri peluang sehingga 5.30 Yang Berhormat. Sudah, tidak payhalah, biar dia *start* Yang Berhormat, lepas itu balik sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi Tuan Yang di-Pertua kata 10 minit.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, memang ada had masa 10 minit dari pagi tadi tetapi saya tak nak sebutlah, semua Barisan Nasional, bukan Barisan Nasional, semua lebih 10 minit Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 25 minit, 30 minit, Yang Berhormat Lembah Pantai 25 minit. Ya, teruskan maaf Yang Berhormat, ada gangguan sedikit daripada Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam ucapan titah. Terima kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimmu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah.

Saya terus kepada hujahan saya iaitu mengenai kesejahteraan negara sebagaimana yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kesejahteraan negara banyak bergantung pada kemapanan perancangan kita untuk memperkasa ekonomi untuk masa depan kita. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun berjaya buat perjanjian untuk TPPA yang telah pun kita artikulasikan dalam perbincangan sesi lepas. Terus kepada tiga perkara yang saya rasa amat baik hasil daripada TPPA iaitu pertama agenda bumiputera. Pertama kali ia telah diterima oleh 12 buah negara yang menandatangani. Ia suatu pengiktirafan bahawa agenda ini amat baik dan merupakan satu kekuatan dalam kita membina negara kita selama 60 tahun.

Saya tidak sentuh banyak kepada itu, saya terus kedua iaitu TPPA ini telah memberi banyak peluang penambahan perdagangan. Seperti kita tahu negara kita negara ke-23 pengekspor di dunia dan negara ke-25 pengimport di dunia dan menghasilkan dagangan dua hala berjumlah RM1.49 trilion dan ia dijangkakan berkembang lagi dengan baik bila kita buat perjanjian TPPA ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

■1600

Sektor-sektor yang mendapat kesan positif antaranya ialah industri perabot (*furniture*) yang mana saya yakin orang di Bakri, sahabat saya dari Bakri, dari Muar dan Batu Pahat akan mendapat kesan positif daripada TPPA ini. Selain itu juga, industri tekstil di mana kalau tidak ada TPPA ini mungkin ramai berpindah ke Vietnam. Juga industri plastik. Kita ingat kaunter-kaunter plastik dalam seminggu dua ini menghasilkan keputusan yang amat baik. Selain itu juga, *electrical electronic*. Saya tahu di Pulau Pinang, di Lembah Klang dengan adanya TPPA ini bukan sahaja menjamin kesinambungan *production* atau permintaan dan *supply*, tetapi juga akan mengekalkan pekerjaan. Kalau tidak, kita bimbang akan ada *divestment* pergi ke tempat-tempat lain. Dengan cara itu, kita dapat menjamin kesejahteraan pekerja-pekerja kita di Malaysia.

Selain itu juga, automotif industri. Automotif satu rangkaian industri yang terbesar, yang paling besar. Mana-mana negara maju, mesti mempunyai industri automotif yang amat besar. Oleh sebab itu bila kita *sign* TPPA ini, dia memberi kita peluang untuk mengekspor bukan sahaja produk jenama kita, kita harap juga kepada komponen automotif, komponen yang begitu besar sekali *marketnya* yang mungkin boleh kita ambil eksport potensi ini untuk kesejahteraan kita masa depan.

Jadi secara keseluruhannya, banyak sektor terkesan positif. Saya terlupa tadi komoditi. Komoditi juga akan memberi pulangan yang baik kita harap dengan berlakunya TPPA ini. Kita tahu TPPA ini amat besar, merangkumi 39 peratus ekonomi dunia dan dianggarkan dalam USD28 trilion.

Saya harap dengan adanya TPPA ini dan selepas ini tidak habis dekat situ, kita akan lihat *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang melibatkan negeri China dan banyak negara lain di Asia. Dengan adanya dua ini, kita harap kita dapat *conclude* tahun ini. Kita juga akan dapat membuat perundingan dengan *Malaysia-European Free Trade Agreement* (MEUFTA) yang juga menjanjikan begitu banyak peluang untuk kita. Ini langkah-langkah yang baik untuk memastikan bahawa kemapanan ekonomi kita dapat dijamin melalui perdagangan yang baik dan perdagangan itu akan memberi sumbangan dalam bentuk tambahan pelaburan. Bila ada tambahan pelaburan, sudah tentulah jaminan tambahan pekerjaan untuk rakyat kita, keusahawanan dan rata-rata kehidupan yang lebih baik.

Menurut *PricewaterhouseCoopers*, antara 2018 hingga 2027, sepuluh tahun pelaksanaan nanti, untuk TPPA sahaja dijangkakan tambahan perdagangan sebanyak USD200 bilion dan tambahan pelaburan seiring dengan itu menjangkau USD200 bilion dan juga tambahan pekerjaan sebanyak *1.5 million* atau 1.5 juta. Jadi ini angka-angka dan kita harap akan memberi harapan kepada rakyat Malaysia.

Perkara ketiga mengenai TPPA yang saya rasa amat menarik ini Tuan Yang di-Pertua ialah industri Halal *product* dan *services*. Seperti yang kita tahu, penandatanganan dalam TPPA ini daripada 12 buah negara, hanya dua buah sahaja negara Islam iaitu Malaysia dan Brunei. Malaysia merupakan sebuah negara yang ekonominya mempunyai kekuatan ekonomi domestiknya sendiri. Di samping mengeksport dan mengimport, mempunyai industri pembuatan yang besar. Dengan ini, kita juga mempunyai satu taraf dokumentasi halal yang boleh dianggap terbaik di dunia melalui JAKIM. Oleh sebab itulah kita mengeluarkan produk-produk yang diguna pakai standard piawai halal dan juga kita mengeluarkan bon-bon Islam ataupun bon sukuk Islam yang terbesar di dunia.

Ini kita dapat lihat sewaktu *World Islamic Economic Forum* di London baru-baru ini di mana sembilan *head of state* datang menghadiri dan WIEF ini sebenarnya diterajui atau dipelopori oleh rakyat Malaysia sebenarnya. Zaman Pak Lah dahulu kemudian dicarry dengan Tun Musa dan kehadiran. Prince Charles ini membuktikan bahawa ini satu forum yang amat penting dalam pengembangan industri halal di dunia. Atas sebab itulah saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Tun Musa dan juga Pak Lah kerana WIEF itu merupakan forum yang menepati apa yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi iaitu ekonomi merdeka yang kita *mould* sendiri, kita bina sendiri sekian lama dan belum mendapat tempat di persada dunia.

Angka-angkanya Tuan Yang di-Pertua, tidak kecil sebenarnya. Contohnya Halal hab produk. Produk dan *services* halal difahamkan pada tahun 2013 di Amerika, Kanada dan Australia, jumlahnya hanyalah USD26 bilion. Sangat kecil, padahal saiz produk itu pada tahun itu menjangkau USD3 trilion. Pada tahun 2018, dijangkakan angka-angka ini akan menjadi USD6.3 trilion dan terus berkembang sehingga tahun 2030 sebanyak USD10 trilion. Kalau kita bandingkan USD26 bilion itu, *it is at a very 'infancy' stage actually*, dengan izin.

Atas sebab itu bila kita *sign* TPPA ini, ini satu peluang yang baik di mana Malaysialah satu-satunya negara ekonomi yang mempunyai dokumentasi halal yang terbaik berkeadaan baik untuk bukan sahaja menembusi pasaran USD28 trilion TPPA, kita juga berpeluang untuk menjadi gerbang untuk pasaran ASEAN dan seterusnya kepada MEUFTA. Saya rasa langkah pendekatan yang dibuat oleh kerajaan sejak transformasi ekonomi telah menunjukkan kesan-kesan positif dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dan semua agensi yang telah terlibat menjayakan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang kemapanan ekonomi. Dalam kekangan yang ada hari ini, harga minyak jatuh dan harga komoditi jatuh, kita masih lagi berupaya mengekalkan taraf-taraf, petunjuk-petunjuk yang menunjukkan ekonomi kita pada tahap yang mampan. Baru-baru ini tiga rating utama di dunia, contohnya *Standard and Poor's* meletakkan ekonomi kita pada taraf 'A-1' iaitu stabil sementara Moody's pula meletakkan 'A3 *positive*' dan Fitch baru-baru ini 'A-1', stabil. Ini jauh lebih baik daripada banyak negara lain dan taraf kita hampir sama dengan Jepun dan lebih baik dari Thailand dan banyak lagi negara lain.

Jadi ni satu lagi petunjuk bahawa transformasi program ini sedang dalam landasan yang betul. Saya terima pandangan-pandangan daripada pihak rakan-rakan di sebelah sana bahawa ada kelemahan. Kelemahan itu perlu kita perkukuhkan supaya kita dalam keadaan untuk mendapat *exploit* potensi yang ada dalam kita menggerakkan ekonomi, khusus yang saya sebut tadi produk halal dan perkhidmatan halal.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Baru-baru ini kita telah mengadakan Majlis Halal Negara. Majlis Halal Negara ini amat penting kerana sebelum ini kita ada *Halal Development Corporation* dan kita ada JAKIM dan sewajarnya sesuai untuk agensi-agensi ini digerakkan dengan dinamisme yang lebih agresif supaya kita dapat *exploit* ataupun dapat mengambil kira peluang-peluang yang kita sendiri wujudkan atau kita buat pendekatan-pendekatan mewujudkan peluang ini supaya kesejahteraan rakyat kita 10 tahun hingga 15 tahun ini akan dapat kita jamin melalui penggerakan ekonomi merdeka yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi.

Jadi saya rasa perkara ini perlu disebut. Dalam kita bercerita tentang proses yang kita akan lalui akhir-akhir ini, keselamatan, pekerja asing dan sebagainya, kita juga kena buat secara serentak untuk memastikan peluang-peluang yang ada itu tidak terlepas kerana kita tidak terlepas pandangan perkara-perkara yang penting seperti ini. Saya bagi contoh, baru-baru ini saya di Thailand. Thailand mengeluarkan produk automotif sebanyak 2.5 juta. Banyaknya dieksport semula tetapi dalam keadaan politik Thailand yang bergolak beberapa tahun ini, mereka tidak dapat bersama untuk melihat, bersama dalam TPPA. Bila kita sudah *sign*, dia hendak masuk juga mungkin lagi dua tahun atau tiga tahun. Akan tetapi bila dia masuk kemudian, dia tidak dapat *negotiate* atau runding terma-terma. Jadi itu satu contoh bahawa kita dalam keadaan lebih baik dari Thailand walaupun industri automotif kita tidak sampai hanya 600,000....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Akan tetapi sebenarnya kita mendapat *advantage* sebab kita masuk dahulu. Atas sebab itulah saya rasa untuk kita menjamin kesejahteraan negara, kita mesti pastikan kita boleh berbeza pandangan. Tadi ramai kata ini bukan sebab politik, ini sebab kesejahteraan negara. Saya hendak tekankan di sini, atas sebab kesejahteraan negaralah, perkara-perkara ini mesti kita satu hati untuk memastikan peluang-peluang untuk masa depan anak-anak kita akan terjamin sebab kita buat keputusan-keputusan yang tepat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ambil kesempatan, sedikit sahaja untuk kawasan saya, pembangunan yang pesat tetapi mesti diseirinkan dengan pembangunan persekitaran yang mapan supaya tidak ada berlaku perbezaan yang begitu ketara.

Atas sebab itu saya ulang sekali lagi, saya minta kerajaan mengambil perhatian untuk *upgrade* ataupun menaik taraf jalan FT092 daripada Desaru ke Kota Tinggi daripada dua lorong kepada empat lorong supaya limpahan itu akan dapat dinikmati segera oleh orang-orang bukan sahaja dari Kota Tinggi tetapi daripada Sembrong, daripada Tenggara dan juga daripada Kluang, sahabat saya, Tuan Liew Chin Tong, supaya kita mendapat limpahan yang terus daripada RAPID. Saya mengucapkan terima kasih dan menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

■1610

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada bertitah tentang isu perumahan mampu milik, saya ingin mulakan ucapan saya dengan menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada sebuah kampung di Bukit Mertajam yang bernama Kampung Permatang Tok Subuh. Kampung ni diteroka dan didiami oleh keluarga penduduk dari tahun 1950 lagi. Seawal September 1987, penduduk kampung telah pun membayar cukai pintu ataupun cukai taksiran kepada kerajaan tempatan.

Namun, sejak Mei 2013, 52 keluarga peneroka telah mendapat notis pengusiran paksa daripada pemilik tanah iaitu Distinct Class Sdn Bhd untuk mengosongkan rumah-rumah mereka yang telah didiami hampir tiga generasi sudah. Separuh daripada keluarga dari Kampung Tok Subuh ini telah berpindah akibat notis pengusiran paksa ini tetapi 26 keluarga lagi mengambil keputusan untuk mempertahankan hak mereka. Justeru, sejak tahun 2013 saya bersama dengan ADUN Machang Bubuk, Saudara Lee Khai Loon telah berjuang bersama-sama dengan 26 keluarga peneroka ini.

Malangnya setelah berjuang tiga tahun, akhirnya kami kalah di mahkamah. Maka pada 17 Februari yang lepas, 26 keluarga peneroka ini telah menerima notis *bailiff* untuk mengosongkan rumah mereka.

Mereka ditawarkan sejumlah wang daripada RM10,000 sehingga RM37,000. Jumlah ini saya percaya kita pun tahu langsung tidak memadai dan mencukupi untuk memperoleh rumah waima rumah kos rendah sekalipun pada harga RM42,000 seunit.

Penduduk Kampung Tok Subuh gaji mereka daripada kurungan RM900 paling tinggi RM2,500. Paling tua di sana, pakcik Yusuf umur 78 tahun manakala seorang wanita Puan Norhazwana mengandung sudah hampir cukup bulan. Di manakah mereka akan pergi jika rumah-rumah mereka dirobohkan? Tuntutan mereka mudah, bukan nak banglo, bukan nak kondo. Mereka hanya nak rumah ganti rumah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menceritakan kisah perjuangan Kampung Permatang Tok Subuh, namun jika kita tukar namanya, jalan cerita hampir sama tidak kira di Kampung Siputih, Tronoh di Perak, Kampung Ulu Temiang, Kampung Haka di Negeri Sembilan, Kampung Baka Batu di Johor, Kampung Cubadak di Kuala Lumpur. Semuanya kes-kes berkaitan dengan pengusiran paksa terhadap kaum peneroka. Mengapakah ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tanah di Malaysia yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara 1965 jelas tidak memihak kepada kaum peneroka. Prinsip yang kita gunakan untuk menguruskan tanah adalah berdasarkan sistem Torrens Australia di mana hanya hak milikan yang tercatat di atas sehelai kertas bergelar hak milik diiktiraf. Ini bermaksud kerja-kerja, usaha-usaha peneroka mengusahakan tanah langsung tidak mendapat pengiktirafan justeru berlakulah kes-kes seperti Kampung Permatang Tok Subuh di mana keluarga peneroka menghadapi pengusiran paksa.

Sebenarnya dari tahun 1982 lagi, mahkamah sudah memutuskan perkara ini secara muktamad, dengan izin, saya petik penghakiman dari mahkamah. "*Squatters have no rights either in law or in equity. It is well established that the court of equity will never assist squatters to resist an order or possession illegally acquired. We can sympathize with the plight in which the squatters find themselves, but we can go no further. They must make their appeal elsewhere, not to us*".

Tuan Yang di-Pertua, di atas tadi adalah penghakiman yang dibuat oleh Almarhum Sultan Azlan Shah semasa baginda menjadi Ketua Hakim Negara dalam kes Sidek bin Haji Muhamad & Ors. v Government of Perak (1982). Saya tertarik dengan cadangan Almarhum dalam penghakiman tersebut iaitu, "*They must make their appeal elsewhere.*" Seakan-akan hakim yang bijaksana ketika itu telah mengisyaratkan bahawa ada forum yang lebih tinggi lagi dari Mahkamah Persekutuan.

Justeru, 34 tahun selepas kes Sidek bin Haji Muhamad, saya bertujuan hari ini untuk menguji ataupun *test* keputusan penghakiman Almarhum Sultan Azlan Shah. Saya hendak membawa rayuan si peneroka ke forum yang satu lagi itu, yakni Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengajak rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk mempertimbangkan enam perkara pembaharuan dan saya hanya akan tumpukan dalam isu ini sahaja berkaitan hak perumahan. Pada hari ini saya dengar ramai Ahli-ahli Parlimen tidak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang telah membangkitkan isu perumahan. Jadi saya harap akan mendapat sokongan daripada semua.

Pembaharuan pertama, perkara *fundamental* ataupun perkara asas yang perlu dibaiki di negara ini ialah pengiktirafan rasmi hak perumahan sebagai hak asasi manusia. Bagi tujuan ini saya mencadangkan agar Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan diri dipinda untuk memasukkan pengiktirafan terhadap hak perumahan memandangkan kebebasan diri itu patut merangkumi suatu kehidupan yang berkualiti.

Cadangan saya ialah untuk meminda Perkara 5 tersebut dengan memasukkan Artikel ke-25, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berbunyi, setiap manusia mempunyai hak ke atas piawai kehidupan yang mencukupi bagi kesihatan dan kesejahteraan diri dan keluarga termasuk makanan, pakaian, perumahan dan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial yang diperlukan dan perlindungan daripada risiko pengangguran, penyakit, kecacatan, kematian pasangan, hari tua, dan apa-apa kekurangan dalam kehidupan di luar kawalannya.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa hak perumahan ini perlu dilindungi tanpa mengambil kira status pendudukan termasuklah untuk kaum peneroka. Ini adalah selaras dengan saranan-saranan badan hak asasi manusia antarabangsa, contohnya *The Committee of Economic, Social and Cultural Rights of the United Nations*.

Pembaharuan kedua, saya menyeru agar Dewan yang mulia ini menggubal suatu akta yang sesuai sebagai memberikan ungkapan ataupun *to give expression* terhadap hak perumahan ini dan juga kepada Perkara 13(1), dan Perkara 13(2), Perlembagaan Persekutuan iaitu tentang hak tentang harta. Saya petik di sini Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan kita, tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan ataupun penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Sebenarnya tanpa sebarang pindaan sekalipun, kini kaedah pengusiran paksa yang dilakukan ke atas peneroka di seluruh negara jelas bercanggah dengan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Dalam sesetengah kes, jentera kerajaan seperti polis, pihak berkuasa tempatan telah digunakan untuk melaksanakan pengusiran paksa ini. Justeru, kita perlu tegas dan kita perlu ada undang-undang baru untuk memperbetulkan keadaan. Antara objektif undang-undang baru tersebut termasuklah:

- (i) memberi ungkapan kepada hak perumahan ataupun *to give expression to the rights to housing* berasaskan konsep yang didukung oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang merangkumi tujuh perkara:
 - (a) perlindungan hak pendudukan (*the security of tenure*);
 - (b) ketersediaan perkhidmatan, barangan, kemudahan dan infrastruktur;
 - (c) mampu milik;
 - (d) kebolehhunian (*habitability*);
 - (e) kebolehcapaian (*accessibility*);
 - (f) lokasi; dan
 - (g) kebudayaan.
- (ii) undang-undang baru ini untuk menubuhkan sebuah Pihak Berkuasa yang boleh dirayu untuk menuntut hak perumahan tersebut selaras dengan cadangan Almarhum Sultan Azlan Shah dalam kes Sidek bin Haji Muhamad.
- (iii) penentuan secara jitu satu formula pampasan memadai dalam sebarang kes pengusiran berdasarkan konsep hak perumahan dan juga Perkara 13 Perlembagaan persekutuan. Pampasan yang memadai perlulah berasaskan prinsip rumah ganti rumah;
- (iv) perlindungan kepada hak-hak tanah adat dan tanah warisan;
- (v) larangan terhadap sebarang pengusiran paksa; dan
- (vi) undang-undang baru tersebut mestilah menjurus ke arah pemutihan terhadap peneroka di seluruh negara, tidak kira status pendudukan.

Untuk masa kini, sebenarnya penempatan peneroka seperti Kampung Permatang Tok Subuh sudah pun diiktiraf melalui pemberian nombor patel alamat dan dikenakan cukai pintu PBT. Justifikasi saya untuk pemutihan ini amat mudah. Jika rakyat berhak ke atas perumahan, dan jika kerajaan gagal menyediakan perumahan yang mencukupi maka kerajaan perlu membenarkan rakyat menyediakan perumahan tersebut walaupun melalui kaedah penempatan tidak formal.

Saya percaya rakyat jelata terutamanya rakyat miskin akan mengalu-alukan perundangan baru ini dan saya juga yakin sektor swasta termasuk pemaju dan pemilik hak milik akan merasa lega jika ada satu perundangan yang bakal memberikan ketentuan yang hakiki terhadap projek-projek pembangunan. Saya jelaskan, kaedah masa kini yang sering kali menggunakan teknik pengusiran paksa sudah lapuk dan jelas akan membawa imej buruk kepada syarikat swasta.

Tambahan pula, oleh sebab tidak ada satu formula yang stabil dan tetap maka *ex gratia* yang ditawarkan pada masa kini adalah berkadar kepada berapa orang ahli politik; berapa buah parti politik; berapa buah pertubuhan- NGO yang terlibat dalam sesuatu isu ataupun kes pengusiran?

Ini menyebabkan pihak swasta tidak dapat meramal kos projek mereka. Silap hari bulan jika terlalu ramai ahli politik yang campur tangan dalam kes pengusiran, mungkin kena rugi beratus ataupun berjuta-juta Ringgit. Dengan perundangan baru ini akan wujud *predictability*. Kalau hendak buat kerja-kerja pembangunan, maka kos-kos pampasan memadai yang termaktub dalam formula *statutory* sudah pun diambil kira.

■1620

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bukit Mertajam, ringkaskan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ya, okey. Hilang *flow* saya pula [*Ketawa*] Ini pembaharuan ketiga, Kanun Tanah Negara ialah perundangan utama berkaitan milikan tanah. Jadi saya rasa kita kena- kalau kita mengiktiraf hak perumahan secara rasmi, mungkin perlu membuat pindaan, beberapa pindaan kepada Kanun Tanah.

Saya percaya, apa yang saya cadangkan di sini tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang kita amalkan. Contohnya, "*No adverse possession against the State*", seksyen 48, Kanun Tanah, prinsip *indefeasibility of the title*, seksyen 92 ataupun mana-mana kuasa kerajaan secara am di bawah Kanun Tanah ini. Jadi pindaan yang saya cadangkan kepada Kanun Tanah adalah pindaan seksyen 79 untuk memasukkan hak perumahan sebagai perkara untuk dipertimbangkan semasa memberi hak milik tanah oleh kerajaan dan pindaan kepada seksyen 425 untuk mengiktiraf...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, boleh mencelah sedikit.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Masa tidak banyak. Okey, setengah minit, setengah minit.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Hendak tanya tentang hak perumahan dengan hak pemilikan perumahan, ada dua perkara berbeza. Jadi, sudut manakah Yang Berhormat Bukit Mertajam menyatakan hak perumahan itu? Hak pemilikan atau hak perumahan?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tadi saya pun ada...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Minta diperjelaskan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ya. Saya ada katakan tadi beberapa sifat iaitu tujuh sifat yang telah dirumuskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya minta Yang Berhormat Menteri boleh rujuk balik sebab kesuntukan masa, hak perumahan.

Seksyen 425 (Pindaan), untuk mengiktiraf hak perumahan sebagai perlindungan daripada kesalahan pendudukan tanpa kebenaran tanah kerajaan atau tanah rizab.

Keempat, ada dua lagi sahaja. Bagi memastikan pembaharuan keempat ini, bagi memastikan hak perumahan terpelihara dalam tempoh undang-undang di atas dipinda dan digubal, saya cadangkan satu tempoh moratorium terhadap pengusiran baru untuk masa setahun dan tempoh ini boleh dilanjutkan sekiranya perlu.

Pembaharuan kelima, sudah tentu kalau hendak bincang tentang hak perumahan, kita tidak lari daripada tanggungjawab kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri ataupun kerajaan setempat untuk menyediakan rumah mampu milik. Saya di sini hendak petik Dasar Perumahan Negara 2011 yang mana saya rasa dasar itu tidak langsung menyebut tentang perumahan sebagai hak. Malah apabila dibaca, perumahan seakan-akan dianggap sebagai komoditi. Jadi saya rasa kerajaan perlu mengubah hala tuju Dasar Perumahan Nasional ini agar melindungi nilai guna ataupun *the use value* untuk perumahan terutamanya bagi golongan kelas rendah dan menengah.

Akhir sekali, pembaharuan keenam yang saya hendak sarankan di sini adalah supaya untuk memantau, untuk mengkaji, untuk memimpin, menyelia semua ini saya sarankan agar sebuah jawatankuasa pindaan Perlembagaan *bipartisan* yang turut merangkumi wakil Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, pakar perundangan dan wakil masyarakat sivil ditubuhkan.

Terima kasih atas peluang untuk berbahas. Saya harap rakan-rakan saya di sini akan menyokong cadangan yang saya bangkitkan di sini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

4.27 ptg.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu prihatin atas kesinambungan dan juga kesejahteraan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang telah diubahsuaikan oleh kerajaan baru-baru ini dalam menangani suasana ekonomi yang mencabar telah menunjukkan satu petunjuk yang begitu bermakna dalam satu kepentingan yang semua projek yang telah dirancang akan diteruskan. Perlulah kita mengambil sikap yang positif daripada sikap kerajaan yang begitu responsif, tangkas dan juga reseptif dalam menangani dan juga mengembangkan ekonomi kita.

Saya mohon supaya agensi-agensi kerajaan seperti pihak EPU, UKAS, TERAJU, PEMANDU dan lain-lain agensi yang menjurus kepada kepentingan ekonomi negara melihat kepada perkara-perkara yang boleh mengambil sikap positif seperti mana yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu elemen-elemen yang menyokong ekonomi kerajaan seperti skim-skim *privatization*, dengan izin, skim-skim *financial* PFI, skim-skim ataupun geran-geran yang melihat kepada perkara-perkara inovasi yang perlu dibantu oleh pihak kerajaan melalui EPU, contohnya, dan bukan sahaja EPU dan juga UKAS melihat kepada cadangan-cadangan ini dari sudut *company* ataupun *character based* ataupun *personality based* tetapi melihat kepada cadangan-cadangan ini dari sudut mereka inilah penggerak-penggerak ekonomi negara kita yang perlu dibantu.

Seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi, 'ekonomi merdeka'. Satu aspek ekonomi yang mungkin kecil buat masa ini tetapi mungkin menjadi satu ekonomi yang boleh membantu kerajaan dan juga pengusaha-pengusaha dalam kita menjayakan pembangunan negara dan juga pembangunan insan ekonomi di negara kita. Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan dan semua agensi terlibat mengambil sikap yang fleksibel, yang responsif dan reseptif untuk melihat kepada perkara-perkara yang boleh membantu kepada sudut-sudut ekonomi yang perlu kita melibatkan ataupun melibatkan diri kita melalui skim-skim yang sedia ada dan juga bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Saya hendak beri contoh dalam kes EPU, ada cadangan-cadangan yang telah lama telah dilakukan dalam satu bentuk penuaian *robotic mechanization* tetapi respons dan juga *reception* ataupun penerimaan daripada badan-badan agensi sedemikian agak lambat, apatah lagi dengan keadaan sekarang apabila suasana ladang ataupun kelapa sawit tidak dapat dituai oleh sebab pembekuan pekerja asing. Maka sekiranya perkara ini telah dibuat pada peringkat awal, satu usaha *mechanization*, satu usaha untuk penjenteraan, penuaian sekiranya telah dilakukan ataupun telah dibuat lama ataupun sudah matang teknologinya, maka saya percaya perkara ini dapat kita lakukan di pihak ladang-ladang khususnya di ladang-ladang sawit.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada pembekuan pekerja asing, saya ingin menyebut sedikit tentang data-data yang kita lihat yang mana keperluan ladang khususnya ladang-ladang sawit ada keperluan seramai 16,103 orang mengikut data-data yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Minyak Sawit yang mana keperluan 16,000 ini telah memberi kesan sebanyak 10 juta tan buah kelapa sawit yang tidak dapat dituai dalam keadaan pasaran yang kini dalam 2,400, dahulunya bernilai RM4.88 bilion yang telah dibazirkan. Jadi, ini merupakan 10 peratus daripada keseluruhan hasil daripada pengeluaran ataupun produktiviti sawit iaitu mencecah RM50 bilion hingga RM60 bilion setiap tahun.

Jadi saya lihat selain daripada kita menjenterakan ataupun kita melihat kepada *mechanization* dan juga menggalakkan pelabur-pelabur ataupun pekerja-pekerja tempatan untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan yang dianggap 3D iaitu *difficult, dangerous and dirty* dan kita boleh lihat perkara-perkara ini. Saya mohon pihak KDN boleh memberi keutamaan kepada kelonggaran untuk keperluan pekerja di ladang ini kerana pekerja ladang tidak memberi masalah, pekerja-pekerja asing dari ladang tidak memberi masalah yang besar kepada negara berbanding dengan pekerja-pekerja asing yang terlibat dalam sektor-sektor lain. Ini kerana mereka ini duduk di ladang, *isolated* dan tidak memberi kesan negatif kepada negara. Jadi saya harap pihak kementerian dapat memberi sedikit fleksibiliti dan juga prioriti kepada perkara-perkara yang telah saya nyatakan khususnya pekerja-pekerja ladang yang mana kita akan kehilangan lebih kurang 10 juta tan buah kelapa sawit yang tidak dapat dituai.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang perkara yang ekonomi yang kita kadang kala terlepas pandang, *take for granted* iaitu sungai-sungai ataupun tasik-tasik. Saya merujuk kepada air tawar iaitu sungai-sungai dan juga tasik-tasik air tawar yang tidak diusahakan. Saya ingin memohon kepada pihak kerajaan memberi sedikit data, besar mana jumlah *Gross National Income* (GNI) yang terhasil dari sungai-sungai daripada tasik-tasik yang mana sungai-sungai dan semua kawasan Parlimen terlibat.

■1630

Kita mempunyai sungai-sungai yang begitu indah tetapi tidak dimanfaatkan sebagaimana yang dimanfaatkan oleh generasi kita terdahulu. Kalau kita lihat kampung-kampung sekarang ini dianggap sebagai pendalaman tetapi sebenarnya kampung-kampung ini sebenarnya adalah di barisan hadapan. Oleh sebab dulu sungai itu merupakan laluan atau *highway* utama yang mana kampung-kampung terletak di pinggir sungai. Jadi, sekarang oleh sebab jalan yang memasuki kampung itu terlalu jauh, kita menganggap bahawa kebanyakan kampung itu tersorok ataupun duduk di ceruk. Sebenarnya, kampung-kampung inilah merupakan di pinggir sungai yang menjadi hasil utama kepada penduduk-penduduk.

Kita lihat sekarang ini hasil-hasil sungai, tangkapan ikan-ikan air tawar begitu baik harganya seperti ikan patin, ikan baung, ikan temoleh. Apatah lagi dengan ikan yang spesiesnya yang digemari ramai, kelah, empurau, semak yang mencecah ratusan Ringgit 1 kilogram, malahan lebih daripada RM1,000 satu kilogram. Jadi, kita lihat perkara-perkara ini, ekonomi yang boleh dihasilkan daripada potensi yang boleh dijanakan oleh sungai-sungai, tasik-tasik di Malaysia ini perlu kita lihat.

Saya mohon supaya pihak kerajaan melihat kepada perkara ini untuk kita manfaatkan sepenuhnya potensi yang boleh kita dapat daripada sumber air tawar, sumber sungai dan juga sumber tasik-tasik. Selain daripada air boleh menjanakan api melalui penjana hidro-hidro dan perkara-perkara ini boleh kita lihat sebagai satu sektor baru yang mana kerajaan perlu lihat kepada potensi sungai dan juga potensi lombong-lombong yang terdapat di dalam negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Jadi, saya akhiri dengan kita terima melihat agar merujuk semula kepada perkara-perkara yang kita kadangkala terlepas pandang. Sedangkan di hadapan mata kita satu hasil, satu kurniaan yang telah diberikan kepada Tuhan untuk kita sama-sama menjayakan. Jadi, dengan itu saya setuju dan menyokong penuh Titah Seri Paduka Baginda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

4.32 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas mengenai Usul Menjunjung Kasih ini.

Jadi, saya akan memulakan ucapan saya dengan membaca sebuah hadis dari Rasulullah SAW. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, di mana hadis itu berbunyi- hadis yang panjang, saya akan membaca sebahagian sahaja. Di mana Rasulullah SAW... [*Membaca sepotong hadis*]

Maksudnya, Rasulullah memberikan satu peringatan kepada seorang sahabat Rasulullah iaitu Usama Ibnu Zaid yang minta supaya satu hukuman tidak dikenakan ke atas seorang penjenayah. Rasulullah memberikan peringatan dengan mengatakan, sesungguhnya telah musnah orang-orang sebelum kamu adalah apabila daripada kalangan mereka itu golongan yang ada kedudukan, noble, syarif, mereka tidak kenakan hukuman ke atas orang yang melakukan kesalahan mencuri dan sebagainya.

Akan tetapi sekiranya yang melakukan perbuatan jenayah itu orang-orang yang daif, orang yang miskin, orang yang mungkin tidak ada kedudukan dalam masyarakat, kamu akan laksanakan hukuman itu. Demi Allah, kalau sekiranya anak aku Fatimah, puteri yang aku sayang, Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku akan potong tangannya. Jadi, saya mulakan dengan hadis ini Tuan Yang di-Pertua, kerana baru-baru ini kita didedahkan bagaimana kisah yang agak menyayat hati juga. Seorang ibu yang berketurunan India terlibat dengan kes curi. Mencuri sepeket Milo, umur 36 tahun, mencuri di sebuah pasar raya, terlibat dengan mencuri sepeket Milo sahaja, didakwa di mahkamah. Dalam proses dia mengaku salah dan juga meminta supaya hukuman ringan itu, dia menyatakan bahawa, "*Wahai majistret, saya mencuri kerana anak saya yang berumur 2 tahun.*"

Dilaporkan boleh kata viral di media-media. Majistret telah mengenakan hukuman RM200 sebagai denda dan juga hukuman 1 hari penjara. Kalau tidak bayar denda itu, maka dia akan dikenakan hukuman 5 hari. Beliau tidak ada duit untuk bayar RM200, maka terpaksa pergi ke penjara. Akan tetapi ada satu pasangan, tak silap saya di Klang, di Kajang, yang telah membayar denda itu tetapi sempat jugalah masuk penjara itu. Kami beberapa orang Ahli Parlimen dari Pakatan Harapan telah menulis surat ke Mahkamah Tinggi untuk diminta mahkamah *review* keputusan itu di bawah seksyen 323, Kanun Prosedur Jenayah. Pendirian kami jelas, kita tidak *condone*, dengan izin, perbuatan mencuri.

Akan tetapi di sana ada hukuman lain yang boleh dikenakan ke atas orang seperti ini, kes seperti ini, *the nature of the offence, so trivial*. Mencuri kerana anak yang hendak minum Milo, kalau dia hendak mencuri banyak sudah tentu dia sudah ambil banyak peket tetapi dia mengambil sepeket sahaja kerana anak dia hendak minum Milo. Jadi, kita minta hukuman ini dikenakan sepatutnya di bawah seksyen yang dipanggil *bond over*, di bawah CPC 173A. Jadi, inilah yang berlaku dalam masyarakat kita.

Kita melihat orang yang tak ada kedudukan seperti mana kata Rasulullah kata tadi. Bila orang yang miskin mencuri, kamu kenakan hukuman. Sekarang ini di hadapan kita, kes yang begitu jelas. Saya akan menyatakan kenapakah Peguam Negara tersilap kerana tidak mahu mendakwa Perdana Menteri. Saya merasa hairan sebab bagi saya, seksyen 23 subseksyen 1 dan juga seksyen 25, subseksyen 1, Akta SPRM 2009 jelas berdasarkan keterangan, berdasarkan fakta, berdasarkan apa yang semua orang tahu daripada segi faktanya yang telah menjadi *common knowledge*. Adalah jelas sebenarnya memang beliau, Perdana Menteri boleh didakwa.

Saya kata beliau boleh didakwa di bawah seksyen 73, saya bacakan seksyen 73, Akta SPRM iaitu Akta 694. "*Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya melakukan suatu kesalahan*". Okey, ada beberapa frasa dalam seksyen ini perlu kita lihat. Pertamanya, 'mana-mana pegawai badan awam'. Adakah Perdana Menteri termasuk dalam definisi 'mana-mana pegawai badan awam'? Untuk mengetahui sama ada Perdana Menteri boleh termasuk dalam fasa itu, kita boleh lihat seksyen 3, yang Akta 694 ini yang menyatakan, saya bacakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah seksyen 3 mendefinisikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, ada 10 minit lagi Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta maaf. Pegawai-pegawai. Saya- apa? Relaks la.

Okey, maksud "pegawai badan awam" mana-mana orang yang menjadi anggota pegawai, pekerja atau perkhidmatan sebuah badan awam, termasuk anggota pentadbiran, Ahli Parlimen dan sebagainya. So, jelas Perdana Menteri adalah terlibat atau termasuk dalam definisi ini.

Keduanya, seksyen 73 menyatakan, dia menerima suapan. Apa dia definisi "suapan"? Kita boleh lihat dalam seksyen 3. Oleh sebab Perdana Menteri menyatakan bahawa ini adalah *donation*, derma. Dia kata bukan untuk dirinya sendiri tetapi untuk orang lain iaitu UMNO. Terlibat dalam pilihan raya, untuk gunakan kempen dalam pilihan raya. Kita lihat perkataan "suapan" dalam seksyen 3 termasuk derma, ini boleh dilihat dalam seksyen 3.

Seterusnya, kalau dia kata dia ambil "suapan", itu atau pun derma itu bagi diri dia sendiri. Katakan dia kata bukan untuk diri dia sendiri tetapi bagi "sekutunya"- perkataan "sekutunya" juga diterjemahkan dalam seksyen 3 yang bermaksud- termasuklah dalam mana-mana organisasi yang dia terlibat. So, organisasi di sini adalah UMNO, Barisan Nasional yang terlibat dalam pilihan raya.

■1640

Jadi, jelas berdasarkan seksyen 23(1) ini, segala elemen yang boleh membentuk satu kesalahan telah pun wujud dan ini boleh digunakan oleh Peguam Negara untuk dakwa Perdana Menteri. Itu yang kita hairan kenapa tidak digunakan seksyen 23 ini. Apatah lagi seksyen 23 subseksyen 2 pula ada satu *presumption clause* yang mengatakan bahawa bagi maksud...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Bagi maksud subseksyen (1)...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, saya habiskan dulu. Seorang pegawai badan awam hendaklah dianggap sehingga kesnya dibuktikan telah menggunakan jawatannya. Maknanya walaupun mungkin dia dikatakan tidak gunakan jawatannya tapi seksyen 23 subseksyen 2 ini jelas ada satu dipanggil *presumption clause* yang membenarkan mahkamah membuat anggapan.

Ya, Yang Berhormat Setiu ya. Sikit sahaja Yang Berhormat Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Sepang boleh gulung.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang ya. Yang Berhormat Sepang yang dianggap peguam yang handal ini.

Yang Berhormat Sepang bercerita berkenaan dengan pendakwaan dan pertanyaan kenapa Perdana Menteri tidak dituduh bawah seksyen sekian, sekian. Sedar tidak Yang Berhormat Sepang bahawa pendakwaan ini adalah kuasa mutlak kepada pendakwa raya? Dan kita...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti, nanti, nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Masa, masa.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sabar dulu, sabar dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya faham.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kuasa diberi bawah 145(3), bukan? Jadi yang saya hendak tahu sekarang ini, maknanya kalau orang biasa atau orang awam yang beritahu sesuatu berkenaan dengan- oh, PM salah kerana sebab-sebab sekian. Pengetahuan umum yang disebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey, cukup.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi dengan pengetahuan umum, adakah dilihat kepada kertas siasatan itu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, sudah cukup, saya faham. Saya hendak katakan bahawa telah ada...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bermakna *final say* itu siapa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Setiu duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab itu saya tidak faham. Saya rasa...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Cukuplah. Tak faham tak apalah. Ini untuk orang yang faham sahaja.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini kita ambil, kita petik daripada luar, cerita luar, kita tidak tahu apa yang dalam kertas siasatan. Itu masalah dia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita pun tak tahu. Tak payahlah Yang Berhormat Setiu, tak payah hendak bela sangatlah benda ini. *Come on* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tak bela, saya hendak tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Duduk, duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang tahu tidak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sudah bagi masa, cukup.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang tahu tidak apa yang dalam kertas siasatan itu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tahu, saya tahu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya rasa Yang Berhormat Sepang tidak tahu apa dalam kertas siasatan. Kertas siasatan itu bercerita tentang fakta, *evidence*...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan seksyen 23(1) ini, adalah jelas bahawa Perdana Menteri telah melakukan kesilapan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Dari segi undang-undang kita tidak tahu apa yang jelas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ingin katakan bahawa telah ada keputusan malahan dalam mahkamah di Singapura pun menyatakan bahawa kuasa Peguam Negara di bawah Artikel 145 itu bukan kuasa yang mutlak. Perkataan '*may*' digunakan. Bermakna kata dalam keadaan tertentu, kuasa itu masih boleh dipersoalkan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di England ada kes di mana Peguam Negara...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita ada keputusan kes di mahkamah kita.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, saya sudah... *come on* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mahkamah Persekutuan kita jelas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *This is my floor, please.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mahkamah Persekutuan kita jelas dalam kes Long bin Samad, bukan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Alah, itu kes lama lah. *Come on* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya, sekarang kita tahu Long bin Samad jelas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Long Samad itu kes lama.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Even* mahkamah tidak boleh mengarahkan. Ini kita orang biasa hendak arahkan, peguam hendak arahkan, Ahli Parlimen hendak arahkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mahkamah pun tidak boleh arahan, macam mana kita boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini ada gangguan. Saya sudah cakap suruh duduk, tak nak duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini masalah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Masalahnya...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalah Yang Berhormat Sepang tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini yang masalah dia. Kalau Yang Berhormat Sepang faham tak apa. Saya cakap benda Yang Berhormat Sepang tak faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya faham, yang tak faham Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saja buat-buat tak faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak faham macam mana Yang Berhormat Setiu boleh tak faham.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Siapa tak faham? Artikel 145(3) jelas, kuasa yang luas kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Article 145(3), there was a decision...*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey. Kuasa...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada kes yang terbaru yang menyatakan boleh di *review*. *Come on* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya hendak tanya sekarang, mengikut kes Long Samad...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei, *you* tak *follow* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kes Long bin Samad di Mahkamah Persekutuan tahun 1974, apa keadaan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu kes lamalah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kes lama sama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Now* ada satu lagi kes.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itu Mahkamah Persekutuan, bukan mahkamah biasa, Mahkamah Persekutuan, mahkamah yang atas sekali.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okeylah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dia kata mahkamah pun tidak ada kuasa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Susahlah dia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini masalah bila bercakap dengan yang tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat .

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita beritahu dengan orang awam bahawa kuasa tidak ada kepada orang awam untuk memaksa pendakwa raya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini degil betul ini kenapa ini? Halau, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini kita bercerita... [Disampuk] Saya tidak bela siapa-siapa tetapi berdasarkan pengakuan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudahlah, elok cakap bela...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini kerana kita cerita luar, oh, ada kes, tetapi bila tengok kertas siasatan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak arahkan dia duduk?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hairan. Kenapa?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I mean*, kita hendak ajak Speaker...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab tidak faham, masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I am okay.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Sepang duduk Yang Berhormat. Kadang-kadang duduk atas kerusi Speaker ini kadang-kadang kita pun hendak rasa juga bagaimana kalau kita memberi gangguan kepada orang lain ketika berucap dan kita bangun terus berucap tanpa kebenaran Speaker. Saya faham Yang Berhormat Sepang berasa sakit sangat hati kenapa Yang Berhormat Setiu berdegil-degil. Begitu juga dalam keadaan ketika mana Ahli-ahli Yang Berhormat lain melakukan perkara yang sama. Sebab itu Tan Sri Speaker, saya dan rakan saya minta supaya perkara ini tidak berlaku dan mengikut peraturan mesyuarat yang telah kita putuskan bersama. Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak betulkan, saya tidak sakit hati langsung kecuali sebab masa. Kalau tidak, saya memang benarkan. *I am willing to debate.*

Saya hendak katakan bahawa dalam kes yang melibatkan Peguam Negara ini telah ada satu keputusan. Ada di negara-negara Komanwel, UK, kes yang melibat *Singapore*, memang kuasa itu boleh dibicarakan.

Satu lagi, kes Long Samad, walaupun itu kes Mahkamah Persekutuan, kita kena ingat apabila kita mentafsirkan Perlembagaan, Perlembagaan *is not ordinary act*. Even dalam kes pentafsiran Perlembagaan, doktrin *on stare decisis, judicial precedent*, tidak terpakai. Maknanya, walaupun ada penyelesaian di Mahkamah Persekutuan sekali pun, apabila melibatkan pentafsiran Perlembagaan, kita boleh melihat kembali dalam dimensi yang baru. Jadi ini kena fahamlah, Yang Berhormat Setiu kena faham.

Jadi yang keduanya saya hendak katakan bahawa Peguam Negara apabila beliau mengatakan sebahagian duit itu telah dipulangkan, ini menunjukkan bahawa- itu bagi saya, *reaffirm* bahawa memang ada satu kesilapan telah dilakukan yang patut diambil tindakan. Keduanya, beliau juga boleh didakwa di bawah seksyen 25. Okey, saya hendak bacakan seksyen 25 Akta SPRM... [Membaca petikan] "*Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan. Mana-mana orang yang diberikan, dijanjikan, atau ditawarkan apa-apa suapan...*" suapan termasuk derma. "*Dengan melanggar mana-mana peruntukan akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji, atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.*"

Jelas dia terima derma RM2.6 bilion dalam akaun dia. Persoalannya saya hendak tanya kepada Menteri, adakah dia beritahu kepada pegawai suruhanjaya SPRM? Kalau ada, bila dia bagi tahu? Kalau dia bagi tahu, apa tindakan yang telah dibuat oleh SPRM? Kalau tidak beritahu, jelas ini adalah satu kesalahan. Kalau dia beritahu kepada pegawai polis, bila dia beritahu kepada pegawai polis? Tarikh dia bila, siapa nama pegawai polis terima itu?

Semua butir ini kita minta didedahkan di sini. Kalau tidak, jelas bahawa di bawah seksyen 25 ini, Perdana Menteri boleh didakwa dan kalau didapati bersalah dalam kes ini, dia boleh didenda kesalahan dia ialah di bawah seksyen 25(1) hingga (4), dia boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Yang seksyen 23 tadi yang melibatkan di bawah seksyen 24 termasuklah hukuman dia ialah dipenjarakan selama tidak melebihi 20 tahun.

So bagi saya, ini semua jelas. Kalau dia kata dia terima- sebab, dia cuba hendak mengelakkan kononnya dia tidak melakukan kesalahan kerana itu adalah bukan daripada wang 1MDB. Sebab itu dia dengan *confident* mengatakan *donation*. Sedangkan dia tidak sedar di bawah Akta SPRM, *donation is part of* suapan, *bribery* dan ia adalah satu kesalahan dan dia juga adalah pegawai badan awam. Jadi saya hairan bagaimanakah Peguam Negara tidak boleh dakwa.

Jadi ini dia mungkin boleh bohong orang awam tetapi tidak boleh bohong kami sebagai peguam. Kami juga terlibat dalam membuat kes-kes jenayah, kita tahu. Jadi, itulah saya katakan tadi, apabila orang curi milo, begitu mudah kita dakwa. Akan tetapi apabila kes ini, pelbagai institusi dalam negara ini cuba *defend*. Juga, termasuklah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, tidak ada *conscience*, langsung tidak ada hati nurani, boleh menyokong tindakan salah yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Ini apa punya orang ini?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, jangan sebut Barisan Nasional. Kalau Barisan Nasional yang bercakap semua macam itu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak bagi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, ini masalah dengan Yang Berhormat Sepang ini. Saya tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini apa ini Barisan Nasional, Barisan Nasional?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak bagi. Saya sudah bagi tadi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: AMANAH lagi tak amanah ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, apa? BN apa, BN Barisan Nasional?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei, *I don't give you permission to stand up. Sit down.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa cerita pasal Barisan Nasional? Cakap melalut...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak ada melalut.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tak tentu pasal.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini kenapa ini? Pergi balik Setiu sana.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau sebut Barisan Nasional, saya pun parti Barisan Nasional.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap saya tak bagi. Kenapa dia bangun juga?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi, bercakap secara am.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau kita tidak faham jangan cakap orang lain tidak faham, itu masalah dia.

■1650

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Patutnya kena gulung sekali Yang Berhormat Setiu itu. Jadi saya mengatakan saya bagi contoh kita lihat sekejap kata duit ini diterima daripada Yang Berhormat Padang Rengas beritahu, Yang Berhormat Sri Gading kata semuanya berkisar tentang pilihan raya. Bermakna memang ada kepentingan untuk menang Yang Berhormat Pekan, untuk menang semua sekali. Ini semua menang, menang ini semua dengan duit RM2.6 bilion. Ini memalukan sebab itu saya kata kerajaan yang haram... [Dewan riuh]

Termasuk Yang Berhormat Tenggara itu menang dengan RM2.6 bilion malulah.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau tidak ada duit orang tidak undi. Ini yang malu. Jadi saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap supaya Peguam Negara sebab kita hendak suruh dia *review* mungkin susah. Jadi saya mencadangkan supaya satu Suruhanjaya Diraja dibentuk supaya Peguam Negara juga dipanggil untuk dihadapkan di bawah Tribunal Pesuruhjaya Diraja ini supaya kita dapat tahu bahawa kenapakah beliau tidak mahu dakwa.

Oleh sebab tadi kata mahkamah tidak boleh cabar. Baiklah kita minta supaya suruhanjaya. Begitu juga SRC, Timbalan Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa memang ada *priority* untuk dakwa. Kita lihat baru-baru ini Mukhriz mengatakan jelas duit ini digunakan di dalam pilihan raya. Jadi semua *evidence* ini tidak akanlah tidak cukup hendak mendakwa Perdana Menteri.

Jadi sebab itu bagi saya Peguam Negara, "*You are disgraceful to the nation*"... [Tepuk] Kamu adalah seorang yang memalukan dan saya ingin mencadangkan saya fikir sudah sampai masanya kita mesti membuat satu perubahan yang besar dalam Perlembagaan kerana sekarang Peguam Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri.

Saya mohon supaya Peguam Negara ini hanya menjalankan kerja pendakwaan semata-mata. Dia mesti dilantik kalau boleh oleh Parlimen ataupun dilantik oleh orang yang tidak ada kena-mengena dengan pemerintahan. Misalnya satu badan bebas. Sekarang ini Peguam Negara menjalankan dua peranan. Pertama dia adalah pendakwa raya mewakili kerajaan dan keduanya dia juga adalah seorang yang terlibat menjadi penasihat kepada kerajaan. Oleh sebab itu dalam kes yang melibatkan UEM dengan Lim Kit Siang, Datuk Yusri Abdul Kader mengatakan bahawa bagaimanakah kita boleh mengharap Peguam Negara dia menjalankan dua *role* ini secara adil.

Oleh sebab itulah sudah sampai masanya kita mewujudkan apa yang dipanggil jawatan *Advocate General*, sebagai contoh. Jawatan pendakwa raya yang bukan sebagai Peguam Negara. Dia khas untuk mendakwa sahaja dan dia boleh bertindak *without fear and favour*. Saya mencadangkan bahawa Dewan ini memikirkan dengan serius untuk kita memastikan jawatan Peguam Negara ini betul-betul jawatan yang dihormati bukan lagi milik jawatan yang sekarang ini dihina menjadi hina di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia sahaja.

Semua orang bercerita. Itu pun semasa dia buat *press conference* hendak melepaskan Perdana Menteri pun dengan senyum, meluat orang tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang cukup.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadilah Peguam Negara macam Switzerland itu orang nampak ada iltizam. Jadi yang terakhirnya sebelum saya nak untuk isu melibatkan kawasan. Pertamanya saya minta kalau boleh elau ataupun melibatkan elektrik dua kampung di Sepang iaitu yang melibatkan dua kampung Orang Asli iaitu melibatkan Kampung Bukit Jenuk dan Kampung Bukit Tunggul sampai sekarang BN perintah tidak ada elektrik, malu.

Kampung Bukit Jenuk ini 3 kilometer sahaja dengan Putrajaya. Tidak adapun elektrik saya minta supaya Menteri supaya ambil tindakan. Keduanya walaupun kerajaan memberikan tambang *special* untuk orang-orang OKU bagi perkhidmatan ERL tetapi saya mendapat kompelin walaupun kerajaan mengenakan potongan 30 peratus apabila tambang naik sebagai contoh ada seorang di Sepang menggunakan ERL daripada Salak Tinggi ke Putrajaya.

Dahulu harga dia RM2.10 tetapi bila naik tambang sekarang dia bayar RM3.30 walaupun dapat 30 peratus masih lagi bayar agak tinggi. Jadi saya mohon untuk orang-orang OKU ini kita mesti kekalkan harga sebelum naik itu supaya kita dapat sebab mereka OKU, Orang Kurang Upaya apa salahnya kita bersikap *merciful* kepada mereka. Jadi saya dengan ini minta supaya segala persoalan yang saya bangkitkan itu dapat dijawab oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah, 5 minit ya, Yang Berhormat Rasah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia minta 5 minit.

4.54 ptg.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Memandangkan masa tidak mengizinkan saya cuma ingin membangkitkan satu perkara sahaja di kawasan saya iaitu melibatkan isu pendidikan di mana baru-baru ini bila saya melihat laporan surat khabar ada beberapa sekolah di kawasan saya iaitu di Seremban dan juga di Rasah.

Kita telah pun memperlihatkan beberapa pengetua telah pun memberi kenyataan kepada akhbar bahawa peruntukan kepada sekolah-sekolah ini sebenarnya untuk tahun ini memang tidak mencukupi. Ketika mereka menyemak akaun sekolah, mereka barulah mengetahui bahawa sebenarnya tahun ini mereka cuma terima 64 peratus daripada apa yang sepatutnya diterima dan ia sebanyak sedikit telah pun menjejaskan operasi sekolah.

Dalam perkara ini saya memang amat berharap pihak Kementerian Pendidikan ataupun pihak kerajaan boleh memberi satu penjelasan ataupun mengambil tindakan yang sewajarnya supaya memastikan bahawa operasi di sekolah-sekolah khususnya di Seremban ini tidak akan dijejaskan disebabkan oleh kekurangan peruntukan.

Isu yang kedua iaitu apa yang saya ingin bangkitkan sebenarnya salah satu soalan yang saya sudah tanya dan telah pun dijawab oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia iaitu isu mengenai pihak JASA yang telah pun mencetakkan buku yang memberi penerangan 1MDB. Sebenarnya percetakan buku atau memberi penerangan itu saya rasa tidak ada masalah kepada kita semua. Itu adalah memang hak bagi pihak kerajaan untuk membuat penjelasan.

Cuma dari segi kos *printingnya* mencecah RM600,000 itu saya rasa pihak kerajaan ataupun pihak kementerian yang berkenaan perlu memberi satu jawapan yang munasabah kepada seluruh rakyat Malaysia kerana 1MDB merupakan salah satu syarikat di mana mereka telah menyebabkan banyak hutang tetapi saya tidak faham kenapa pihak kerajaan perlu menggunakan duit ataupun cukai rakyat untuk membayar kos penerangan kepada syarikat tersebut.

Saya rasa dalam perkara itu pihak kerajaan boleh memberi satu penjelasan di mana kita tidak hendak lihat sekolah kita tidak cukup peruntukan tetapi pihak JASA tutup mata boleh pakai RM600,000 *print* apa sahaja membuat penerangan kepada *public* mengenai isu 1MDB. Jadi terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Subang.

4.57 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong. Oleh sebab masa suntuk saya akan pergi terus kepada perbahasan saya. Tuanku Agong sudah sebut di perenggan 35 ucapan Tuanku tentang persepsi negatif berkaitan rasuah dan penyelewengan dan salah guna kuasa di negara kita.

Di sini saya pergi terus kepada tajuk tindakan Peguam Negara pada 26 Januari. Pada bulan Januari Peguam Negara sudah buat satu sidang akhbar dan umumkan bahawa setelah siasatan dibuat tidak ada apa-apa bukti untuk membabitkan Perdana Menteri dalam apa-apa tindakan salah ataupun tindakan jenayah.

Akan tetapi beberapa hari selepas pengumuman itu satu kenyataan yang sangat-sangat penting telah dikeluarkan oleh Peguam Negara Switzerland dan ini yang saya hendak rujuk sekarang, dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebab kenyataan Peguam Negara Switzerland bertarikh 29 Januari tahun ini. Tiga perenggan sahaja tetapi sangat penting sebab dia, Peguam Negara Switzerland kata mereka sudah mulakan siasatan berkaitan dengan 1MDB pada 14 Ogos 2015.

Mereka juga sudah bermesyuarat dengan Peguam Negara Malaysia pada 15 September 2015. Mereka kata siasatan mereka melibatkan mantan pegawai 1MDB dan beberapa orang-orang lain. Apa yang disiasat adalah kesalahan yang berkaitan dengan izin, saya sebut dalam bahasa Inggeris sebab ini ikut undang-undang mereka, *bribery of foreign public officials, misconduct in public office, money laundering* dan *criminal mismanagement* dan inilah ayat yang sangat penting dalam laporan kenyataan itu.

■1700

Saya baca perenggan kedua, "*The criminal investigation conducted by the Office of the Attorney General of Switzerland has revealed serious indications that funds have been misappropriated from Malaysian state companies*". Seterusnya dia kata, "*So far four cases involving allegations of criminal conduct and covering the period from 2009 to 2013 have come to light in this connection (relating to Petrosaudi, SRC, Genting/Tanjong and ADMIC)*". ADMIC Tuan Yang di-Pertua, ialah satu syarikat *joint venture* di antara 1MDB dan Aabar Investments iaitu syarikat yang dimiliki di Abu Dhabi oleh Kerajaan Abu Dhabi. Peguam Negara Switzerland berkata semua kes ini, saya teruskan dengan bahasa Inggeris, "*Each involving a systematic course of action carried out by means of complex financial structures*".

Dia teruskan, "*The sum suspected to have been misappropriated amounts to around USD4 billion; its intended purpose is the subject of further investigations*". Dia kata, "*So far it has been ascertained that a small portion of the money was transferred to accounts held in Switzerland by various former Malaysian public officials and both former and current public officials from the United Arab Emirates*". Ini juga, "*To date, however, the Malaysian companies concerned have made no comment on the losses they are believed to have incurred. The object of the request...*", request ini ialah permintaan mereka untuk dibawa undang-undang berkenaan kepada Kerajaan Malaysia. Dia kata, "*The object of the request for mutual assistance is therefore to advise the companies and the Malaysian government of the results of the Swiss criminal proceedings, with the aim of finding out whether losses on this scale have been sustained*".

Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, apa Peguam Negara Switzerland kata, mereka ada buat satu siasatan dan mereka sudah jumpa dengan Peguam Negara Malaysia, mereka dapati USD4 bilion, duit kita bukan duit mereka, duit kita telah *dimisappropriated* daripada syarikat-syarikat yang milik kerajaan kita. Dia sudah sebut 1MDB semua dan dia kata dia sekarang membuat permintaan untuk *mutual assistance*, bawa undang-undang *Mutual Legal Assistance Act* untuk membantu kita dengan maklumat yang mereka telah peroleh. Ini sangat memalukan Tuan Yang di-Pertua, sebab Kerajaan Switzerland kata dia hendak bantu kita dengan hasil siasatan mereka dan seolah-olah kita tidak mahu dengar daripada mereka.

Saya teruskan, ada komen daripada yang dilaporkan dalam *Wall Street Journal* dan ini bukan komen daripada wartawan atau orang biasa atau NGO, ini komen dari Pejabat Peguam Negara Switzerland juga.

Saya *just* baca secara ringkas, "*We are very concerned*", ini Swiss Attorney General, Michael Lauber, wakil dia sebut, OAG, Swiss Attorney General Spokesperson, Andre Marty, dia kata, "*We are very concerned. We have found evidence of suspicious money transfers-linked to 1MDB going through Swiss financial institutions and we believe that it is very important that it is shared with the Malaysian authorities*". "*There appears to have been a sizeable fraud taking place here, and we believe this should not be allowed to drop like this*". *Drop like this* maksudnya selepas Peguam Negara Malaysia mengumumkan tidak ada apa-apa kes dan akhirnya saya petik satu perenggan lagi, *Mr. Lauber said, "That strong evidence had been collected so far, without elaborating. Investigating cases of suspected financial wrongdoing is central to the integrity of Switzerland's financial center"*. He said, "*In this fight we need reliable foreign counterparts*".

Seterusnya kita pun sudah dengar daripada tulisan *Wall Street Journal* dalam *interview* yang dibuat oleh *Finance Editor* mereka, Encik Ken Brown dalam *interview* dengan ABC iaitu *Australian Broadcasting Corporation*. Encik Ken Brown berkata secara terus terang, secara *direct* dia kata duit RM2.6 bilion ini tidak diterima daripada sumber di Saudi atau seorang Arab, tidak. Duit ini diterima daripada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan 1MDB. Dia cakap secara *direct* dalam *interview* itu. Setakat ini kita tidak melihat Perdana Menteri buat apa-apa tindakan undang-undang, saman beliau atau minta apa-apa *injunction* dari mahkamah dan mencabar apa-apa ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan semua ini telah berlaku, imej institusi Peguam Negara memang sekarang sangat tercemar. Kewibawaan institusi itu memang tercela dan sebab itu saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi, kita perlu satu mekanisme yang berlainan, mekanisme untuk siasat lebih berkesan. Saya sokong dengan penuh satu Suruhanjaya Diraja dengan orang-orang yang cukup wibawa, yang bebas, berkecuali, *independent* dilantik untuk dapat membuat satu siasatan yang betul-betullah bebas untuk menentukan apa yang telah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Di sini saya kena sebut, saya rasa ini perlu sebagai satu peringatan kepada semua pihak yang sekarang berusaha untuk melindungi kebenaran berkaitan dengan kes ini juga melakukan kesalahan jenayah. Pihak yang curi duit itu telah melakukan satu jenayah, itu jelas dan satu hari nanti mereka akan mungkin kita haraplah sebab ini duit rakyat. Siapa yang curi duit rakyat mesti dibawa ke mahkamah dan dihukum.

Akan tetapi sekarang semua yang sekarang terlibat untuk menutup itu daripada mata rakyat, untuk menghalang siasatan dan ini terlibat, pegawai-pegawai yang dalam tempat-tempat yang tinggi, mereka juga bersubahat dalam satu jenayah. Kita kena lihat, kita kena ingat dalam undang-undang berkaitan dengan perlakuan jenayah, tidak ada batasan masa untuk dihadapkan ke mahkamah. Dalam bahasa Inggeris kita sebut, *there is no limitation for criminal wrongdoing*. Lima tahun daripada sekarang, 10 tahun daripada sekarang, 15 tahun daripada sekarang, kita boleh dihadapkan di mahkamah, didakwa dan dihukum kalau didapati bersalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan yang spesifik untuk dilontarkan dan saya harap dijawab. Saya harap pihak kerajaan akan menjawab dan tidak mengelak daripada menjawab. Soalan saya ialah, adakah pihak SPRM mengemukakan permohonan untuk *mutual legal assistance* di bawah Akta Mutual Legal Assistance dalam perkara jenayah kepada Pejabat Peguam Negara untuk mendapat bantuan dalam siasatan mereka berhubung dengan siasatan di beberapa negara lain termasuk Switzerland, Hong Kong, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura.

Jadi saya minta jawapan itu, adakah permohonan dibuat oleh SPRM dan saya juga difahamkan memang permohonan dibuat tetapi saya minta dibetulkan kalau itu tidak betul. Lepas itu, apakah yang dibuat dengan permohonan itu oleh Pejabat Peguam Negara? Adakah Peguam Negara melaksanakan permohonan itu yang diminta oleh SPRM dan akhirnya apakah hasilnya?

Soalan yang kedua ialah adakah negara-negara yang saya sebut, adakah pegawai-pegawai yang berkenaan dengan siasatan di negara-negara itu membuat permohonan yang sama kepada kerajaan kita seperti yang telah dibuat oleh Kerajaan Switzerland?

Berkaitan dengan kes Switzerland, saya minta diberitahu supaya Dewan yang mulia ini boleh diberitahu apakah tindakan susulan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia khususnya Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri, selepas permohonan untuk bantuan yang dibuat pada bulan Januari oleh Pejabat Peguam Negara Switzerland, apa yang telah dibuat seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik. Saya alih kepada satu tajuk lain, tetapi saya ringkaskan sahaja sebab Tuan Yang di-Pertua sudah minta saya menggulung. Ini berkaitan dengan cadangan kerajaan untuk membawa masuk 1.5 juta pekerja dari Bangladesh. Saya ada beberapa soalan. Satu ialah apakah alasan untuk kerajaan mengklasifikasikan perjanjian di antara G2G atau kerajaan ke kerajaan itu di bawah Akta Rahsia Rasmi dan kenapa kerajaan tidak membenarkan rakyat melihat dan meneliti kandungan perjanjian ini. Satu. Kedua ialah saya harap pihak kerajaan boleh memberitahu Dewan ini, apakah jumlah sebenarnya pekerja-pekerja asing yang didokumentasikan di dalam negara. Maksudnya yang *didocumented*, yang masuk secara sah dan ada dalam rekod.

■1710

Juga saya minta kita diberitahu oleh Dewan apakah jumlah pekerja-pekerja asing di dalam negara kita yang tidak didokumentasikan? Saya sudah tanya dulu saya dapat jawapan-jawapan berbeza. Ada yang saya diberitahu 2.5 juta, pada satu kali Menteri Sumber Manusia memberitahu lebih enam juta. Saya ingin tahu daripada dua-dua kementerian yang berkenaan Kementerian Sumber Manusia dan juga daripada Kementerian Dalam Negeri, apakah jumlah ini? Kalau angka lebih enam juta itu betul maksudnya jumlah pekerja asing dalam negara itu terlalu besar dan masalah ini mesti ditangani oleh kerajaan dan kalau jumlah yang tidak didokumentasikan itu sangat besar kenapa kita tidak memutihkan kedudukan mereka dan sebab tidak perlu kita bawa lagi 1.5 juta. Itu persoalan saya. Jadi saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh, lepas Yang Berhormat Pasir Puteh, Seputeh.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, ringkas sahaja saya ingin memulakan dengan ayat daripada Allah SWT untuk berucap sedikit menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, *Azubbillah minashaiyton nirrajeem...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] *"Wahai manusia ingatlah kamu akan nikmat-nikmat Allah kepada kamu, adakah tuhan yang lain menjadikan kamu selain daripada Allah? Dialah yang memberikan rezeki kepada kamu yang turun dari langit dan yang keluar dari bumi, tidak ada tuhan yang melainkan Dia kenapakah kamu berpaling daripada menyembahnya?"*

Segala yang diberikan kepada kita secara peribadi secara dalam masyarakat atau dalam negara. Semuanya ini adalah pemberian daripada Allah SWT dan bukan daripada makhluk-makhluk yang lain. Kita sebagai manusia hanyalah berusaha untuk mencari rezeki ini dan berdoa kepada Allah SWT supaya Allah menambahkan rezeki yang halal, yang baik kepada kita *Insyallah* dan mendoakan *Insyallah* kita akan menjadi negara kita juga menjadi... [Bercakap dalam bahasa Arab].

Yang Di-Pertuan Agong di dalam ucapannya mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa khas bagi menangani kenaikan kos sara hidup. Bermakna Tuanku amat prihatin dengan masalah yang dirasakan oleh rakyat Malaysia sekarang ini iaitu masalah kenaikan sara hidup. Kos barang-barang semakin tinggi, gaji semakin kurang dan ada juga di kalangan kita disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang kita tahu sebab-sebabnya terpaksa diberhentikan kerja dan sebagainya. Maka ini menambah lagi kerisauan atau kesusahan yang dialami oleh rakyat Malaysia.

Jadi Tuanku ingin menambahkan lagi bahawa kerajaan mesti menambah lagi bilangan barang-barang dalam senarai kenaan GST pada kadar sifar. Saya amat menyokong kerana kita tidak boleh elaklah kerana GST ini kerana kebanyakan negara-negara di dunia melaksanakan GST. Walaupun kita tidak bersetuju tetapi sudah pun dilaksanakan maka kita kena beri tumpuan kepada membanyakkan lagi barang-barang yang diperlukan oleh golongan bawahan B40 supaya barang-barang ini diberikan kadar sifar.

Kemudian Tuanku mengatakan lagi bahawa pengguna harus bijak berbelanja dan membezakan antara keperluan dan kehendak serta mengutamakan barang-barang tempatan. Ini adalah suatu yang kita kena sebarkan dan kita kena hayati kerana memang manusia ini memang sifat dia mengikuti nafsu dia, suka mengikuti nafsu dia. Gaji tidak seberapa tapi ingin membeli barang-barang melebihi keupayaan dia. Keperluannya tidak banyak, keperluan kita sekarang ini tidak banyak mungkin sebahagian sebagai kehidupan kita ini mungkin kita perlu pakai RM 1000 sebulan sahaja untuk makan kita dan anak-anak kita dan keperluan asasi kita. Akan tetapi gaji kita RM 10 000 tidak cukup juga, kenapa? Kerana nafsu kita melebihi daripada keperluan kita.

Lebih-lebih lagi kita lihat kepada diri kitalah. Kalau kita Menteri, Perdana Menteri gaji kita berapa? Dan berapakah yang kita belanjakan? Nafsu kita lebih daripada keperluan kita. Dalam dunia yang agak susah sekarang ini dan mencabar, ekonomi yang merudum, harga minyak yang jatuh kita kena kawal dan contoh yang paling penting mesti daripada Perdana Menteri, bermula dengan Perdana Menteri dan keluarganya. Bermula di situ kalau contoh ini tidak di situ rakyat tidak akan mengikut.

Kalau Menteri-Menteri pun begitu juga, kalau wakil-wakil rakyat termasuk saya begitu juga mengikut nafsu bertukar kereta sahaja kerana kita ada AP, kita ada itu kita mahu tukar kereta sahaja. Maka ini mengikut nafsu tidak mengikut keperluan. Kita sudah ada kereta tapi kereta dari Sungai Siput, kereta dia, harga dia tidak sampai RM 10 000 dia pakai kereta itu sahaja. Kita mencari kereta yang berharga berjuta, apa hal ini, hendak cari Vellfire, hendak cari Mercedes, hendak cari Audi. Ini suatu yang masalah kita. Adakah ini yang disuruh oleh agama kita? Tidak sekali-kali.

Oleh sebab itu saya menyeru pada kita semua khususnya pada Menteri-menteri dan Perdana Menteri sendiri supaya memerhati apa yang ditegur oleh Tuanku kita Yang Di-Pertuan Agong supaya *Insyah-Allah* rakyat kita akan mengikut, rakyat akan ikut pemerintah tetapi kalaulah pemerintah kita begitu rakus mengikut nafsunya maka rakyat akan begitu juga dan inilah kita hadapi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Ini yang kita hadapi sekarang. Anak-anak muda kita berbelanja lebih daripada *income* mereka dan ramai di kalangan mereka sudah bankrap tidak boleh membayar hutang-hutang mereka. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Kos rumah naik begitu meningkat.

Di sini kita semua hendak rumah, saya bersetuju keperluan asasi kita pada rumah tetapi tidak semestinya kita membeli rumah, rumah sekarang berharga RM 300,000, RM 400,000 sewa sahajalah dan satu lagi setinggan tanah-tanah kerajaan kita pergi bina rumah-rumah di situ dengan harga yang cukup murah dan saya harap pihak kerajaan jangan menganiayai setinggan ini kerana mereka tidak ada pilihan itulah keupayaan mereka untuk hidup di dalam kota raya atau di bandar-bandar besar dan berilah bantuan penting apabila kita hendak ambil tanah mereka binalah rumah-rumah yang sesuai untuk mereka dengan sewaan, sewa sahaja kepada mereka. Kerajaan bina flat-flat yang banyak yang tinggi-tinggi disewakan kepada setinggan-setinggan ini. Ambillah tanah mereka tidak apa tidak ada masalah itu tanah milik kerajaan itu tanah milik syarikat ambil tetapi gantikan dengan rumah-rumah yang mampu sewa tidak payah mampu milik, beli tidak payah mampu sewa, kerajaan bina rumah-rumah ini.

Oleh kerana masa tidak mencukupi saya ingin masuk satu isu lagi dua isu sahaja saya hendak sentuh iaitu masalah gejala sosial anak-anak muda khususnya. Kenapa anak-anak muda sekarang ini kita rata-rata terbawa kepada masalah isu gejala sosial? Di mana silapnya? Maka selalunya kita akan mengatakan ini salah kerajaan, ini salah sekolah bagi saya ini salah ibu bapa.

Ibu bapalah yang mula-mula sekali yang mendidik anak. Bermakna sekarang kita tidak mendidik ibu bapa dengan betul sehingga baru ibu bapa ini tahu untuk mendidik anak-anak. Jadi kita kena perbanyakkan lagi sekolah-sekolah untuk ibu bapa ini untuk mendidik anak-anak ini biar menjadi anak-anak yang baik.

Sekolah-sekolah mesti ada kelas khas untuk ibu bapa, PIBG ibu bapa ini supaya mereka ini boleh menjaga anak-anak mereka ini menjadi anak-anak yang soleh bukan kerja sekolah sahaja tapi untuk mendidik dan membentuk anak ini.

Di samping itu, kurikulum kita saya rasa untuk mengawal gejala sosial ini kita hanya perlu kepada mereka ini bertakwa kepada Allah. Orang Islam takut kepada Allah, orang bukan Islam dia mempunyai akhlak yang baik, *civic consciousness* yang tinggi. Kita akan lihat gejala sosial akan berkurangan. Maka saya menyarankan supaya diwajibkan pelajaran agama dan juga pendidikan akhlak di sekolah rendah ke sekolah menengah. Biar mereka ini *Insyah-Allah* dapat dikawal, dibentuk menjadi anak-anak yang soleh.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan minta maaf banyak lagi tapi tidak apalah saya beri kepada kawan-kawan saya... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] terima kasih dan saya menyokong ucapan Agong yang kita dengar beberapa hari yang lepas. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

■1720

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan membaca dengan cepat.

*'Kerbau dipegang tali hidungnya,
Manusia dipegang pada katanya'.*

Janji tetap janji, apatah lagi perjanjian tersebut dibuat oleh pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, selepas pengumuman peperiksaan SPM 2013, 744 orang pelajar yang mendapat keputusan SPM yang cemerlang telah diberikan Bursary untuk menuntut program Pre-u dalam Malaysia dan mereka dijanjikan akan mendapat biasiswa untuk menyambung pengajian di luar negara selepas mereka mendapat tawaran daripada universiti yang terkenal di luar negara. Pada awal tahun ini, beberapa orang pelajar diberikan tawaran oleh universiti bertaraf dunia seperti Universiti Cambridge, Kolej Imperial dan Universiti Melbourne. Akan tetapi kesannya, janji kerajaan kepada mereka dimungkirkan oleh Perdana Menteri dalam pengubahsuaian Bajet 2016 yang mana kerajaan hanya akan memberikan biasiswa kepada pelajar untuk belajar di universiti awam dan swasta tempatan.

Selepas itu, JPA malah mengumumkan melalui laman webnya bahawa biasiswa telah ditukar kepada pinjaman dengan beberapa syarat iaitu penerima Bursary diwajibkan untuk bekerja sebagai pegawai kerajaan. Sekiranya penerima Bursary ini bekerja di syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC, mereka perlu membayar balik 50 peratus daripada jumlah biasiswa kepada kerajaan. Bagi mereka yang memilih untuk bekerja di sektor swasta, mereka perlu memulangkan jumlah biasiswa penuh kepada kerajaan. Pelajar-pelajar cemerlang tersebut merupakan tonggak negara pada masa depan. Mereka bukan peminta sedekah. Mereka telah dijanjikan bahawa mereka akan mendapat biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan untuk belajar di luar negara. Mereka hanya meminta apa yang ditawarkan oleh kerajaan kepada mereka. Kenapakah kerajaan memungkirkan janji terhadap mereka?

Mengikut laporan *The Star* yang menyatakan ramai masih tidak jelas sama ada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang seperti 9A+ dalam SPM dalam tahun ini akan mendapat biasiswa Bursary, JPA ataupun tidak kerana laman web untuk permohonan program ini telah dihentikan sekarang. Pada tahun lepas, Perdana Menteri menghentikan Program Latihan Khidmat Negara dalam pengubahsuaian Bajet 2015 dan ia menjimatkan RM400 juta dana kerajaan. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menghentikan Program Latihan Khidmat Negara dan gunakan dana tersebut untuk membiayai pelajaran bagi pelajar-pelajar cemerlang. Saya juga ingin menyeru Kementerian Pendidikan dan JPA meneruskan program Bursary ini supaya pelajar yang mendapat keputusan akademik yang cemerlang dapat meneruskan pengajian mereka melalui program Bursary, JPA.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pelancongan dan Perdana Menteri telah beberapa kali mengumumkan pelaksanaan pengecualian visa ataupun *Visa Free* diberikan kepada pelancong dari negara China ke Malaysia. Akan tetapi, keputusan ini tidak ditunaikan dan ditunda beberapa kali. Saya difahamkan apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam ucapan pengubahsuaian Bajet 2016 ialah kerajaan akan melaksanakan pengecualian-pengecualian visa bagi pelancong dari negara China bermula 1 Mac 2016.

Akan tetapi selepas itu dasar pengecualian visa ditukar kepada permohonan visa *online* dengan bayaran USD20 dan dua minggu selepas tarikh permohonan visa *online* dilaksanakan, syarikat swasta yang memproses visa ke Malaysia di negara China iaitu Ultra Kirana Sdn. Bhd. meningkatkan fi pemprosesan secara mendadak sebanyak 233 peratus iaitu RMB400 bagi *one entry* dan RMB200 untuk *multiple entry*.

Saya ingin tahu, siapakah pengurus dan pemilik syarikat Ultra Kirana dan siapa dalam anggota pengurusan syarikat tersebut? Beliau ialah kroni kepada Menteri apa dalam Kabinet?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh kena ringkaskan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Perkhidmatan yang diberikan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh kena ringkaskan. Hari ini *last* bahas ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya faham, saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, hari ini *last* perbahasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Perkhidmatan imigresen seperti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minggu depan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pemprosesan visa bagi pelancong China ke Malaysia memang tidak sepatutnya diswastakan. Saya ingin bertanya dengan Kementerian Dalam Negeri:

- (i) apakah kriteria syarikat Ultra Kirana dilantik untuk memproses visa di China?;
- (ii) kenapakah Kementerian Dalam Negeri tidak menguruskan proses visa secara sendiri?;
- (iii) proses pelantikan Ultra Kirana ini ialah melalui proses tender ataupun secara rundingan terus?;
- (iv) kalau ia adalah tender, apakah syarikat-syarikat yang masuk tender dan kekurangan mereka berbanding dengan Ultra Kirana?;
- (v) apabila Ultra Kirana meningkatkan fi pemprosesan visa pelancong China ke Malaysia, apakah ia diluluskan oleh Kabinet ataupun Kementerian Dalam Negeri? Kalau bukan Kabinet ataupun KDN, sila nyatakan siapakah dan bagaimanakah yang meluluskan kenaikan fi secara mendadak;
- (vi) apakah kos pemprosesan visa oleh Ultra Kirana?; dan,
- (vii) berapakah pendapatan purata pemprosesan visa oleh Ultra Kirana dalam sebulan dan setahun?

Saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri menjawab semua ini. Saya difahamkan banyak agensi pelancongan dan agensi kerajaan di negara China amat marah atas penukaran dasar berkenaan dengan visa kemasukan ke Malaysia. Saya juga diberitahu baru-baru ini, sebuah rombongan seramai 500 orang pelajar China yang ditaja oleh Kerajaan China yang berhasrat untuk melawat Malaysia membatalkan lawatan mereka selepas isu peningkatan fi pemprosesan visa ke Malaysia oleh Ultra Kirana ini timbul lagi.

Jadi memandangkan Ultra Kirana telah mencetuskan banyak masalah dan merupakan penghalang kepada usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong China ke Malaysia, saya ingin meminta Kementerian Dalam Negeri membatalkan pelantikan syarikat ini dan kementerian mengambil alih tanggungjawab pemprosesan visa pelancong China ke Malaysia dengan pegawai imigresen sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia semakin merosot dan kos hidup kita semakin meningkat. Saya difahamkan terdapat ramai orang miskin, malah tidak mampu untuk membeli makanan yang cukup termasuk pelajar universiti dan kolej yang belajar dengan pinjaman PTPTN ataupun biasiswa. Justeru itu, saya mengalu-alukan program MyBeras yang memberikan 20 kg beras setiap bulan bagi keluarga yang miskin sehingga bulan Disember akhir tahun ini. Sehubungan itu, saya juga menyambut baik usaha sama di antara DBKL dan syarikat berkaitan kerajaan untuk menubuhkan rumah perlindungan khas bagi gelandangan di Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, kalau kita mengikut penulis Papargyropoulou dalam artikel yang bertajuk, "*CIWM Article on Food Waste Management in Malaysia*". Beliau berkata, anggaran Malaysia akan menghasilkan 33,000 tan sisa pepejal sehari pada tahun 2020 dan 45 peratus daripada 33,000 tan sisa pepejal yang dihasilkan setiap hari ialah sisa makanan. Ini bermaksud Semenanjung Malaysia akan mengisi hampir 16 Menara Berkembar Petronas dengan sisa makanan yang dijanakan.

Saya difahamkan, banyak syarikat pengeluaran makanan, pasar raya dan hotel membuang makanan mereka setiap hari kerana mereka tidak ingin menanggung risiko di bawah seksyen 13A dalam Akta Makanan yang berbunyi, "*Mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya-*

(a) *apa-apa bahan binatang atau sayuran yang berpenyakit, kotor, reput atau bangar;*

sama ada dikilangkan atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau kedua-duanya".

Saya ingin mencadangkan kerajaan meminda Akta Makanan tersebut dan menggubal undang-undang baru supaya syarikat-syarikat yang mengeluarkan dan memproses makanan dapat menderma makanan kepada golongan miskin.

Pada hari Isnin yang lepas, Kerajaan Itali membentangkan satu rang undang-undang yang mengehendaki pasar raya ataupun *supermarket* untuk menderma makanan yang lebih untuk kebajikan. Itali merupakan negara kedua di Eropah yang meluluskan undang-undang sebegini selepas Perancis pada bulan Februari tahun ini yang melarang pasar raya membuang makanan yang tidak dijual dan mengenakan denda kepada pasar raya yang membuang makanan yang tidak dapat dijual. Memandangkan bilangan golongan yang papa miskin ini semakin bertambah di negara kita, saya ingin mencadangkan kerajaan mencontohi Itali dan juga Perancis untuk menghendaki syarikat pengeluaran makanan, pasar raya, hotel dan restoran untuk menderma makanan yang masih boleh dimakan dan tidak terjual kepada orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apakah perancangan trafik di pusat bandar Kuala Lumpur memandangkan di kawasan saya semakin banyak projek pembangunan bangunan yang tinggi diluluskan oleh DBKL. Saya ingin minta sebuah terowong dibina di persimpangan di Jalan Kuchai Lama iaitu persimpangan di antara Jalan Kuchai Lama dan juga Lebu Raya Besraya. Saya berharap LLM boleh memanggil satu mesyuarat dengan syarikat Besraya, DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membincangkan cadangan pembinaan terowong tersebut memandangkan kesesakan trafik semakin serius di kawasan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

■1730

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pihak manakah yang bertanggungjawab atas pengurusan KL Sentral iaitu hak pengangkutan awam di Lembah Klang. Mengikut laporan di *Malay Mail* bertarikh 14 Mac, banyak pelambakan di KL Sentral berada dalam keadaan yang rosak dan lapuk tetapi ia tidak diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Jadi, memandangkan kerajaan berkali-kali kata ingin menaik taraf pengangkutan awam di Lembah Klang, saya ingin minta kerajaan mengambil perhatian terhadap banyak kerosakan tersebut dan mengambil langkah untuk memperbaikinya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Bakri lima minit. Yang Berhormat Dungun lima minit.

5.30 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang minat? Bagi Yang Berhormat Ampang lima minit. Sepuluh minit. Lima minit saya *stop* ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu Gajah lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak sempat sudah, saya ada kuasa 15 minit sahaja. Ya. Sila.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak apa saya pendekkan. Adalah difahami bahawa dalam MOU yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bangladesh untuk kemasukan pekerja Bangladesh baru-baru ini, syarikat Synerflux Sdn. Bhd. sudah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai pembekal sistem pengurusan *online*. Diminta kerajaan nyatakan adakah Tan Sri Dato' Seri Azmi bin Khalid dan Aminul Islam merupakan pengurus syarikat tersebut?

Sila jelaskan berapakah pembayaran daripada kerajaan kepada syarikat Synerflux Sdn. Bhd. untuk perkhidmatan yang diberi oleh syarikat tersebut? Adalah difahami bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan banyak syarikat tempatan yang memohon kemasukan pekerja asing. Sila senaraikan syarikat-syarikat yang mengemukakan permohonan dan berapakah jumlah pekerja yang dipohon untuk syarikat masing-masing?

Saya juga meminta kerajaan memberikan kaedah dan cara pembidaan bahawa bagaimana angka 1.5 juta ini diperolehi. Di mana memberikan penjelasan apakah fungsi kerajaan terhadap resolusi industri 4.0? Adakah kerajaan akan memberikan peruntukkan untuk menggalakkan penggunaan robotik dalam bidang industri? Berapakah jumlah peruntukan yang akan guna pakai? Apakah tindakan kerajaan terhadap agensi-agensi Kerajaan Malaysia di negara China yang cuba meningkatkan bayaran untuk permohonan visa sebanyak 300 peratus?

Adakah kementerian yang berkaitan sedar tentang isu ini? Mengapa perkara ini boleh berlaku? membenarkan pelancong dari negara China akan mendatangkan pendapatan kepada Malaysia, terutama dalam situasi ekonomi yang begitu teruk baru-baru ini. Sila nyatakan fungsi pengurangan gas rumah hijau di Malaysia. Sila senaraikan pengurangan CO₂ di setiap kawasan perindustrian dalam negara kita. Adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Adakah projek PIPC dan pusat *hub* minyak di Tanjung Piai penting? Bercanggah dengan polisi fungsi tenaga hijau di Malaysia. Akhir sekali, berapakah jumlah peruntukan kerajaan yang akan digunakan untuk mencapai sasaran tenaga hijau? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Dungun lima minit. Kalau ringkas, boleh beri peluang kepada Yang Berhormat Batu Gajah.

5.33 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan dan ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pembukaan persidangan penggal Parlimen pada kali ini.

Pertama, saya ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan pembangunan Hospital Dungun secara khusus. Oleh sebab kerja tanah telah siap tetapi bilakah tender akan dibuka untuk kerja-kerja pembangunan dan pembinaan?

Kedua, berkaitan dengan satu soalan yang saya kemukakan tetapi telah ditolak. Tidak berasaskan pada sebab penolakan yang sepatutnya. Oleh kerana dalam pertanyaan yang saya tanyakan ini oleh sebab kenyataan Peguam Negara bahawa 2.03 bilion telah dipulangkan semula kepada keluarga Diraja Arab Saudi. Maka, saya pohon nyatakan individu penerima pulangan wang derma itu tetapi sebab di tolak itu adalah tidak munasabah. Oleh kerana pertanyaan-pertanyaan bolehlah diarahkan kepada Menteri-menteri berkenaan mengenai hal-hal yang dalam jawatan mereka.

Sedangkan soalan saya tujukan adalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kita tidak ada kementerian yang khusus berkaitan dengan undang-undang dan tidak ada Menteri khusus yang menjaga undang-undang, melainkan berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh sebab itu, kita ajukan soalan ini untuk masa akan datang jika ada sebab-sebab penolakan, biarlah munasabah dengan sebab-sebab penolakan dengan soalan-soalan yang dikemukakan.

Ketiga, saya hendak khususkan dan ringkaskan bagi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya minta supaya kita ingat kepada ayat al-Quran... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] ayat ini ada dalam Surah Al-Kahfi yang bermaksud, "*Adapun perahu itu ia adalah milik orang-orang miskin, yang mereka gunakan untuk bekerja di laut dan Aku cacatkan sedikit perahu itu supaya ia tidak dirampas oleh raja yang ada di belakang mereka*". Dengan makna, kerajaan mestilah memberikan tumpuan kepada kepentingan dan hak orang-orang miskin. Dalam soal yang berkaitan dengan hak orang miskin ini, kita mesti benar-benar berikan penumpuan. Hak mereka jangan kita ambil dengan cara sewenang-wenangnya.

Saya ingin untuk bertanya tentang bil api elektrik TNB sekarang ini, yang sebahagiannya di dalamnya ada berkaitan dengan GST yang dikenakan dan ada juga 1.6 peratus daripada KWTBB yang ini sebahagiannya tidak difahami oleh rakyat biasa. Jadi, perlukan penjelasan mengapa kutipan-kutipan dibuat terhadap bil-bil yang ada sebahagiannya rakyat yang dalam kesulitan dan kesusahan. Akan tetapi kita mengenakan berbagai-bagai cukai terhadap mereka yang menyebabkan ini perlu diberikan perhatian. Bukan hanya kita adakan jawatankuasa tetapi tidak memberikan tumpuan dan perhatian kepada menyelesaikan masalah kos sara hidup yang sangat tinggi, yang sangat dirasakan oleh orang-orang miskin pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Ampang, ringkas.

5.37 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*. Saya hanya ingin menyentuh Titah Baginda pada para 27 mengatakan bahawa golongan wanita berperanan dan amat penting dalam pembangunan negara.

Jadi, saya ingin menekankan di sini Tuan Yang di-Pertua kerana kalau tidak ada wanita yang mengandung atau melahirkan dan menyusu, maka tidak ada generasi yang akan datang pada masa akan datang di negara ini. Jadi, oleh ini saya ingin membawa kes Fadhila, seorang guru sandaran yang telah ditolak permohonan beliau kerana beliau hamil ketika itu dan telah masuk dalam mahkamah dan menang kes ini dan menjadi satu *landmark* kes. Pertama kali seorang wanita yang membawa kes ini ke mahkamah dan menang dengan mendapat ganjaran pampasan 300 ribu.

Akan tetapi malangnya kes ini berulang alik dan telah pada bulan lepas telah dijatuhkan pula pampasan itu kepada 30 ribu sahaja. Jadi, saya ingin meminta agar Kementerian Wanita dan juga kementerian berkaitan untuk memastikan bahawa polisi-polisi yang mesra wanita harus di adakan kerana *sunnahtullah* ialah orang perempuan itu mengandung. Jadi, tidak patut mereka didiskriminasikan dalam dunia pekerjaan.

Jadi, saya harap Menteri Sumber Manusia dan Menteri Wanita mengambil perkara ini agar tidak ada wanita yang didiskriminasikan.

Kedua, juga saya hendak menyentuh tentang minggu lepas saya ada satu isu perempuan India, wanita India, seorang *lecturer* yang telah di ragut dan lepas itu meminta bantuan dengan polis bantuan untuk menghantar beliau kerana beliau mengandung dan ada *bleeding* untuk meminta bantuan polis menghantar beliau, polis bantuan ke Hospital Kajang kerana beliau ada rekod di situ tetapi polis tidak boleh buat apa-apa. Polis bantuan ini telefon bos di pejabat, bos kata, '*Dia ada rantaikan? Pergi gadai rantai, bayar teksi*'.

Jadi, itu bukanlah caranya. Saya harap ada satu polisi yang lebih *friendly*, mesra wanita dalam keadaan wanita mengandunglah, wanita tua dan sebagainya, dalam keadaan *in distress*. Jadi, maka harus ada satu *discretion* di pihak polis-polis ini boleh dapat memberi *priority* untuk membantu mereka. Jadi, saya hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah, penutup.

5.39 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin bawa satu atau dua perkara yang penting. Pertama, berkaitan dengan isu sistem e-Bida yang akan diperkenalkan tidak lama lagi. Ketua Hakim Negara, Tun Ariffin Zakaria telah mengumumkan bahawa sistem e-Bida akan diperkenalkan pada bulan Julai ini menggantikan sistem pelepasan manual di Mahkamah Tinggi. Saya difahamkan, Majlis Pelepasan Malaysia membantah sistem e-Bida ini. Berita ini disiarkan dalam akhbar *Malay Mail* bertarikh 26 Februari 2016. Sistem baru yang akan diperkenalkan ini akan menyebabkan 1,500 orang pelepasan awam akan hilang kerja di seluruh negara.

■1740

Sistem e-bida ini juga dikatakan tidak memenuhi prinsip-prinsip syariah. Adakah ini benar? Pelepasan tidak ada peranan lagi apabila sistem e-Bida diperkenalkan.

Selain daripada itu, sistem e-Bida ini mempunyai banyak kelemahan. Satu daripadanya ialah mengenai ketelusan pembidaan yang dilakukan. Saya juga tidak faham kenapa pihak mahkamah ingin campur tangan dalam urusan perniagaan ini. Bukankah mahkamah mempunyai konflik kepentingan jika melibatkan secara langsung dalam urusan pelepasan harta benda?

Industri ini diregulasikan melalui undang-undang Kanun Tanah Negara dan Enakmen Jualan Lelong. Oleh yang demikian, apa-apa pembaharuan yang ingin dilakukan haruslah dibawa ke Dewan ini untuk membuat pindaan. Maka, adalah wajar untuk menengahkan keputusan untuk melaksanakan pelepasan e-Bida pada bulan Julai ini.

Tambahan pula, Mahkamah Tinggi telah membuat *ruling* mandatori yang baru iaitu mewajibkan kredit SPM dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik serta lulus Bahasa Inggeris bagi pelepasan berlesen. Syarat umur juga telah dihadkan kepada 60 tahun sahaja. Adakah ini bertujuan untuk sengaja menghilangkan kelayakan pelepasan-pelepasan yang sedia ada?

Isu kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan Pendidikan Khas. Dalam mengejar arus pembangunan, kualiti pendidikan negara dan dasar-dasar negara yang berkaitan dengannya haruslah diberi perhatian yang khusus. Pendidikan yang dimaksudkan adalah merangkumi Pendidikan Khas yang melibatkan kanak-kanak yang berkelainan upaya.

Dalam laporan Bernama bertarikh 24 Februari 2016, Timbalan Menteri Pendidikan ada menyebut bahawa kementerian akan melatih guru-guru arus perdana supaya memastikan murid-murid berkelainan upaya juga akan menerima peluang-peluang pendidikan yang sama seperti murid-murid di aliran perdana. Beliau juga telah memberi galakan kepada NGO-NGO untuk bekerjasama dengan kementerian dengan berkongsi pengetahuan dan menghulurkan bantuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Khas.

Menurutnya, tenaga guru Pendidikan Khas adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan 60,875 orang murid yang menjalani program Pendidikan Khas. Pada hakikatnya, jumlah ini adalah jauh lebih kecil daripada jumlah yang sebenar.

Pada masa ini, program Pendidikan Khas hanya dibekalkan kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kurang upaya yang sederhana. Dijangka, secara konservatif, bahawa terdapat 400,000 orang kanak-kanak yang memerlukan Pendidikan Khas yang sedang belajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Ini merangkumi 10 hingga 15 peratus daripada jumlah keseluruhan kanak-kanak di seluruh negara. Meletakkan kesemua anak-anak ini di bawah program Pendidikan Khas adalah tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Guru-guru arus perdana tidak dapat menangani mereka malah memerlukan latihan dan sokongan secara praktikal. Sistem kita perlu disusun atur semula dan menyuntik tenaga kerja yang mencukupi. Kaedah yang berkesan yang dapat dilihat daripada beberapa negara yang berjaya ialah pendidikan inklusif. Kanak-kanak kelainan upaya diserapkan dalam pendidikan arus perdana. Bukankah ini merupakan satu daripada dasar dalam *National Education Blueprint*? Akan tetapi, kita telah jauh ketinggalan daripada sasaran tahun 2015 iaitu 15 peratus inklusif.

Kementerian harus mengambil segala langkah untuk menganjak program Pendidikan Khas kepada program pendidikan inklusif. Matlamatnya ialah untuk membolehkan atau memudahkan anak-anak kelainan upaya supaya kekal dalam pendidikan arus perdana.

Selain daripada itu, ibu bapa dan pihak NGO berkaitan juga boleh memberi sumber sokongan kepada guru-guru yang terlibat dengan kanak-kanak kelainan upaya ini. Pada hakikatnya, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai kesungguhan atau komitmen yang mencukupi untuk memberi sokongan yang diperlukan oleh kanak-kanak dan guru-guru ini. Apa yang diperlukan ialah sokongan dan bantuan secara praktikal, bukannya latihan demi latihan yang tidak membawa manfaat. Apakah kementerian sanggup memberi komitmen ini? Itu saja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Baiklah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 21 Mac 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang]